




MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS



Membuka Minda, Merangkum Perubahan

LAPORAN TAHUNAN 2014



## RASIONAL

### Membuka Minda, Merangkum Perubahan

Di seluruh dunia, buku yang terbuka dan mentol ialah ikon yang merujuk kepada pengetahuan, pembelajaran dan inovasi. Sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap profesion perakaunan Malaysia, strategi MIA ialah untuk membantu para ahli menjadi profesional kewangan bertaraf dunia dengan melengkapkan mereka dengan pengetahuan terkini dan paling relevan, menggalakkan pembelajaran serta inovasi sebagai alat kepada perubahan pengurusan. Justeru, buku dan mentol menjadi metafora paling sesuai bagi menggambarkan misi dan visi kami dalam meningkatkan kemahiran dan kepakaran para ahli, membuka minda mereka, serta membolehkan mereka menerima pakai dan memanfaatkan kuasa transformasi dan perubahan secara berterusan.

Jika dilihat secara lebih mendalam, mentol yang direka menggunakan pensel pelbagai warna merujuk kepada kepelbagaian dan kekayaan sumber-sumber pengetahuan yang dimiliki IAM. Struktur kompleks melambangkan keperluan untuk kerjasama bagi mensintesikan pengetahuan dan memacu inovasi dalam usaha mengukuhkan sumber serta kesannya terhadap profesion perakaunan. Secara holistik, pensel yang saling bersambung membawa maksud kekuatan kolektif - dengan penggabungan sumber-sumber untuk maju ke hadapan dalam menyediakan perkhidmatan perakaunan dan kewangan yang paling berkualiti, profesion mendukung misinya untuk muncul sebagai pusat kecemerlangan perakaunan dalam usaha menyokong negara mencapai matlamat sebagai negara berteraskan perkhidmatan maju dan mewah serta berasaskan pengetahuan menjelang 2020.

## **AKAUNTAN BERTAULIAH MALAYSIA DAN MIA**

Akauntan Bertauliah Malaysia atau "C.A.(M)" adalah gelaran yang dianugerahkan oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA) kepada golongan profesional dalam perakaunan, perniagaan dan kewangan dengan kelayakan perakaunan yang diiktiraf serta pengalaman kerja yang relevan. C.A.(M) ialah peneraju industri, pemimpin korporat dan pembuat keputusan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan negara.

IAM ditubuhkan di bawah Akta Akauntan 1967 sebagai badan berkanun perakaunan yang mengawal selia, membangun, menyokong serta meningkatkan integriti dan status profesion disamping mendukung kepentingan awam.

Melalui kerjasama rapat dengan rakan kongsi perniagaan strategik dan pihak-pihak berkepentingan, MIA menyatakan ahli-ahlinya dengan rangkaian program pembangunan profesional yang berterusan, maklumat-maklumat terkini dan peluang-peluang kerjasama. Ketika ini, terdapat hampir 30,000 ahli MIA mengorak langkah dalam pelbagai industri di Malaysia dan di seluruh dunia.

### **VISI IAM**

Untuk diiktiraf diperingkat global dan menjadi rakan kongsi yang komited kepada pembangunan negara.

### **OBJEKTIF STRATEGIK MIA**

### **NILAI-NILAI UTAMA PENGURUSAN**

### **FUNGSI IAM**

### **MISI IAM**

Untuk membangun, menyokong dan memantau kualiti serta kemahiran agar konsisten dengan amalan baik global dalam profesion perakaunan bagi kepentingan pihak-pihak berkepentingan.

- Membangun dan meningkatkan kompetensi Profesional Perakaunan memenuhi kehendak pasaran ;
- Lanjutkan dan tingkatkan status para ahli dan profesion perakaunan di Malaysia;
- Mengawal selia amalan profesion perakaunan di Malaysia selaras dengan amalan terbaik dan piawaian sejagat;

- |  |  |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Integriti</li><li>• Saling Mempercayai dan Menghormati</li><li>• Profesionalisme</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Akauntabiliti</li><li>• Komitmen</li><li>• Kerjasama</li></ul> |
|--|--|

Seksyen 6, Akta Akauntan 1967 (Akta) menyatakan bahawa fungsi-fungsi Institut adalah seperti yang berikut:

- Untuk menentukan kelayakan seseorang yang akan didaftarkan sebagai ahli;
- Untuk menyediakan latihan dan pendidikan; oleh Institut atau badan lain, kepada seseorang yang mengamalkan atau ingin mengamalkan profesion perakaunan;
- Untuk meluluskan Peperiksaan Kelayakan (QE) MIA dan untuk mengawal selia dan memantau pengendalian Peperiksaan;
- Untuk mengawal selia amalan profesion perakaunan di Malaysia;
- Untuk mempromosi, melalui sebarang cara yang difikirkan patut, kepentingan profesion perakaunan di Malaysia;
- Untuk menjaga kepentingan atau memberi lain-lain bantuan yang berkaitan kepada ahli-ahli atau tanggungannya dalam apa cara yang berpatutan dengan niat untuk melindungi atau meningkatkan kebajikan mereka; dan
- Secara umumnya melaksanakan sebarang usaha yang sesuai bertujuan untuk mencapai objektif-objektif di atas.

# KANDUNGAN

## 03 NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-28

### AHLI MAJLIS IAM 1 JULAI 2013 - 30 JUN 2014

5 Ahli Majlis IAM

### KENYATAAN PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

12 Perutusan Presiden  
16 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

### LAPORAN MAJLIS IAM

20 Rangka Kerja Tadbir Urus  
Fungsi – fungsi Institut  
21 Penyata Tadbir Urus dan Kawalan Dalaman Institut Majlis  
Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)  
Jawatankuasa Pencalonan (NC)  
Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)  
22 Persekitaran Kawalan dan Struktur Institut  
24 Komposisi Ahli Majlis/Jawatankuasa Urus Tadbir

### CEKAP DI PERINGKAT GLOBAL, BERPENGATAHUAN DI PERINGKAT TEMPATAN

28 Pembangunan Keahlian  
Kemasukan Ahli Menerusi Bahagian I, Jadual Pertama Akta Akauntan 1967  
29 Kemasukan Ahli Menerusi Bahagian II, Jadual Pertama Akta Akauntan 1967

### MEMPERKAYAKAN PENGETAHUAN DAN MEMASTIKAN AKAUNTABILITI

42 Mempercepatkan Perkembangan Ilmu dan Kecekapan  
44 Rakan-rakan dan Organisasi Sokongan  
45 Bantuan Kewangan yang Diperoleh untuk Ahli-ahli IAM dari Kalangan SMP dan SME  
Kursus CPE Percuma untuk Ahli-ahli IAM  
46 Inisiatif-Inisiatif Spesifik CPE dan Pencapaian Sepanjang Tahun  
49 Piawaian dan Amalan Profesional (PSP)

### MEMPERTABATKAN KEPENTINGAN AWAM

56 Memastikan Kompetensi Menerusi Pematuhan Pendidikan Profesional Berterusan (CPE)  
Semakan Amalan – Memperbaiki dan Meningkatkan Kualiti Audit untuk Profesional Perakaunan  
57 Penelitian Penyata Kewangan  
58 Memastikan Semakan dan Imbalan dalam Profesional Penyiasatan  
60 Laporan Jawatankuasa Tatatertib  
62 Rayuan Tatatertib

### JAWATANKUASA-JAWATANKUASA: JAWATANKUASA BERKANUN DAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LAIN

64 Berkanun  
65 Teknikal  
70 Pengawasan  
71 Wakil-wakil Keahlian

### PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2014

76 Laporan Ketua Audit Negara  
78 Penyata Majlis  
Pengakuan Berkanun  
79 Penyata Kedudukan Kewangan  
80 Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain  
81 Penyata Perubahan dalam Dana Terkumpul  
82 Penyata Aliran Tunai  
83 Nota-nota Penyata Kewangan

# NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-28

**Notis diberi menurut Kaedah 10, Kaedah-Kaedah Institut Akauntan Malaysia (Keanggotaan dan Majlis), 2001, bahawa Institut Akauntan Malaysia akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Puluh Lapan pada hari Sabtu, 27 September 2014 jam 12.00 tengahari di Mahkota Ballroom, Istana Hotel, 73 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.**

## AGENDA

1. Untuk memilih **tiga (3)** anggota Majlis bagi tahun berikutnya menurut peruntukan perenggan (g) subsekyen (1) seksyen 8, Akta Akauntan, 1967.
4. Untuk menerima laporan tahunan Majlis.
5. Untuk menerima penyata kewangan Institut bagi tahun berakhir 30 Jun 2014 serta laporan juruaudit berkenaan dengannya.
6. Untuk meluluskan Resolusi berikut yang dicadangkan oleh Majlis:

Anggota - anggota Majlis yang berikut ini telah bersara mengikut peruntukan perenggan kecil (1)(b) kepada perenggan 2B, Jadual Kedua Akta Akauntan, 1967 dan tidak menawarkan diri untuk dilantik semula di mesyuarat agung tahunan yang akan datang:

Dato' Narendra Kumar Jasani  
Simon Kua Choo Kai  
Ahmad Zahirudin Abdul Rahim

Pencalonan telah diterima berkenaan anggota-anggota berikut untuk pemilihan ke Majlis:

Azizan bin Zakaria  
Folk Jee Yoong  
Foong Mun Kong  
Ng Kean Kok  
Ng Pyak Yeow  
Venkiteswaran Sankar  
Yap Seng Chong

2. Ucapan Presiden.
3. Untuk menimbang dan menerima minit-minit Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Puluh Tujuh yang telah diadakan pada 28 September 2013.


**ADALAH DENGAN INI DIPUTUSKAN BAHAWA**  
peperiksaan akhir INTI International University untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) diiktiraf oleh Institut Akauntan Malaysia («Institut») sebagai kelayakan yang setaraf dengan peperiksaan-peperiksaan akhir yang dinyatakan di dalam Bahagian I Jadual Pertama kepada Akta Akauntan 1967 dan Menteri Kewangan adalah dinasihatkan oleh Institut untuk meminda Bahagian I Jadual Pertama kepada Akta Akauntan 1967 dengan sewajarnya.

7. Urusan lain-lain.

**Dengan perintah Majlis**

**SUDIRMAN MASDUKI**  
Pendaftar

**3 September 2014**



Ahli Majlis IAM  
1 Julai 2013 - 30 Jun 2014





**Datuk Wan Selamah Wan Sulaiman  
Akauntan Negara**

Datuk Wan Selamah Wan Sulaiman dilantik sebagai Akauntan Negara Malaysia semenjak 29 November 2010.

**Johan Idris  
Presiden**

*Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 16 Julai 2011 di bawah Seksyen 8(1)(f)*

Johan Idris dipilih menjadi Presiden IAM semenjak 22 Julai 2013. Beliau merupakan Rakan Pengurusan KPMG Malaysia.

**Datuk Zaiton Mohd Hassan  
Naib Presiden**

*Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 16 Julai 2013 di bawah Seksyen 8(1)(d)*

Datuk Zaiton Mohd Hassan dipilih menjadi Naib Presiden IAM semenjak 22 Julai 2013. Beliau merupakan Presiden Jawatankuasa Advisory ACCA Malaysia dan juga Pengarah Urusan Capital Intelligence Advisors Sdn Bhd.



**Dato' Rosini Abd Samad  
Timbalan Akauntan Negara  
(Korporat)**  
*Dilantik di bawah Seksyen 8(1)(a)*

Wakil kepada Akauntan Negara dan dilantik pada 16 Disember 2010 di bawah Seksyen 8(1)(a).

**Prof. Madya Dr. Mohamat  
Sabri Hassan**

*Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 16 Julai 2011 di bawah Seksyen 8(1)(b)*

Prof. Madya Dr. Mohamat Sabri Hassan merupakan Ketua Program Siswazah, Sekolah Perakaunan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

**Dr Nurmazilah Dato' Mahzan**  
*Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 1 Ogos 2012 di bawah Seksyen 8(1)(b)*

Dr Nurmazilah Dato' Mahzan merupakan Pensyarah Kanan (Program Ijazah) Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya (UM). Beliau juga merupakan Penyelaras, International Audit Education Partnership (IAEP), Universiti Malaya, Ahli Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (Malaysian Accounting Standards Board) dan Gabenor Institut Audit Dalaman Malaysia.



**Prof Madya Dr Nor Aziah Abu Kasim**

Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 1 Mac 2013 di bawah Seksyen 8(1)(b)

Prof Madya Dr Nor Aziah Abu Kasim merupakan Timbalan Dekan Perhubungan Komuniti dan Industri, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

**Prof Dr Rozainun Haji Abdul Aziz**

Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 16 Julai 2013 di bawah Seksyen 8(1)(b)

Prof Dr Rozainun Haji Abdul Aziz merupakan Dekan Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM).

**Prof Dr Ayoib Che Ahmad**

Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 15 Oktober 2013 di bawah Seksyen 8(1)(b)

Prof Dr Ayoib Che Ahmad merupakan Profesor, Pusat Pengajian Perakaunan, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM COB). Beliau juga merupakan Bendahari, Asian Academic Accounting Association (FourA) semenjak tahun 2002 sehingga sekarang.



**Dato' Abdul Rauf Rashid**

Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 16 Julai 2013 di bawah Seksyen 8(1)(f) sehingga 20 Jun 2014. Bermula 21 Jun 2014, beliau dilantik di bawah Seksyen 8(1)(c)

Dato' Abdul Rauf Rashid merupakan Presiden Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA). Beliau juga merupakan Rakan Pengurusan Negara Ernst & Young (EY) Malaysia dan juga Ketua Asurans ASEAN firma itu.

**Ken Pushpanathan**

Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 23 Jun 2012 di bawah Seksyen 8(1)(c) dan tempoh lantikan tamat pada 20 Jun 2014

Ken Pushpanathan pada masa itu adalah Presiden Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA).

**Ooi Thiam Poh, Alex**

Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 1 Mac 2013 di bawah Seksyen 8(1)(d)

Ooi Thiam Poh, Alex merupakan Presiden CPA Australia (Divisyen Malaysia). Beliau juga merupakan Rakan Kongsi Audit di firma BDO Malaysia.


**Mohamed Raslan Abdul Rahman**

Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 1 Disember 2012 di bawah Seksyen 8(1)(e) dan meletak jawatan pada 11 Januari 2014

Mohamed Raslan Abdul Rahman merupakan Rakan Kongsi KPMG Malaysia.

**Mohd Noh Jidin**

Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 1 Disember 2010 di bawah Seksyen 8(1)(f)

Mohd Noh Jidin merupakan Presiden Persatuan Firma-Firma Akauntan Bertauliah Melayu Malaysia.

**Eugene Wong Weng Soon**

Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 16 Julai 2011 di bawah Seksyen 8(1)(f)

Eugene Wong Weng Soon merupakan Pengarah Eksekutif, Kewangan Korporat dan Pelaburan (CFI), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).


**Zahrah Abd Wahab Fenner**

Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 16 Julai 2011 di bawah Seksyen 8(1)(f)

Zahrah Abd Wahab Fenner merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

**Mohd Zabidi Md Nor**

Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 15 Oktober 2013 di bawah Seksyen 8(1)(f)

Mohd Zabidi Md Nor merupakan Pengarah Dasar Kewangan Pruden, Bank Negara Malaysia (BNM).

**Dr Veerinderjeet Singh**

Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 1 Mei 2014 di bawah Seksyen 8(1)(f)

Dr Veerinderjeet Singh merupakan Pengerusi Taxand Malaysia Sdn Bhd.

**Mohamad Azmi Ali**

Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 1 Mei 2014 di bawah Seksyen 8(1)(f)

Mohamad Azmi Ali merupakan Pengarah Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP), Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Beliau juga merupakan Presiden Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERASAMA).

**Yeo Tek Ling**

Dilantik semula menjadi Ahli Majlis IAM pada 1 Mei 2014 di bawah Seksyen 8(1)(f)

Yeo Tek Ling merupakan Pengarah Kewangan, Advanced Packaging Technology (M) Bhd.

**Mustapa Kamal Mohd Razali**

Dilantik menjadi Ahli Majlis IAM pada 1 Ogos 2012 di bawah Seksyen 8(1)(f) dan meletak jawatan pada 6 Februari 2014

Mustapa Kamal Mohd Razali merupakan Pengurus Besar Kewangan, SCOMI Rail Berhad dan mantari Pengurus Besar Strategi Perniagaan dan Kewangan merangkup Ahli Jawatankuasa Transformasi Global Korporat KNM Bhd dan Ketua Pegawai Operasi, Saudi KNM Ltd. Co. bagi tempoh Jun 2012 - Jun 2014.

**Dato' Narendra Kumar Jasani**

Dipilih menjadi Ahli Majlis IAM pada 25 September 2010 di bawah Seksyen 8(1)(g)

Dato' Narendra Kumar Jasani merupakan Rakan Kongsi Urusan bagi Malaysia di firma Grant Thornton Malaysia.

**Ahmad Zahirudin Abdul Rahim**

Dipilih menjadi Ahli Majlis IAM pada 24 September 2011 di bawah Seksyen 8(1)(g)

Ahmad Zahirudin Abdul Rahim merupakan Rakan Kongsi Perkhidmatan Asurans firma Ernst & Young.

**Chan Wan Siew, Paul**

Dipilih menjadi Ahli Majlis IAM pada 24 September 2011 di bawah Seksyen 8(1)(g)

Chan Wan Siew, Paul merupakan Presiden, Malaysian Alliance of Corporate Directors

**Kua Choo Kai, Simon**

Dipilih menjadi Ahli Majlis IAM pada  
24 September 2011 di bawah Seksyen 8(1)(g)

Kua Choo Kai, Simon merupakan  
Rakan Kongsi Perkhidmatan Asurans  
firma Ernst & Young.

**Dealanathan Joseph Lourdes**

Dipilih menjadi Ahli Majlis IAM pada  
29 September 2012 di bawah Seksyen 8(1)(g)

Dealanathan Joseph Lourdes merupakan  
Juruaudit dan Pengasas Rakan Kongsi firma  
Lourdes & Kanna Partnership (Amalan Audit)

**Leong Kah Mun**

Dipilih menjadi Ahli Majlis IAM pada  
29 September 2012 di bawah Seksyen 8(1)(g)

Leong Kah Mun merupakan Pengarah Urusan  
bagi firma penasihat tadbir urus korporat.

**Soo Hoo Khoon Yean**

Dipilih menjadi Ahli Majlis IAM pada  
29 September 2012 di bawah Seksyen 8(1)(g)

Soo Hoo Khoon Yean merupakan  
Rakan Kongsi di PricewaterhouseCoopers  
Malaysia.

**Dato' Heng Ji Keng**

Dipilih menjadi Ahli Majlis IAM pada  
28 September 2013 di bawah Seksyen 8(1)(g)

Dato' Heng Ji Keng merupakan Pengurus  
Institute of Chartered Accountants Australia  
(ICAA) Cawangan Malaysia. Beliau juga  
adalah Pengurus Eksekutif Baker Tilly  
Monteiro Heng dan Ferrier Hodgson MH.

**Dr Mohd Nordin Mohd Zain**

Dipilih menjadi Ahli Majlis IAM pada  
28 September 2013 di bawah Seksyen 8(1)(g)

Dr Mohd Nordin Mohd Zain merupakan  
Pengarah Eksekutif Deloitte Malaysia.



**Lim Thiam Kee, Peter**

Dipilih menjadi Ahli Majlis IAM pada 28 September 2013 di bawah Seksyen 8(1)(g)

Lim Thiam Kee, Peter merupakan Rakan Kongsi Urusan di firma T K Lim & Associates.

**Dato' Liew Lee Leong, Raymond**

Dipilih menjadi Ahli Majlis IAM pada 12 September 2009 di bawah Seksyen 8(1)(g) dan bersara pada 11 September 2013

Dato' Liew Lee Leong, Raymond merupakan Presiden di firma McMillan Woods Global.

**Soh Siong Hoon, Sam**

Dipilih menjadi Ahli Majlis IAM pada 25 September 2010 di bawah Seksyen 8(1)(g) dan bersara pada 28 September 2013

Soh Siong Hoon, Sam merupakan Rakan Kongsi Urusan di firma Soh & Co. di Johor Bahru.



**Subramaniam AV Sankar**

Dipilih menjadi Ahli Majlis IAM pada 25 September 2010 di bawah Seksyen 8(1)(g) dan bersara pada 28 September 2013

Subramaniam AV Sankar merupakan Rakan Kongsi firma HALS & Associates.



**Sudirman Masduki**

Pendaftar

Dilantik semenjak 1 Disember 2012.

The background features a large, green spherical brush on the left side, with its bristles pointing towards the center. Below it, an open book is shown, with its pages fanned out. The book's cover is visible on the left, and the pages are a light green color.

# Kenyataan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif



# PERUTUSAN PRESIDEN

Ahli yang dihormati,

Tahun kewangan yang berakhir pada 30 Jun 2014 merupakan tempoh yang mencabar bagi Institut Akauntan Malaysia. Sepanjang tahun berkenaan, Institut ini terus menjalin urusan industri dengan semua pemegang kepentingan yang berkaitan ke arah mendokong integriti profesi perakaunan. Oleh kerana ramai pemegang kepentingan bergantung kepada profesi perakaunan, kerjaya ini juga harus mengiktiraf bahawa ianya perlu terus menerus menyemai kepercayaan dan keyakinan di kalangan pemegang kepentingan untuk kekal relevan serta menambah nilai.

## Lanskap Perniagaan Yang Mencabar

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa cabaran telah muncul sama ada di peringkat domestik mahu pun global yang memerlukan Institut ini sentiasa mengambil langkah-langkah bersesuaian serta melengkapkan diri agar ia terus relevan dalam lanskap perniagaan yang berubah di peringkat domestik dan antarabangsa.

Di peringkat domestik, kerajaan telah mengisyiharkan matlamatnya untuk mengeluarkan 60,000 akauntan yang berkelayakan menjelang 2020 bagi menyokong Program Transformasi Ekonomi (ETP). Ke arah mencapai objektif ini, sektor perakaunan memainkan peranan penting bagi merangsang pelbagai perniagaan dalam ekonomi negara. Sehubungan itu, ia dengan sendirinya menjanjikan satu kerjaya yang lumayan.

Untuk memaksimumkan potensinya, profesi perakaunan hendaklah mengambil peluang-peluang pertumbuhan selaras dengan keperluan-keperluan transformasi berkenaan. Semasa perutusan ini ditulis, Singapura mempunyai 27,000 akauntan bagi jumlah penduduk seramai 5 juta manakala di Australia terdapat 178,000 akauntan bagi penduduk seramai 23 juta. Malaysia hanya mempunyai 30,000 akauntan untuk penduduk seramai 30 juta, yang bermakna terdapat ruang dan keperluan yang begitu luas untuk menambah kapasiti.

Walaupun Institut ini peka terhadap keperluan untuk menambah bilangan bakat perakaunan dan akauntan selaras dengan perkembangan di negara-negara maju, cabaran yang terbesar ialah bagi Institut ini membantu dalam penghasilan lebih ramai akauntan Bumiputera yang berkelayakan.

Dengan mandat ini, dalam beberapa bulan ini dan pada tahun hadapan, Institut akan memperhebatkan usaha bagi membolehkannya menyumbang ke arah kejayaan Pelan Transformasi itu dan kepada masyarakat perakaunan Bumiputera. Dan usaha ini akan mencetuskan keperluan yang mendesak untuk meminda Akta Akauntan 1967 bagi membolehkan lebih ramai akauntan Bumiputera memperolehi kelayakan profesional. Pada masa yang sama, adalah perlu untuk mengatasi situasi ganjil atau anamoli di mana akauntan yang mempunyai ijazah dalam perkhidmatan awam dibayar gaji yang lebih tinggi berbanding mereka yang berkelayakan profesional.

## Memperjuangkan Kualiti

Ekoran daripada krisis kewangan global, minat terhadap peranan profesion perakaunan dalam mendokong nilai awam masih terus berada di tahap yang tinggi. Cara bagaimana seseorang akauntan mengaplikasikan piawaian perakaunan, pelaporan dan audit memberi impak yang kuat terhadap kestabilan pasaran-pasaran kewangan.

Ke arah ini, Institut ini berazam untuk meningkatkan piawaian-piawaian etika di kalangan ahli-ahli dan profesion perakaunan keseluruhannya dan akan berupaya bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat tersebut.

Institut ini mengadakan kerjasama yang aktif dengan Jawatankuasa Untuk Memperkuatkan Profesion Perakaunan (CSAP) yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan pada Mac 2013 dalam usaha melonjakkan profesion perakaunan ke hadapan. CSAP memegang mandat untuk menggubal dan memperakarkan strategi-strategi dan langkah-langkah bagi memperkuatkan profesion ini di samping menambah baik sumbangan daripada profesion ke arah meningkatkan lagi daya saing dalam negara.

Institut ini percaya bahawa suara profesion ini hendaklah senada dengan CSAP dan sehubungan itu, satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan bagi menilai isu-isu berkaitan tadbir urus di samping melindungi kepentingan ahli-ahli dan awam. Pasukan Petugas ini telah menghasilkan beberapa perakuan yang telah dimuatkan dalam kertas diskusi bertajuk "Cadangan Kerangka Baharu Tadbir Urus bagi Profesion Perakaunan" yang telah diedarkan kepada semua ahli MIA untuk mendapatkan maklum balas dan komen yang telah pun dihantar kepada CSAP untuk dibincang selanjutnya.

Semasa perutusan ini disediakan, CSAP sedang dalam proses menyiapkan laporannya kepada pihak Kerajaan. Institut juga sedang menyediakan cadangan-cadangan reformasi bertujuan membawa Akta Akauntan 1967 ke hadapan dan menjadikannya lebih peka terhadap persekitaran perniagaan pada abad ke-21 ini.

Satu lagi matlamat Institut berkaitan kualiti dan keberkesanan ialah untuk mempercepatkan proses kelulusan audit. Institut terus berusaha ke arah mencapai matlamat yang pada akhirnya membolehkannya mengendalikan sendiri proses-proses kelulusan, di samping memastikan piawaian-piawaian profesional yang tinggi dan keyakinan pihak kawalselia.

Kunci kepada membina keyakinan terletak kepada meningkatkan kualiti dan kebolehan di kalangan firma-firma ahli MIA. Oleh itu, Institut telah menghasilkan kerangka Kajisemula Amalan. Satu ciri utama berhubung Kajisemula Amalan ini ialah pendekatan baharu dalam kaedah pemilihan kajisemula, di mana firma-firma akan dipilih berdasarkan kepada pendekatan risiko berbanding secara rambang untuk pengurusan risiko yang lebih baik.

Kerangka yang baharu ini juga mengandungi pengenalan tentang langkah-langkah pembetulan bagi firma-firma yang gagal dalam kajisemula pertama untuk memperbaiki kualiti dan melindungi kepentingan awam.

### **Mendahului Langkah Pembelajaran dan Pembangunan**

Profesjon perakaunan sentiasa berada dalam keadaan evolusi kerana undang-undang baharu, kemajuan-kemajuan teknologi dan globalisasi dalam dunia kewangan terus mengubah peraturan-peraturan industri.

Sehubungan itu, Institut bertanggungjawab dalam menyediakan sokongan pembelajaran dan pembangunan yang diperlukan bagi membolehkan ahli-ahli mengikuti perkembangan terkini industri. Ini adalah kritikal bagi mempastikan kelangsungan kecemerlangan dan kredibiliti ahli-ahli dalam profesion perakaunan.

Bagi meningkatkan lagi kebolehan profesional di kalangan ahli-ahli, Institut telah melaksanakan beberapa inisiatif utama. Pada masa yang sama, Institut juga sedang mengkajisemula beberapa perkara berkaitan yang lain.

Setakat ini, Institut telah memberi sokongan kepada ahli-ahli untuk memperolehi kelayakan profesional daripada badan-badan profesional seperti berikut:

- MIA dan CPA Australia menandatangani satu Memorandum Persefahaman bagi membolehkan mereka yang menjadi ahli MIA selama 10 tahun dan lebih dan yang memegang jawatan peringkat kanan untuk memperolehi tauliah profesional CPA Australia.
- CIMA/CGMA melancarkan Program CFO Pathway bersama MIA yang menyediakan satu laluan cepat eksklusif kepada Ketua Pegawai Kewangan (CFO), Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan pihak pengurusan kanan untuk meningkatkan pengetahuan dan kelayakan profesional.

Bagi menokok tambah inisiatif-inisiatif di atas, Institut ingin melaporkan bahawa calon-calon berpotensi, para pelajar dan kakitangan juga mempunyai akses kepada skim-skim Kerajaan dan bantuan kewangan yang lain yang akan meringankan beban kewangan mereka sementara mereka mendapatkan kelayakan profesional masing-masing.

Ini mencerminkan komitmen serius Kerajaan untuk menggalakkan usaha-usaha penambahbaikan kemahiran dan kelayakan profesional dalam profesion perakaunan.

Dengan persiapan yang disediakan, Institut berharap lebih ramai ahli yang layak akan menyertai program-program di atas yang bertujuan membantu mereka meningkatkan pentaulahan masing-masing. Bagi mereka yang berhasrat memajukan kerjaya, Institut berharap ahli-ahli yang berpotensi menggunakan dana yang disediakan dan menyertai profesion ini.

Di samping mempromosikan inisiatif-inisiatif berkaitan kelayakan profesional, Institut terkenal dengan usaha-usaha Jabatan Pembangunan Profesional (PDD).

Jabatan Pembangunan Profesional Institut ini telah berada di barisan hadapan dalam menyediakan pengetahuan teknikal dan kursus-kursus yang mendalam berkaitan kemahiran pengurusan. Kursus-kursus teknikal dan seminar-seminar memberi fokus terhadap mengemaskini para akauntan dengan perkembangan terkini, program-program lain bertujuan melengkapkan ahli-ahli dalam mengurus perubahan-perubahan yang akan menambah nilai mereka dalam bidang kerja masing-masing.

Secara mutlak, Institut ini bertujuan untuk membina perhubungan yang kuat dan berpanjangan dengan pemegang-pemegang kepentingan yang relevan yang akan menyumbangkan ruang-ruang baharu bagi mengukuhkan peranan Institut dalam pembangunan profesion perakaunan selaras dengan visi Malaysia untuk menjadi hab kewangan dan perniagaan di peringkat global di rantau ini.

### **Prospek**

Matlamat strategik Institut ialah diiktiraf sebagai badan perakaunan yang terkemuka berdasarkan reputasi, pengaruh dan saiz. Perkara pokok ke arah mencapai matlamat ini adalah memberi fokus terhadap penambahbaikan piawaian-piawaian perakaunan dan kepakaran bagi kepentingan pembangunan negara.

Melangkah ke hadapan, Institut akan terus memberi penekanan terhadap strategi-strategi utama yang berikut dalam membina kapasiti di samping melabur dalam peningkatan kualiti.

Pertama, kami akan memberi fokus secara intensif terhadap peningkatan pendidikan perakaunan dengan merapatkan jurang di antara akademia dan majikan bagi menghasilkan bakat profesional yang tersedia untuk pasaran kerja yang akan meningkatkan produktiviti dan pelastarian pertumbuhan perniagaan.

Kedua, kami akan terus memperjuangkan kelayakan profesional sebagai laluan untuk meningkatkan kualiti dan tadbir urus yang baik bagi melindungi kepentingan awam. Terutamanya, Institut akan menyokong hasrat Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai akauntan Bumiputera memperolehi kelayakan-kelayakan profesional.

Ketiga, kami akan memacu inisiatif-inisiatif bagi mewujudkan kesedaran yang lebih meluas mengenai kerjaya-kerjaya dalam bidang perakaunan di kalangan bakat Generasi Y, belia dan ibubapa mereka. Matlamat kami ialah untuk menjenamakan perakaunan sebagai halatuju kerjaya yang diidamkan untuk belia yang berbakat, dan dengan itu membantu menyemaikan kelangsungan bekalan profesional kewangan.

Keempat, Institut akan berusaha untuk terus mewujudkan persekitaran yang kondusif ke arah memajukan profesion ini melalui penambahbaikan undang-undang dan usaha bersama dengan membuat dasar dan lain-lain pemegang kepentingan.

Harus diakui bahawa tugas intuk mencapai 60,000 akauntan profesional menjelang 2020 bukannya mudah. Kami mengharapkan komitmen, sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk sektor pendidikan, para pengamal, pembuat dasar dan pihak korporat, para majikan industri dan sektor awam untuk mencapai matlamat ini.

Dengan kerjasama semua pihak, kami akan membangun kapasiti yang diperlukan bagi menyokong matlamat-matlamat negara. Walau bagaimanapun, pencarian kewarahan kuantiti tidak akan dijalankan dengan mengorbankan kualiti dan kompetensi. Kualiti dan kuantiti mestilah berlaku secara serentak. Kualiti adalah nadi kepada integriti dan profesionalisme dan ini merupakan prinsip-prinsip yang menjamin legitimasi dan pengiktirafan global bagi profesion perakaunan.

### Penghargaan

Kolaborasi telah sekian lama menjadi kunci kepada kejayaan Institut ini, dan sebahagian besar pencapaian Institut banyak didokong oleh sokongan berterusan daripada pelbagai pemegang kepentingan kami.

Bagi pihak Majlis, saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada para pemegang kepentingan kami di atas kepercayaan dan sokongan berterusan mereka. Kami juga mengucapkan terima kasih kepada semua rakan kerana menyokong kami dan membantu Institut berkembang walaupun terdapat persekitaran yang mencabar. Khususnya, Institut mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan serta agensi-agensinya kerana mewujudkan dasar-dasar yang bercirikan transformasi dan iklim perniagaan dan sosial yang matang yang meningkatkan perkembangan Institut.

Pengiktirafan juga diberi kepada Majlis di atas kepimpinan yang berhemah di samping kewarasan dan dasar-dasar yang membentuk Institut ini dan juga profesion. Saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan ahli Majlis di atas buah fikiran dan nasihat mereka. Dengan tukus ikhlas saya juga berterima kasih kepada pasukan pengurusan dan kakitangan di atas komitmen, disiplin dan profesionalisme mereka yang tanpa semua ini Institut tidak akan berupaya melaksanakan visi dan misinya.

Memandang ke hadapan, perkembangan dan inisiatif-inisiatif yang sedang berlaku memberi petanda yang positif bagi masa depan profesion ini dan juga Institut. Membina di atas batu asas kami sendiri, Institut berharap mencapai matlamat-matlamatnya ke arah menyokong visi yang lebih besar iaitu menghasilkan khazanah bakat yang berkualiti dan berkuantiti tinggi - suatu yang menjunjung prinsip-prinsip profesionalisme dan integriti bagi mengemudikan agenda transformasi negara. Marilah kita bekerja bergandingan ke arah merealisasikannya.

### Terima kasih!



**JOHAN IDRIS**  
Presiden



## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Ahli yang hormati,

Sebagai badan kawalselia dan profesionalisme perakaunan negara, Institut Akauntan Malaysia (IAM) memberi fokus terhadap usaha memperjuangkan profesi perakaunan, memberi kepimpinan dan sokongan praktikal kepada lebih 30,000 ahli di seluruh negara. Institut ini bekerja rapat dengan Kerajaan, pihak kawalselia dan industri bagi melindungi dan memastikan Institut terus relevan.

Salah satu tugas utama Institut ialah mempastikan integriti dan kepakaran ahli-ahlinya bagi membolehkan mereka menyampaikan kualiti yang paling tinggi dalam perakaunan dan pengauditan dalam lanskap perniagaan yang mencabar masakini.

### Prestasi Kewangan

Adalah satu penghargaan bagi saya melaporkan bahawa Institut telah berkembang setapak demi setapak. Institut mencatatkan lebihan pendapatan sebelum cukai berjumlah RM2.72 juta bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2014, berbanding lebihan sebelum cukai bernilai RM1.31 juta pada tahun sebelumnya. Prestasi yang cemerlang ini tidak akan dapat dicapai tanpa komitmen, kesungguhan dan sokongan daripada pasukan Institut, Majlis dan para pemegang kepentingan kami yang begitu ramai.

Perolehan Institut disumbangkan oleh prestasi cemerlang Jabatan Pembangunan Profesional (PDD) iaitu unit perniagaan strategik Institut, yang membangun dan menghasilkan program-

program Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) untuk ahli dan bukan ahli serta pemegang kepentingan yang lain.

Pendapatan daripada acara-acara dan persidangan-persidangan meningkat melonjak kepada RM19.25 juta berbanding RM15.43 juta sebelumnya, yang membuktikan kualiti dan betapa relevannya program-program pendidikan sepanjang hayat kami.

Pendapatan daripada PDD telah dilabur semula bagi membiayai fungsi-fungsi utama Institut yang lain seperti piawaian dan amalan profesional, pengawasan dan penguatkuasaan. Fungsi-fungsi strategik berkenaan dilaksanakan bagi melindungi kepentingan awam dan meningkatkan kualiti dan kompetensi profesion ini. Pembelajaran secara percuma atau yang bersubsidi yang ditawarkan kepada ahli-ahli juga merupakan inisiatif penting tanggungjawab sosial korporat Institut.

### Membina Kompetensi Dan Kapasiti

Sebagai badan kawalselia dan juara profesion perakaunan di Malaysia, peranan utama Institut ialah mempastikan ahli-ahlinya menepati piawaian-piawaian yang begitu tinggi yang diharapkan daripada mereka. Sehubungan ini, Institut komited terhadap peningkatan kualiti dan membina kapasiti menerusi aktiviti-aktiviti strategik dan unit-unit perniagaannya yang khusus.

Untuk tahun dalam kajian, Jabatan Piawaian dan Amalan Profesional di Institut terus menggalakkan kepatuhan terhadap piawaian dan amalan yang tertinggi di kalangan ahli-ahli. Ini bertujuan memastikan mereka mendokong integriti profesional dan berkhidmat untuk kepentingan awam dan juga profesion.

### Keahlian

Usaha menambah keahlian Institut yang berjalan secara berterusan memberi sokongan langsung kepada Bidang Keberhasilan Utama Negara dalam pembangunan Perkhidmatan Kewangan di bawah Program Transformasi Ekonomi Kerajaan (ETP).

Bagi menepati matlamat negara untuk menambah bilangan akauntan yang bekelayakan, Institut menerima masuk seramai 1285 ahli baharu sepanjang tahun dalam kajian, yang membawa jumlah keseluruhan ahli kepada 30,298.

### Pembangunan Profesional

Kolaborasi rapat dengan organisasi-organisasi luar merupakan pemacu utama di belakang pertumbuhan program-program pembangunan profesional yang dikendalikan Institut. Institut juga terus memperkuatkan kerjasama dengan firma-firma perakaunan terkemuka, badan-badan profesional, badan-badan kawalselia dan pertubuhan-pertubuhan pengkhususan yang lain bagi menyempurnakan kandungan pendidikan yang terkini yang bertujuan meningkatkan kemahiran ahli-ahli.

Melangkah ke hadapan, Institut akan terus mencabar dirinya dalam membangunkan kandungan pendidikan yang lebih

inovatif dan berpandangan jauh dalam usaha meningkatkan kualiti dan kompetensi para profesional perakaunan di Malaysia.

### Pembabitan Pemegang Kepentingan

Institut terus memberi fokus terhadap pembabitan secara aktif di kalangan para pemegang kepentingan bagi meningkat ketampilan dan kerelevan profesional berkenaan. Pendidikan dan mewujudkan kesedaran tentang keupayaan profesional perakaunan merupakan inisiatif-inisiatif penting yang dilaksanakan pada tahun dalam kajian yang bertujuan menarik lebih ramai bakat ke dalam profesion ini dan menjenamakan perakaunan sebagai sektor tambah nilai yang tinggi.

Institut juga bekerja rapat dengan pemegang kepentingan dalam arena pembangunan bakat. Adalah penting bagi Institut berganding bahu dengan Talent Corporation, sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri dalam beberapa inisiatif yang berinovatif. Di antara program-program usahasama termasuk Program Peningkatan Kemahiran Perakaunan di mana Kerajaan dan firma-firma audit bekerja sama untuk membiayai yuran-yuran tuisyen bagi calon-calon yang mengikuti kelayakan-kelayakan perakaunan profesional. Satu lagi bidang kerjasama ialah dengan TalentCorp dalam membangun Program Pelatih Berstruktur bagi memastikan para graduan baharu bersedia untuk menyertai pasaran kerja.

Bagi membantu pembangunan akauntan Bumiputera sebagai sebahagian daripada matlamat Kerajaan untuk mengeluarkan 60,000 akauntan menjelang 2020, Institut bekerjasama rapat dengan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Peneraju) bagi menggalakkan lebih ramai Bumiputera menyertai program-program perakaunan profesional.

Sebuah agensi di bawah Pejabat Perdana Menteri, Peneraju, telah ditugaskan untuk terus menerus membangun keupayaan Bumiputera ke peringkat global menerusi pendidikan yang berkualiti. Ahli-ahli boleh memohon untuk memperolehi kelayakan perakaunan profesional melalui program Akauntan Profesional Peneraju.

### Melabur Dalam Modal Insan

Institut telah mengenalpasti pengambilan dan pengekalan bakat sebagai dua bidang yang kritikal bagi memastikan keberkesanannya dan kelangsungannya pada jangka panjang. Bagi menyediakan pakej gaji yang berdaya saing untuk membolehkan persaingan dengan organisasi-organisasi yang lain, Institut telah melabur secara signifikan dalam pengambilan, pengekalan dan pembangunan bakat.

### Inisiatif-Inisiatif Antarabangsa

Penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN menjelang 2015 yang akan mewujudkan pasaran tanpa sempadan dengan penduduk berjumlah 600 juta di rantau Asia Tenggara membuka peluang-peluang baharu dan juga cabaran-cabaran kepada profesion perakaunan. Institut memantau dengan dekat proses globalisasi and liberalisasi dalam perdagangan perkhidmatan

di peringkat pelbagai hala, serantau dan dua hala bagi menilai impaknya terhadap profesi ini. "ASEAN Mutual Recognition Arrangement for Accountancy Services" masih lagi di peringkat persiapan oleh negara-negara anggota.

Institut juga terus memainkan peranan yang aktif dalam ASEAN Federation of Accountants (AFA) dan International Federation of Accountants (IFAC).

### Penghargaan

Bagi pihak pasukan pengurusan di Institut, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Majlis di atas panduan dan sokongannya yang berterusan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pasukan pengurusan Institut serta kakitangan di

atas komitmen dan kesungguhan mereka dalam melaksanakan pelan-pelan tindakan Institut ke arah mencapai matlamat-matlamatnya.

Penghargaan juga disampaikan kepada ahli-ahli Institut dan semua pemegang kepentingan kami di atas pembabitan mereka dalam begitu banyak usaha kerjasama dengan Institut bagi menggerakkan profesion perakaunan ke hadapan.

### Terima Kasih!



**HO FOONG MOI**  
Ketua Pegawai Eksekutif

# Laporan Majlis IAM 2014



## RANGKA KERJA TADBIR URUS



## FUNGSI – FUNGSI INSTITUT

Seksyen 6 Akta Akauntan 1967 menyatakan bahawa fungsi Institut ialah seperti berikut:

- Untuk menentukan kelayakan seseorang yang akan diterima sebagai ahli;
- Untuk menyediakan latihan dan pendidikan, oleh Institut atau mana-mana badan lain, bagi orang yang mengamalkan atau berniat untuk mengamalkan profesion perakaunan;
- Untuk meluluskan Peperiksaan Kelayakan (QE) IAM dan untuk mengawal selia dan memantau pengendalian peperiksaan tersebut;

- Untuk mengawal selia amalan profesion perakaunan di Malaysia;
- Untuk mempromosi, dalam cara yang difikirkan sesuai, kepentingan profesion perakaunan di Malaysia;
- Untuk memberi bantuan atau pertolongan kepada mana-mana ahli atau tanggungan mereka, dalam cara yang difikirkan sesuai, dengan tujuan melindungi atau menjaga kebijakan ahli; dan
- Secara umumnya untuk melaksanakan apa-apa usaha yang difikirkan sesuai bagi tujuan mencapai objektif-objektif yang telah dinyatakan di atas.
-

## PENYATA TADBIR URUS DAN KAWALAN DALAMAN INSTITUT

Laporan berikut menggariskan bagaimana Institut telah menerima pakai prinsip-prinsip utama dan amalan terbaik seperti dinyatakan dalam kod tadbir urus korporat yang berkaitan dalam usaha melaksanakan tugas serta mengoptimakan asurans, kebebasan dan pengawasan. Penyata ini juga menjelaskan bagaimana amalan pengurusan, kawalan dan pengurusan risiko telah distrukturkan dalam usaha meminimakan risiko dan mengoptimakan prestasi.

## MAJLIS

Selaras dengan seksyen 9 Akta, Majlis diberikan kuasa untuk menguruskan Institut dan dananya. Secara khususnya, mengikut seksyen 10 Akta yang sama, Majlis berkuasa membuat undang-undang kecil, melantik kakitangan, mengambil kira apa-apa sahaja yang memberi kesan ke atas Institut atau perlakuan profesional ahli-ahlinya, berhubung dengan badan-badan lain yang seumpamanya serta ahli-ahli profesion di tempat-tempat lain, menubuhkan cawangan-cawangan dan menugaskan kerja atas budi bicara mutlaknya sebarang kuasa, keistimewaan dan budi bicara, untuk melantik Jawatankuasa Institut, untuk melaksanakan semua kuasa-kuasa, keitimewaan dan budi bicara tersebut yang tidak perlu dijalankan oleh ahli-ahli dalam mesyuarat agung, dan untuk menggunakan meterai rasmi Institut.

Presiden Institut hendaklah menjadi Pengerusi Majlis. Pelantikan dan komposisi ahli-ahli Majlis adalah mengikut Seksyen 8 (1) Akta.

Sepanjang tahun kewangan yang dilapor, Majlis telah bermesyuarat sebanyak dua belas (12) kali dan agenda mesyuarat termasuk:

1. Meluluskan Piawaian Audit dan Asurans dan Undang-undang Kecil Institut;
2. Menyemak perkembangan dan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa-jawatankuasa Berkanun dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain;
3. Melantik ahli-ahli Lembaga/Jawatankuasa/Kumpulan Kerja/Badan Bertindak seperti dicadangkan oleh Jawatankuasa Pencalonan;
4. Meluluskan Penyata Kewangan Akhir Tahun dan Semakan Penyata Kewangan Bulanan Institut;
5. Menyemak penglibatan Institut dalam badan-badan / jawatankuasa-jawatankuasa antarabangsa;
6. Meluluskan permohonan keahlian Institut;
7. Meluluskan cadangan Institut kepada pihak-pihak berkepentingan seperti Lembaga IFAC dan badan-badan kawalselia kebangsaan; dan
8. Meluluskan bajet tahunan Institut.

## JAWATANKUASA EKSEKUTIF (EXCO)

EXCO ditubuhkan oleh Majlis sebagai sebuah Jawatankuasa yang berfungsi sebagai penghubung antara Majlis dan pengurusan dalam memastikan strategi-strategi perniagaan,

urusan harian dan sebarang isu operasi dilaksanakan secara berkesan dan cekap di samping mematuhi amalan tadbir urus yang baik.

Terma Rujukan EXCO diluluskan oleh Majlis. Pengerusi EXCO juga ialah Presiden IAM dan EXCO dianggotai enam (6) orang ahli Majlis. Bagi tahun kewangan yang dilapor, EXCO telah bermesyuarat sebanyak sebelas (11) kali dan agenda mesyuarat termasuk:

1. Menyemak Penyata Kewangan Bulanan/Akhir Tahun Institut;
2. Menyemak bajet tahunan Institut;
3. Meluluskan manual operasi Institut yang disemak semula;
4. Menyemak aktiviti-aktiviti Pejabat-pejabat Wilayah; dan
5. Meluluskan sebarang perbelanjaan berdasarkan Had Kuasa (LOA) Institut.

## JAWATANKUASA PENCALONAN (NC)

NC telah ditubuhkan oleh Majlis dan objektif utamanya untuk mewujudkan mekanisma bagi penilaian rasmi setiap calon sebelum namanya disyorkan kepada Majlis bagi lantikan dalam mana-mana Jawatankuasa IAM. Jawatankuasa ini akan memastikan ahli-ahli yang dilantik membawa ciri-ciri yang memenuhi gabungan kehendak daripada segi tanggungjawab, kemahiran dan pengalaman.

NC terdiri daripada Presiden, Timbalan Presiden, dua (2) orang ahli Majlis serta seorang wakil Jabatan Akauntan Negara dan Jawatankuasa ini bermesyuarat apabila perlu.

Dalam tahun kewangan yang dilapor, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak tujuh (7) kali bagi mencadangkan ahli-ahli pelbagai jawatankuasa untuk kelulusan Majlis.

## JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO (ARMC)

ARMC telah ditubuhkan oleh Majlis dengan objektif utama bagi membantu Majlis memenuhi tanggungjawab menyelia sistem kawalan dalaman, pelaporan kewangan, proses pengurusan risiko dan tadbir urus Institut.

Terma Rujukan ARMC telah diluluskan oleh Majlis pada 26 Julai 2007 dan telah disemak semula pada 23 Januari 2009. Ahli-ahli ARMC terdiri daripada lima (5) ahli Majlis yang bukan ahli EXCO.

Sehingga tarikh laporan kewangan, Jawatankuasa telah mengadakan empat (4) mesyuarat dan antara aktiviti-aktivitiinya adalah menyemak Penyata Kewangan Akhir Tahun, Laporan Audit Dalaman, Amalan dan Aktiviti-aktiviti Pengurusan Risiko IAM, Profil Risiko IAM dan proses interim dan akhir pengauditan laporan kewangan oleh juruaudit luar yang dilantik Jabatan Audit Negara. Bagi Penyata Kewangan Akhir Tahun, juruaudit luar yang dilantik Jabatan Audit Negara dan wakil-wakilnya telah dua kali dijemput hadir ke mesyuarat ARMC bagi menerangkan Memorandum Perancangan Audit (APM) sebelum pengauditan dan seterusnya berkongsi sebarang isu, jika ada.

## PERSEKITARAN KAWALAN DAN STRUKTUR INSTITUT

### A. JAWATANKUASA-JAWATANKUASA INSTITUT

Majlis disokong oleh beberapa Jawatankuasa dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Setiap Jawatankuasa mempunyai terma rujukan yang jelas dan terbahagi kepada beberapa kategori jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Tadbir Urus
2. Jawatankuasa Berkanun
3. Jawatankuasa Pengawasan
4. Jawatankuasa Teknikal
5. Wakil-wakil Keahlian

Bagi jawatankuasa-jawatankuasa kumpulan 1, butiran terperinci dinyatakan dalam jadual di bawah manakala bagi kategori jawatankuasa-jawatankuasa lain, butirannya dinyatakan di bawah tajuk Jawatankuasa-Jawatankuasa.

### B. PENGURUSAN INSTITUT

Pengurusan IAM bertanggungjawab untuk melaksanakan dan menguruskan strategi dan operasi harian Institut. Bidang kuasa, tanggungjawab dan akauntabiliti telah diwujudkan bagi membolehkan Institut mencapai matlamatnya. Struktur berdasarkan divisyen telah meningkatkan keupayaan setiap divisyen untuk menumpukan kepada fungsi sokongan yang ditugaskan kepada mereka. Institut diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).

### C. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman Institut dilaksanakan oleh Jabatan Audit Dalaman (IAD) yang melaporkan secara terus kepada ARMC dan dari segi pentadbiran, kepada CEO. Piagam Audit Dalaman telah diluluskan oleh Majlis pada 26 Julai 2007 yang menetapkan bidang kuasa IAD dalam melaksanakan tanggungjawabnya. IAD berperanan memberikan sokongan kepada ARMC dalam tugas penyeliaan melalui aktiviti semakan ke atas kawalan dalaman Institut secara bebas dan sistematik dengan kekerapan yang praktikal. IAD juga melakukan aktiviti pengauditan dan khidmat nasihat yang objektif dengan menilai dan memberi cadangan bagi penambahbaikan terhadap keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus Institut.

Ia menjadi tanggungjawab IAD untuk membentangkan kepada ARMC laporan audit yang objektif tentang keadaan kawalan dalaman pelbagai unit di Institut serta tahap pematuhan unit-unit berkenaan ke atas polisi dan prosedur yang diwujudkan oleh Institut serta keperluan berkanun yang relevan.

Fungsi audit dalaman menggunakan pendekatan audit berasaskan risiko dan melakukan semakan berdasarkan pelan dwitahunan audit dalaman yang diluluskan oleh ARMC. Rangka kerja pengurusan risiko enterpris adalah satu daripada elemen yang dipertimbangkan oleh IAD dalam merangka asas pelan ini. IAD juga mengamalkan pendekatan perancangan audit yang fleksibel yang memberi ruang untuk menangani sebarang perubahan berdasarkan perubahan dalam tahap risiko baru serta risiko yang berpotensi, jika diperlukan.

Ringkasan aktiviti-aktiviti IAD sepanjang tahun kewangan yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- i. Semakan berkala ke atas proses-proses dalaman – audit berasaskan risiko dilakukan ke atas unit atau aktiviti berisiko utama yang diluluskan oleh ARMC. Empat (4) tugas semakan audit dalaman bagi menilai risiko utama membabitkan unit yang diaudit telah dilaksanakan dalam tahun kewangan ini dengan beberapa isu dikenal pasti serta maklum balas daripada unit yang diaudit telah dibincangkan. Unit/aktiviti yang memerlukan penambahbaikan telah dicadangkan dan dipersetujui oleh pihak pengurusan. ARMC juga memberikan cadangan-cadangan bagi meningkatkan lagi kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses laporan kewangan.
- ii. IAD membantu dan memberi khidmat nasihat dalam aktiviti-aktiviti Pengurusan Risiko Enterpris Institut. Aktiviti-aktiviti Pengurusan Risiko yang dilaksanakan untuk tahun kewangan yang dilapor merangkumi:
  - Semakan Manual Pengurusan Risiko Enterpris (ERM) yang diluluskan Majlis pada tahun 2007;
  - Pelan hala tuju Amalan Pengurusan Risiko Institut untuk tempoh dua (2) tahun yang membawa kepada penyusunan semula Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pengurusan (MRMC) yang membabitkan pelantikan ahli baru di kalangan kakitangan utama Institut. Mesyuarat MRMC pertama telah diadakan pada April 2014;
  - Profil Risiko Institut– Tiga (3) risiko strategik dan lima (5) risiko kritikal di peringkat operasi dikenal pasti dan kawalan bersesuaian telah dan dalam proses pelaksanaan bagi memastikan objektif Institut tercapai.
- iii. Tiga (3) manual operasi yang telah disemak semula oleh unit yang berkenaan sebagai usaha penambahbaikan berterusan bagi Rangka Kerja Tadbir Urus Institut. IAD juga telah melaksanakan semakan ke atas aktiviti Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di dalam tahun kewangan.
- iv. Sebagai langkah initiatif berterusan, penambahbaikan proses dalaman jabatan telah dilakukan selaras dengan Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa, Audit Dalaman Antarabangsa (IIA) yang mana “Internal Audit Rating and Opinion Guide” telah dibentangkan dan diluluskan oleh ARMC pada Februari 2014.

Laporan audit dalaman daripada tugas-tugas yang lengkap telah dikeluarkan kepada Pihak Pengurusan untuk maklum balas dan tindakan pemberian. Pihak Pengurusan bertanggungjawab untuk memastikan tindakan pemberian terhadap kelemahan-kelemahan yang dilaporkan akan dilaksanakan dalam jangka masa yang ditetapkan. Laporan-laporan audit ini seterusnya dikemukakan kepada ARMC untuk semakan. Isu-isu kritikal dan cadangan audit bentangkan bagi membolehkan Jawatankuasa melaksanakan fungsi penyeliaan dengan berkesan.

## D. PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko adalah fungsi penting dalam persekitaran kawalan Institut. Panduan dasar dan proses bagi pengurusan risiko Institut digariskan di dalam manual Pengurusan Risiko Enterpris yang telah diluluskan oleh Majlis. MRMC bertanggungjawab keatas pengurusan risiko Institut (termasuk aktiviti-aktiviti dan proses) dan dibantu oleh pihak IAD.

## E. AUDIT PENYATA KEWANGAN

Selaras dengan Akta, IAM ditubuhkan sebagai sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kewangan dan diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Audit 1957 melalui juruaudit luar yang dilantiknya. Juruaudit luar melakukan audit interim dan akhir ke atas penyata-penyata kewangan Institut dan dijemput untuk membangkitkan sebarang isu dalam dua mesyuarat ARMC. Sijil Penyata Kewangan IAM dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara.

## F. PROSES, DASAR DAN PROSEDUR UTAMA INSTITUT

Dalam tahun kewangan yang dilapor, proses, dasar dan amalan utama yang berikut telah wujud sebagai sebahagian sistem kawalan dalaman:

- IAM mempunyai Had Kuasa (LOA) yang mentakrifkan had kuasa pelbagai peringkat daripada kakitangan kepada Majlis.
- Institut telah mewujudkan satu struktur organisasi yang mengandungi garis panduan jelas tentang tanggungjawab, had kuasa dan akauntabiliti sejajar dengan keperluan perniagaan dan operasi.
- Institut telah menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis dengan pembahagian tugas jelas mengikut bidang tugas dan struktur organisasi. Jawatankuasa-jawatankuasa ini termasuk Jawatankuasa Tadbir Urus, Jawatankuasa Berkanun, Jawatankuasa Pengawasan dan Jawatankuasa Teknikal. Jawatankuasa-jawatankuasa ini mempunyai kuasa memeriksa semua perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa mereka dan melaporkan semua usul kepada Majlis bersama syor dan cadangan.
- Jawatankuasa-jawatankuasa operasi dan pentadbiran juga telah diwujudkan dengan pemberian kuasa bersesuaian bagi memastikan keberkesanan pengurusan dan penyeliaan operasi Institut.
- Dasar dan prosedur proses-proses operasi dan perniagaan telah dicatat dalam beberapa siri Manual Operasi dan dilaksanakan sepenuhnya oleh Institut. Manual-manual ini tertakluk kepada semakan dan dikemaskini serta penambahbaikan berterusan bagi menggambarkan perubahan risiko dan keperluan operasi.
- Satu proses belanjawan dan pelaporan yang terperinci juga telah diwujudkan. Bajet yang komprehensif disediakan oleh unit-unit yang berkaitan dan dibentangkan untuk semakan dan kelulusan EXCO dan Majlis. Bajet-bajet ini kemudiannya dikembangkan ke seluruh organisasi untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan. Hasil kewangan dipantau dan dilapor kepada EXCO dan Majlis dalam setiap mesyuarat.
- Satu sistem penilaian prestasi rasmi bagi semua peringkat kakitangan telah dilaksanakan. Ini membolehkan penilaian prestasi setiap kakitangan dibandingkan kepada Indeks Prestasi Utama (KPI) masing-masing.
- Kod Etika Kakitangan telah diwujudkan dan diterbitkan dalam Buku Panduan Kakitangan.
- Sebagai ahli IFAC, IAM melaporkan pematuhananya mengikut Penyata Obligasi Keahlian seperti dikehendaki di bawah Program Pematuhan Ahli Ahli IFAC.

## KOMPOSISI AHLI MAJLIS/JAWATANKUASA URUS TADBIR

Komposisi Ahli Majlis/Jawatankuasa Urus Tadbir serta rekod kehadiran meraka di mesyuarat adalah seperti berikut:

### AHLI MAJLIS

Jumlah mesyuarat: 12

No	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Johan Idris	Pengerusi/Presiden	-	12/12
2.	Datuk Zaiton Mohd Hassan	Naib Presiden	Dilantik pada 16 Julai 2013	10/12
3.	Dato' Rosini Abd Samad	Ahli	-	7/12
4.	Ahmad Zahirudin Abdul Rahim	Ahli	-	11/12
5.	Chan Wan Siew, Paul	Ahli	-	7/12
6.	Dato' Abdul Rauf Rashid	Ahli	-	7/12
7.	Dato' Heng Ji Keng	Ahli	Dipilih pada 28 September 2013	7/8
8.	Dato' Liew Lee Leong, Raymond	Ahli	Bersara pada 11 September 2013	3/3
9.	Dato' Narendra Kumar Jasani	Ahli	-	6/12
10.	Dealanathan Joseph Lourdes	Ahli	-	11/12
11.	Dr. Mohd Nordin Mohd Zain	Ahli	Dipilih pada 28 September 2013	4/8
12.	Dr. Nurmazilah Dato' Mahzan	Ahli	-	8/12
13.	Dr. Veerinderjeet Singh	Ahli	Dilantik pada 1 Mei 2014	1/1
14.	Eugene Wong Weng Soon	Ahli	-	8/12
15.	Ken Pushpanathan	Ahli	Bersara pada 21 Jun 2014	8/12
16.	Kua Choo Kai, Simon	Ahli	-	6/12
17.	Leong Kah Mun	Ahli	-	12/12
18.	Lim Thiam Kee, Peter	Ahli	Dipilih pada 28 September 2013	5/8
19.	Mohamad Azmi Ali	Ahli	Dilantik pada 1 Mei 2014	1/1
20.	Mohamed Raslan Abdul Rahman	Ahli	Meletak jawatan pada 11 Januari 2014	5/7
21.	Mohd Noh Jidin	Ahli	-	9/12
22.	Mohd Zabidi Md Nor	Ahli	Dilantik pada 15 Oktober 2013	2/7
23.	Mustapa Kamal Mohd Razali	Ahli	Meletak jawatan pada 6 Februari 2014	2/7
24.	Ooi Thiam Poh, Alex	Ahli	-	11/12
25.	Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad	Ahli	Dilantik pada 15 Oktober 2013	5/7
26.	Prof. Dr. Rozainun Haji Abdul Aziz	Ahli	Dilantik pada 16 Julai 2013	9/12
27.	Prof. Madya Dr. Mohamat Sabri Hassan	Ahli	-	8/12
28.	Prof. Madya Dr. Nor Aziah Abu Kasim	Ahli	-	9/12
29.	Soh Siong Hoon, Sam	Ahli	Bersara pada 28 September 2013	3/4
30.	Soo Hoo Khoon Yean	Ahli	-	10/12
31.	Subramiam AV Sankar	Ahli	Bersara pada 28 September 2013	4/4
32.	Yeo Tek Ling	Ahli	Dilantik semula pada 1 Mei 2014	8/8
33.	Zahrah Abd Wahab Fenner	Ahli	-	5/12

## JAWATANKUASA AUDIT & PENGURUSAN RISIKO

Jumlah mesyuarat: 4

No	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Mohd Zabidi Md Nor	Pengerusi	Dilantik pada 1 November 2013	3/3
2.	Dealanathan Joseph Lourdes	Ahli	-	3/4
3.	Mohd Noh Jidin	Ahli	-	2/4
4.	Ooi Thiam Poh, Alex	Ahli	-	4/4

## JAWATANKUASA EKSEKUTIF

Jumlah mesyuarat: 11

No	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Johan Idris	Pengerusi	-	9/11
2.	Datuk Mohd Nasir Ahmad	Pengerusi	Bersara pada 15 Julai 2013	2/2
3.	Abdul Rahim Abdul Hamid	Ahli	Bersara pada 15 Julai 2013	2/2
4.	Chan Wan Siew, Paul	Ahli	-	7/11
6.	Dato' Rosini Abd Samad	Ahli	-	5/11
7.	Datuk Zaiton Mohd Hassan	Ahli	Dilantik pada 22 Julai 2013	7/9
8.	Ken Pushpanathan	Ahli	Bersara pada 21 Jun 2014	3/5
9.	Lim Thiam Kee, Peter	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	6/6
10.	Soh Siong Hoon, Sam	Ahli	Bersara pada 28 September 2013	4/4


## JAWATANKUASA PENCALONAN

Jumlah mesyuarat: 7

No	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Johan Idris	Pengerusi	-	7/7
2.	Datuk Mohd Nasir Ahmad	Pengerusi	Bersara pada 15 Julai 2013	1/1
3.	Dato' Abdul Rauf Rashid	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	3/4
4.	Dato' Narendra Kumar Jasani	Ahli	-	5/7
5.	Dato' Rosini Abd Samad	Ahli	-	3/7
6.	Datuk Zaiton Mohd Hassan	Ahli	Dilantik pada 22 Julai 2013	6/7
7.	Soh Siong Hoon, Sam	Ahli	Bersara pada 28 September 2013	2/2



Cekap di Peringkat Global,  
Berpengetahuan di  
Peringkat Tempatan



## FAKTA

- **Jumlah Ahli – 30,298**
- **Ahli Baru MIA – 1,285**
- **Program Mendaftar Ahli Baru – 55 aktiviti (program khusus dan sampingan)**
- **Program Pembelajaran CARE – 29 program dianjurkan**
- **Mentees CARE Berdaftar – 4,154 orang**
- **Ceramah Kerjaya dan Kesedaran – 18 program dilaksanakan**

## PEMBANGUNAN KEAHLIAN

IAM yang menjadi badan utama bagi mewakili para akauntan di Malaysia mempunyai 30,298 anggota, merangkumi 30,050 Akauntan Bertauliah, lima Akauntan Berlesen dan 243 Ahli Bersekutu sehingga 30 Jun 2014.

Pada tahun kewangan 2013/2014 (FY 13/14), kami berjaya menarik 1,285 ahli baru yang mana 1,264 daripadanya adalah Akauntan Bertauliah dan 21 Ahli Bersekutu.

Daripada 1,264 Akauntan Bertauliah yang diterima masuk, 1,229 ahli diterima mengikut kelayakan Bahagian I dan Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967 dan 35 lagi adalah graduan Peperiksaan Kelayakan IAM.

Graduan tempatan kekal membentuk golongan paling ramai di kalangan ahli-ahli baru dengan 52% diikuti kemasukan menerusi keahlian profesional pada 43%, dan masing-masing 3% dan 2% menerusi peperiksaan kelayakan (QE) IAM dan kelayakan lain. Kami juga menerima semula sebagai ahli 104 pemohon sepanjang 12 bulan lalu.

## KEMASUKAN AHLI MENERUSI BAHAGIAN I, JADUAL PERTAMA AKTA AKAUNTAN 1967

### UNIVERSITI

<sup>1</sup> Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Malaya  
**Kemasukan: 52**

<sup>2</sup> Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia  
**Kemasukan: 52**

<sup>3</sup> Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Teknologi MARA  
**Kemasukan: 219**

<sup>9</sup> Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Tenaga Nasional (program akademik pertama bermula dari tahun akademik 2002/2003 dan seterusnya)  
**Kemasukan: 20**

<sup>10</sup> Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Multimedia (program akademik pertama bermula dari tahun akademik 2002/2003 dan seterusnya)  
**Kemasukan: 49**



<sup>4</sup> Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Utara Malaysia  
**Kemasukan: 114**

<sup>5</sup> Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Putra Malaysia  
**Kemasukan: 53**

<sup>6</sup> Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
**Kemasukan: 31**

<sup>7</sup> Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Sains Malaysia  
**Kemasukan: 28**

<sup>8</sup> Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), (Sistem Maklumat), Universiti Utara Malaysia  
**Kemasukan: 14**

<sup>11</sup> Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaysia Terengganu  
**Kemasukan: 14**

<sup>12</sup> Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaysia Sabah  
**Kemasukan: 17**

<sup>13</sup> Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Industri Selangor  
**Kemasukan: 13**



## KEMASUKAN AHLI MENERUSI BAHAGIAN II, JADUAL PERTAMA AKTA AKAUNTAN 1967

### BADAN PROFESIONAL

- 1 Malaysian Institute of Certified Public Accountants  
**Kemasukan: 13**
- 2 Institute of Chartered Accountants of Scotland  
**Kemasukan: 0**
- 3 Institute of Chartered Accountants In England & Wales  
**Kemasukan: 19**

- 4 Institute of Chartered Accountants in Ireland  
**Kemasukan: 1**
- 5 Association of Chartered Certified Accountants (United Kingdom)  
**Kemasukan: 322**
- 6 Institute of Chartered Accountants in Australia  
**Kemasukan: 7**
- 7 CPA Australia  
**Kemasukan: 155**

- 8 New Zealand Institute of Chartered Accountants  
**Kemasukan: 3**
- 9 Canadian Institute of Chartered Accountants  
**Kemasukan: 0**
- 10 Institute of Chartered Accountants of India  
**Kemasukan: 4**
- 11 Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom)  
**Kemasukan: 29**

Mengikut Kaedah 7(1), Kaedah-Kaedah IAM (Keanggotaan dan Majlis) 2001, seramai 394 ahli telah digugurkan dari Daftar Ahli berikutan kegagalan menjelaskan yuran tahunan mengikut masa yang ditetapkan, dua ahli digugurkan kerana tindakan disiplin, 288 ahli berhenti menjadi ahli dan 31 ahli meninggal dunia sepanjang tahun kewangan. Secara keseluruhan keahlian kami menokok 2% untuk tahun kewangan semasa.

### Membina Kapasiti

Perkhidmatan kewangan adalah salah satu daripada 12 teras Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Program Transformasi Ekonomi (PTE) kerajaan. Bagi membantu kerajaan merealisasikan agenda kebangsaan itu, IAM secara berterusan dan agresif memacu keahliannya. Sepanjang 12 bulan lalu, Institut telah melaksanakan pelbagai inisiatif di lokasi-lokasi dan acara-acara berbeza.

Ini termasuk:

1. Mengadakan program kesedaran dan pendaftaran terus di firma, organisasi dan institut pengajian tinggi - 17 acara, dan
2. Menganjurkan hari pendaftaran (12 acara) dan pembabitan dalam seminar/pameran/pesta kerjaya (26 acara).


### Penglibatan Pihak Berkepentingan

Kami memberi tumpuan kepada penglibatan pihak berkepentingan dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai IAM. Kami mahu mendidik masyarakat umum mengenai peranan Institut dalam mendukung Akta Akauntan 1967 dan profesion perakaunan di Malaysia. Kami percaya semua usaha ini akan menarik lebih ramai profesional kewangan dan perakaunan untuk menjadi ahli kami.

IAM bekerjasama rapat dengan Talent Corporation (TalentCorp), sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan kewujudan bakat yang diperlukan bagi menjayakan agenda transformasi ekonomi negara. IAM juga turut serta dalam acara-acara yang dibantu selia oleh TalentCorp seperti:

1. Pesta Kerjaya Yang Memfokuskan Kepada Sektor 2014: Perakaunan di Sunway TES.

2. Pesta Kerjaya dan Latihan Sarawak (SCaT) 2014 dan Pesta Kerjaya Yang Memfokuskan Kepada Sektor 2014: Perakaunan di Universiti Malaysia Sabah yang diadakan menerusi kerjasama dengan pejabat Serantau IAM Sabah yang memulakan Pesta Pendidikan Kerjaya dan Perniagaan 2014.
3. IAM juga sedang bekerjasama dengan TalentCorp dalam program Upskilling – Perakaunan. Di bawah program ini, 50% fi tuisyen peserta akan dibayar oleh Kerajaan sementara bakinya oleh firma-firma audit. Bagaimanapun, majikan peserta perlu membayar fi tuisyen terlebih dahulu dan pembayaran akan disalurkan berdasarkan setiap tuntutan peserta yang lulus setiap kertas dan mendapat sokongan badan-badan profesional. Kami percaya program ini akan dapat membantu mengatasi masalah kekurangan akauntan berkelayakan yang dihadapi sektor kewangan negara.



4. Bagi membantu pelajar perakaunan tahun akhir untuk mendapat pengalaman yang berkaitan ketika latihan kerja masing-masing, IAM sedang bekerjasama dengan TalentCorp bagi membangunkan satu Program Latihan Kerja Berstruktur. Menerusi program ini, pelajar-pelajar perakaunan yang diletakkan di firma audit perlu mengikuti program khusus yang akan membantu menyediakan mereka dengan lebih baik untuk kerjaya perakaunan. Sebagai insentif kepada firma-firma yang terlibat, mereka akan diberikan potongan cukai berganda terhadap eluan bulanan yang dibayar kepada pelatih sepanjang tempoh

latihan dan kos berkaitan lain yang ditanggung untuk pelatih sehingga nilai RM5,000 setahun untuk setiap pelatih sepanjang program berkenaan.

5. Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Peneraju), sebuah agensi di bawah Pejabat Perdana Menteri, diamanahkan untuk membangunkan secara berterusan keupayaan dan kepakaran Bumiputera sehingga ke tahap global menerusi pendidikan berkualiti. IAM sedang bekerjasama dengan Peneraju untuk menggalakkan lebih ramai Bumiputera untuk mengikuti program profesional perakaunan. Ahli-ahli boleh memohon bagi mendapatkan kelayakan perakaunan profesional menerusi program Peneraju Profesional Akauntan.
6. Tahun ini IAM telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Chartered Institute of Management Akauntan (CIMA) dan CPA Australia bagi meningkatkan lagi kedudukan profesional ahli-ahli kami. Mereka yang memenuhi kriteria tertentu yang ditetapkan CIMA/CPA Australia boleh dianugerahkan kelayakan perakaunan profesional masing-masing. IAM berharap ahli-ahli yang layak akan menggunakan peluang ini bagi meningkatkan kredibiliti dan sekali gus membantu menyokong visi bagi menjadikan Malaysia pusat kewangan dan peniagaan global.

## STATISTIK KEAHLIAN

### TABURAN GEOGRAFI

#### JADUAL 1: KEAHLIAN BERDASARKAN TABURAN GEOGRAFI (PADA 30 JUN 2014)


\*termasuk Wilayah Persekutuan Labuan

NEGERI	AM	CA	LA	JUMLAH
Johor	9	1,789	1	1799
Kedah	17	542		559
Kelantan	14	206		220
Melaka	16	603		619
Negeri Sembilan	8	579		587
Pahang	25	377		402
Perak	29	955	3	987
Perlis	18	56		74
Pulau Pinang	4	1,973		1,977
Sabah	4	989		993
Sarawak	11	1,670		1,681
Selangor	48	12,221		12,269
Terengganu	17	258		275
Wilayah Persekutuan*	20	6,918	1	6,939
Luar Negara	3	914		917
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>243</b>	<b>30,059</b>	<b>5</b>	<b>30,298</b>


### PETUNJUK

AM	Ahli Bersekutu
CA	Akauntan Bertauliah
LA	Akauntan Berlesen

## PERTUMBUHAN KEAHLIAN



### KEAHLIAN BERDASARKAN KELAYAKAN




Profesional

Ijazah Perakaunan

QE IAM

Lain-lain

### KEAHLIAN BERDASARKAN KUMPULAN UMUR



Di bawah 30 = 2,179 Ahli


31-40 = 11,688 Ahli

41-50 = 10,669 Ahli

51-60 = 4,138 Ahli

Lebih 61 = 1,624 Ahli

### KEAHLIAN BERDASARKAN PEKERJAAN




Akademik

Akauntan profesional dalam perniagaan

Amalan Awam

Sektor Awam

### KEAHLIAN BERDASARKAN JANTINA



Sepanjang tahun kewangan, sebanyak 150 sijil amalan telah dikeluarkan selain 19 permohonan semula untuk sijil amalan. Sebanyak 88 sijil amalan telah dibatalkan disebabkan oleh perkara-perkara berikut:


1. Kegagalan melunaskasikan fi sijil amalan (8) dan pembaharuan semula polisi insurans indemniti profesional (PII) (1);

2. Kegagalan memulakan amalan awam dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pengeluaran sijil (22);
3. Pemberhentian amalan (50);
4. Pemberhentian daripada keahlian IAM (3);
5. Digugurkan keahlian IAM (1) dan,
6. Kematian pemilik sijil (3).

### STATUS SIJIL AMALAN (PC) YANG DIKELUARKAN


Kategori Ahli	Jumlah pada 30/06/2013	Permohonan Baru	Permohonan Semula	Pembatalan	Jumlah pada 30/06/2014
Akauntan Bertauliah	2699	150	19	-88	2,780
Akauntan Berlesen	4	-	-	-	4
<b>JUMLAH</b>	<b>2,703</b>	<b>150</b>	<b>19</b>	<b>-88</b>	<b>2,784</b>

### PROFIL PEMILIK PC BERDASARKAN UMUR



- Di bawah 30 = 52 Ahli
- 31-40 = 573 Ahli
- 41-50 = 1,047 Ahli
- 51-60 = 643 Ahli
- Lebih 61 = 469 Ahli

### PROFIL PEMILIK PC BERDASARKAN JANTINA



- Lelaki
- Wanita

Sepanjang 12 bulan lalu, kami mendaftar 2,149 firma yang mana masing-masing 1,378 dan 771 terdiri daripada firma audit dan bukan audit. IAM juga membatalkan pendaftaran 15 firma audit dan 35 firma bukan audit yang telah berhenti beroperasi, menggantung 3 firma audit kerana berstatus tidak aktif dan menunggu dokumentasi daripada Suruhanjaya

Syarikat Malaysia (SSM) bagi pembatalan pendaftaran, dan 4 firma bukan audit yang telah ditukar kepada firma audit.

Jadual di bawah menunjukkan taburan geografi firma ahli (audit dan bukan audit) yang berdaftar dengan Institut.

#### KEAHLIAN FIRMA MENGIKUT NEGERI (PADA 30 JUN 2013 DAN 30 JUN 2014)

\*Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan

NEGERI	PADA 30 JUN 2013			PADA 30 JUN 2014		
	FIRMA AUDIT	FIRMA BUKAN AUDIT	JUMLAH	FIRMA AUDIT	FIRMA BUKAN AUDIT	JUMLAH
Johor	128	79	207	127	83	210
Kedah	26	13	39	26	15	41
Kelantan	11	7	18	11	7	18
Melaka	34	15	49	34	18	52
Negeri Sembilan	20	14	34	20	15	35
Pahang	23	10	33	23	10	33
Penang	110	49	159	113	50	163
Perak	52	55	107	53	56	109
Perlis	1	2	3	1	2	3
Sabah	83	40	123	86	44	130
Sarawak	77	37	114	76	43	119
Selangor	303	192	495	311	203	514
Terengganu	9	3	12	9	4	13
Wilayah Persekutuan*	491	220	711	488	221	709
<b>JUMLAH</b>	<b>1,368</b>	<b>736</b>	<b>2,104</b>	<b>1,378</b>	<b>771</b>	<b>2,149</b>

Seksyen 510 Undang-undang Kecil Institut (tentang Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) menyatakan bahawa setiap ahli dalam amalan awam dikehendaki untuk memastikan firma yang dimiliki melaksanakan dan mengekalkan polisi insurans indemniti profesional (PII). PII telah dijadikan keperluan mandatori kepada semua ahli dalam amalan awam yang mana had minimum indemniti telah ditetapkan pada RM250,000 setiap rakan kongsi di setiap firma. Kami dengan bangganya ingin melaporkan bahawa 99% ahli dalam amalan awam telah menyediakan PII yang sah ketika memperbaharui sijil amalan. Ini adalah petanda yang menggalakkkan kepada keperluan menyediakan Sijil Amalan (PC) kerana PII hanya baru dilaksanakan pada tahun kewangan lalu. Hanya seorang ahli gagal menyediakan bukti mengenai PIInya dan PC telah dibatalkan.

Pihak berkuasa seperti Kementerian Kewangan (MOF) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan diberitahu mengenai pembatalan PC membabitkan firma audit yang diluluskan. Bagi firma bukan audit pula, firma berkenaan mungkin dikehendaki untuk menghentikan operasi.

Pemilik lesen audit mesti mematuhi semua undang-undang kecil dan perundangan Institut. Kami akan hanya menyokong pembaharuan lesen audit ahli yang telah memenuhi tanggungjawab mereka. Dalam tahun kewangan 2012/2013, 428 atau 67% daripada 640 pemilik lesen audit telah mematuhi semua obligasi apabila sokongan Institut diminta. Untuk tahun

kewangan semasa, kami menyaksikan peningkatan yang lebih nyata dengan 694 atau 77% daripada 900 pemohon telah mematuhi semua obligasi mereka pada kali pertama. Sesungguhnya Institut akan menyokong semua pembaharuan lesen audit apabila semua obligasi telah dipenuhi.

#### Pusat Sumber

Pusat Sumber IAM, bank ilmu kepada pengamal perakaunan, terus mendapat sokongan ahli dan bukan ahli. Akses menerusi atas talian kepada bahan seperti Intelliconnect Commerce Clearing House (CCH), (Perundangan, Perakaunan, Cukai, Sumber Manusia dan Undang-undang Syarikat), Lexis Malaysia (koleksi penyelesaian perundangan) dan Lawnet (Warta Kerajaan) memacu kepada peningkatan penggunaan.

Sepanjang 12 bulan lalu, Pusat Sumber IAM juga mencatatkan peningkatan dalam pemohon lesen audit yang sedang menyediakan diri untuk temu duga lesen audit mereka. Pusat Sumber IAM dilengkapkan dengan tajuk dan bahan bacaan lain yang dapat membantu mereka dalam membuat persediaan untuk temu duga.

Pusat Sumber juga telah meningkatkan jumlah penerbitan untuk jualan. Kami terus berusaha mendapatkan tajuk-tajuk yang mungkin menarik minat ahli-ahli dan menjualnya pada harga istimewa.

## Meja Bantuan

Meja bantuan (Helpdesk) IAM menjadi antara komponen terpenting dalam membantu ahli-ahli dan masyarakat umum yang mahu mendapatkan maklumat daripada Institut. Meja bantuan akan memantau semua pertanyaan yang diterima menerusi borang e-feedback IAM yang boleh diakses menerusi laman sesawang Institut bagi memberikan jawapan yang pantas.

Kami telah melancarkan Kaji Selidik IAM 2014 pada Mac 2014 bagi mengetahui jangkaan ahli-ahli mengenai aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan atau perkhidmatan yang diberikan oleh IAM. Antara fokus kaji selidik itu adalah bagi mendapatkan maklum balas mengenai aktiviti Pendidikan Profesional Berterusan (CPE), Penjenamaan Institut, Accountants Today, pendekatan Pengawasan dan Penguatkuasaan, dan initiatif-initiatif Pendidikan. Setakat ini, lebih 3,000 ahli telah mengambil bahagian dalam kaji selidik ini. Kami mahu menggunakan maklum balas daripada ahli-ahli bagi membangunkan dan memberikan perkhidmatan yang lebih kukuh dan menyeluruh kepada ahli-ahli dan masyarakat umum.

## Pejabat Wilayah

Empat pejabat wilayah kami (Johor, Utara, Sabah dan Sarawak) terus memberi khidmat kepada ahli-ahli di kawasan masing-masing dengan sokongan Jawatankuasa-Jawatankuasa Wilayah. Aktiviti-aktiviti utama wilayah adalah:

1. Mengadakan acara CPE;
2. Memberikan maklumat lanjut kepada ahli-ahli mengenai obligasi mereka dan lain-lain bantuan;
3. Membina dan mengekalkan hubungan baik dengan pihak berkepentingan; dan
4. Menganjurkan aktiviti-aktiviti untuk ahli di wilayah berkenaan seperti majlis makan malam tahunan dan acara-acara sosial lain.

Kami juga menggalakkan pembabitan lebih besar ahli-ahli dalam pelbagai jawatankuasa yang diwujudkan. Ahli-ahli Jawatankuasa Wilayah diketuai oleh Pengerusi telah menyokong Pengurusan dalam melaksanakan pelbagai aktiviti selain mewakili Institut di peringkat wilayah.

Dalam merancang dan menganjurkan aktiviti-aktiviti di peringkat wilayah, Pengurusan Pusat akan memastikan aktiviti-aktiviti untuk ahli-ahli seperti forum, dialog dengan ahli-ahli dan Majlis Makan Malam wilayah diberikan keutamaan. Aktiviti-aktiviti seperti ini menjadi platform kepada ahli-ahli untuk berkongsi pandangan mengenai pelbagai isu berkaitan profesion mereka selain menggalakkan ahli-ahli di kawasan berkenaan untuk membina jaringan di kalangan mereka.

## MEMPROMOSIKAN KUALITI DAN KECEKAPAN MENERUSI PENDIDIKAN

Kualiti pendidikan adalah fokus utama IAM sejak ia dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan kecekapan profesion menerusi pendidikan, latihan dan program pembangunan yang berterusan. Peranan IAM dalam menyokong dan mempromosikan pembangunan pendidikan perakaunan di negara ini telah meningkat dengan nyata. Kami dipertanggungjawabkan untuk memastikan akauntan

bertauiah sedia ada dan masa hadapan mampu menghadapi cabaran global dan pada masa sama kekal relevan kepada keperluan masyarakat dan perniagaan.

Bagi mencapai matlamat ini, IAM bertindak sebagai pemangkin dalam menghubungkan jangkaan pihak-pihak berkepentingan dan menjadi saluran mudah untuk mereka terus berada di hadapan dalam pembangunan pendidikan perakaunan.

IAM juga membantu dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Piawaian Pendidikan Perakaunan Antarabangsa (IAESB), Persekutuan Akauntan Antarabsangsa (IFAC) bagi memastikan standard pendidikan perakaunan menepati standard global.

Sepanjang tahun dalam kajian, IAM melaksanakan initiatif-initiatif berikut bagi memastikan kecekapan ahli-ahlinya:

## PEPERIKSAAN KELAYAKAN IAM (QE)

Peperiksaan kelayakan ke-21 dan ke-22 IAM telah masing-masing diadakan pada 18-19 September 2013 dan 19-20 Mac 2014 di lima pusat peperiksaan iaitu Universiti Teknologi MARA di Shah Alam, dan Pejabat Wilayah IAM di Johor Bahru, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching. Seramai 214 dan 171 calon masing-masing telah mendaftarkan diri untuk peperiksaan ke-21 dan ke-22.

Keputusan peperiksaan September 2013 dan Mac 2014 telah diumumkan masing-masing pada 19 November 2013 dan 17 Mei 2014.

Keputusan untuk peperiksaan September 2013 adalah memuaskan.

1. Terdapat tiga kertas peperiksaan iaitu Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Lanjutan (AFAR), Undang-undang Perniagaan dan Syarikat (BCL) dan Percukaian (TAX). Semua kertas berkenaan telah mencatatkan peningkatan dalam jumlah yang lulus berbanding peperiksaan pada Mac 2013.
2. Untuk kertas Perkhidmatan Pengauditan dan Asurans (AUD); jumlah yang lulus menurun sedikit kepada 59% daripada 60%.

Keseluruhan calon yang lulus dengan cemerlang dalam pelbagai kertas peperiksaan juga meningkat kepada 46 calon berbanding hanya 31 calon pada peperiksaan Mac 2013.

Keputusan peperiksaan untuk Mac 2014 juga adalah memuaskan.

1. Keputusan untuk kertas Percukaian merekodkan jumlah kelulusan tertinggi dengan 63% berbanding 59% untuk peperiksaan pada September 2013.
2. Kertas Undang-undang Perniagaan dan Syarikat menyaksikan peratus kelulusan meningkat kepada 50% berbanding 29% pada peperiksaan September 2013. Lebih ramai calon lulus dengan cemerlang pada peperiksaan Mac 2014.
3. Kertas Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Lanjutan juga mencatatkan peningkatan kelulusan kepada 33% berbanding 29% pada peperiksaan September 2013.
4. Bagaimanapun, paras kelulusan untuk kertas Perkhidmatan Pengauditan dan Asurans menurun kepada 18% berbanding 59% pada peperiksaan September 2013.

Seramai 28 calon lulus dengan cemerlang untuk pelbagai kertas.


Seramai 33 calon berjaya melengkapkan peperiksaan, sekali gus meningkatkan jumlah graduan kepada 255. Butiran untuk peperiksaan September 2013 dan Mac 2014 adalah seperti berikut:

#### KEPUTUSAN QE SEPTEMBER 2013


GRED	BCL	AFAR	AUD	TAX
Lulus dengan Cemerlang	6	9	14	17
Lulus	6	12	8	6
Gagal	29	51	15	16
Tidak hadir	4	8	5	8
<b>JUMLAH</b>	<b>45</b>	<b>80</b>	<b>42</b>	<b>47</b>

#### KEPUTUSAN QE MAC 2014

GRED	BCL	AFAR	AUD	TAX
Lulus dengan Cemerlang	18	0	2	8
Lulus	0	15	4	9
Gagal	18	30	26	10
Tidak hadir	6	14	4	7
<b>JUMLAH</b>	<b>36</b>	<b>59</b>	<b>36</b>	<b>34</b>



- Lulus dengan Cemerlang
- Lulus
- Gagal
- Tidak Hadir



- Lulus dengan Cemerlang
- Lulus
- Gagal
- Tidak Hadir

#### PETUNJUK

- BCL Undang-undang Perniagaan dan Syarikat  
 AFAR Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Lanjutan  
 AUD Perkhidmatan Pengauditan dan Asurans  
 TAX Percukaian

## HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN UTAMA

IAM melibatkan diri dengan pihak berkepentingan menerusi pelbagai saluran dan inisiatif-inisiatif dalam usaha untuk memajukan kepentingan profesi. IAM juga menjadi platform kepada profesional kewangan untuk menyatakan pandangan kepada pihak berkepentingan utama mengenai isu-isu berbanding dan kritikal yang mempunyai kesan terhadap kemajuan profesi.

Semasa tahun dalam kajian, IAM melaksanakan beberapa inisiatif-inisiatif strategik bagi meningkatkan hubungan dengan pihak berkepentingan:

### 1. Persidangan Pelajar Perakaunan (ASC)

ASC kali ke-6 telah dianjurkan dari 8 hingga 9 November 2013 di deBaron Resort, Langkawi, Kedah. ASC 2013 dihoskan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM).

Antara objektif ASC adalah untuk mendedahkan pelajar kepada profesi perakaunan dan mendidik mereka mengenai kriteria yang diperlukan untuk berjaya dalam kerjaya. ASC juga bertujuan menyemai budaya pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar selain menyemai sifat keyakinan menerusi pembabitan dalam persidangan utama sebelum mereka memulakan kerjaya mereka kelak.

Selaras dengan ASC 2013, IAM turut meraikan 13 pelajar perakaunan daripada pelbagai universiti di bawah Jadual Pertama Akta Akauntan 1967, di atas kejayaan cemerlang mereka dalam pengajian perakaunan. Anugerah berkenaan telah disampaikan oleh Presiden IAM Johan Idris yang turut merasmikan ASC 2013.

### 2. Kuiz Perakaunan 2014 IAM – Sunway TES

IAM dan Sunway TES adalah pengajur bersama Kuiz Perakaunan ke-2 tahun ini. Acara pertama telah diadakan tahun lalu dan hanya terbuka kepada sekolah menengah dari Selangor, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Tahun ini, kuiz ini adalah terbuka kepada semua sekolah menengah di Malaysia. Ini juga adalah kuiz perakaunan atas talian (online) pertama di Malaysia. Pertandingan atas talian ini telah bermula pada 1 April 2014 sehingga Acara Kemuncak Akhir pada 13 September 2014 di Kolej Sunway, Petaling Jaya, Selangor.

Objektif pertandingan ini adalah untuk memberikan pelajar pendedahan terhadap dunia perakaunan profesional. Dalam era Internet hari ini, kami percaya pertandingan atas talian akan memberi peluang kepada pelajar menunjukkan kecenderungan mereka kepada asas perakaunan dalam persekitaran yang “menyeronokkan dan menghiburkan” dan pada masa sama mempromosikan profesi perakaunan.

Kuiz Perakaunan 2014 IAM-Sunway disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, badan perakaunan profesional dan firma-firma perakaunan. Pertandingan kali ini terbuka kepada semua pelajar Tingkatan 4 dan 5 di Malaysia. Ini termasuk pelajar daripada sekolah menengah

di bawah selain Kementerian Pendidikan, sekolah menengah di bawah selain agensi-agensi kerajaan lain dan sekolah menengah persendirian.

### 3. Ceramah Kerjaya dan Kesedaran

IAM menganjurkan pelbagai ceramah kerjaya dan kesedaran di institusi-institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah dengan menekankan mengenai potensi profesi dan menggalakkan pelajar untuk mempertimbangkan perakaunan sebagai pilihan kerjaya masa hadapan. Sesesi ini juga memfokuskan kepada kaedah dan cara untuk menjadi akauntan bertauliah serta kepentingan untuk mendaftar dengan IAM sebagai ahli. Bagi meningkatkan kesan sesi-sesi ini, ahli-ahli IAM turut serta untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka dengan pelajar-pelajar berkenaan.

### CERAMAH KERJAYA DAN KESEDARAN (JULAI 2013 – JUN 2014)



KATEGORI	SESI
Sekolah Menengah	0
Institusi-institusi Pendidikan Tinggi (Awam)	13
Institusi-institusi Pendidikan Tinggi (Swasta)	5
<b>JUMLAH</b>	<b>18</b>

### PELAKSANAAN AKREDITASI

IAM diberi kuasa mengikut Akta Akauntan 1967 untuk menentukan kelayakan seseorang untuk diterima masuk sebagai ahli Institut. Ini dapat memastikan kelayakan yang diiktiraf di bawah Akta berkenaan memenuhi standard yang diperlukan serta kualiti yang dikehendaki oleh IAM. Menerusi fungsi ini, IAM menerima masuk akauntan yang layak, kompeten dan profesional sebagai ahli-ahli yang dapat memenuhi kehendak masyarakat awam.

Sepanjang tahun yang disemak, antara aktiviti akreditasi utama yang dianjurkan oleh Institut termasuk:

Selepas pertimbangan dan perbincangan teliti, Majlis pada mesyuaratnya pada 29 Mei 2014 telah bersetuju untuk mengiktiraf program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari INTI International University (INTI).

## PELAKSANAAN SEMAKAN

IAM telah menyelesaikan semakan terhadap 11 universiti yang disenaraikan di bawah Bahagian I, Jadual Pertama Akta Akauntan 1967 pada Mac 2014:

- i. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) (Sistem Maklumat), Universiti Utara Malaysia
- ii. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Sains Malaysia
- iii. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Teknologi MARA
- iv. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Putra Malaysia

- v. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa
- vi. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaya
- vii. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia
- viii. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaysia Terengganu
- ix. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaysia Sabah
- x. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Tenaga Nasional
- xi. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Multimedia

Semakan ini dilakukan bagi mengesahkan program ijazah perakaunan yang telah diakreditasikan terus memenuhi dan mematuhi standard yang ditetapkan oleh IAM. Sebanyak 11 badan bertindak membabitkan 34 penilai dibentuk untuk tujuan semakan 11 universiti berkenaan. Ringkasan proses semakan adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

No.	Butiran	Masa
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Notis kepada universiti mengenai pelaksanaan semakan – surat pertama dikeluarkan</li> <li>• Notis kepada universiti mengenai perubahan kepada tarikh akhir: 15 Feb 2013 (universiti-universiti telah meminta pertambahan masa) – surat kedua dikeluarkan</li> </ul>	Julai 2012 Jan 2013
2	Penghantaran dokumen oleh universiti-universiti & pembentukan 11 kumpulan badan bertindak	Jan–Mei 2013
3	Mesyuarat badan bertindak: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan awal dokumen-dokumen yang dihantar universiti-universiti</li> <li>• Mesyuarat pra lawatan</li> <li>• Mesyuarat pasca lawatan</li> </ul>	Jan–Jul 2013
4	Lawatan tapak ke universiti-universiti	Apr–Okt 2013
5	Mesyuarat dengan para graduan dan majikan terpilih	Jun–Dis 2013
6	Memuktamadkan laporan dan Penarafan Penilaian	Nov–Dis 2013
7	Surat Penjelasan (LOC) <ul style="list-style-type: none"> <li>• LOC dihantar ke semua universiti</li> <li>• Jawapan universiti-universiti berserta dokumen dan maklumat sokongan</li> <li>• Komen/maklum balas badan bertindak diterima</li> </ul>	13 Jan 2014 27 Jan 2014 29 –30 Jan 2014
8	Semakan dengan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan	6 Feb 2014
9	Kelulusan Jawatankuasa Pendidikan	17 Feb 2014
10	Kelulusan Majlis	4 Mac 2014
11	Pemberitahuan keputusan kepada setiap universiti	7 Mac 2014

Semakan dilakukan berdasarkan kerangka semakan yang dibangunkan Jawatankuasa Pendidikan IAM. Universiti-universiti dinilai berdasarkan enam komponen dan "Hala Tuju 2 Untuk Program Perakaunan yang ditawarkan Institusi-institusi Pendidikan Tinggi Awam Malaysia" dijadikan rujukan sebagai standard utama:

No	Komponen	Nilai Kepentingan (%)
A	Kurikulum Akademik dan Peperiksaan	30
B	Kemasukan Pelajar dan Kemajuan	5
C	Kakitangan Akademik	15
D	Kemudahan-kemudahan	5
E	Sistem Pengurusan Kualiti	15
F	Penilaian Profesional	30
<b>Jumlah</b>		<b>100</b>

Jawatankuasa juga telah menggariskan tiga kategori sebagai hasil daripada pelaksanaan semakan dan butirannya adalah seperti berikut:

No	Kriteria	Keputusan
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sekurang-kurangnya 75% daripada markah keseluruhan; dan</li> <li>Sekurang-kurangnya 60% untuk setiap komponen.</li> </ul>	Patuh
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Antara 50%-74% daripada markah keseluruhan; dan</li> <li>Antara 50%-59% untuk kurikulum akademik dan komponen-komponen penilaian profesional</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kepatuhan bersyarat– tertakluk kepada beberapa syarat yang perlu diperbetulkan; dan</li> <li>Tempoh khusus (6 bulan – 1 tahun) akan diberikan bagi membentulkan bidang yang telah dikenal pasti untuk tambah baik.</li> </ul>
3	Kurang 50% daripada markah keseluruhan	Tidak patuh – akreditasi ditolak/ditarik balik.

Kesimpulannya, hasil penemuan menunjukkan semua sebelas universiti tidak tergolong di dalam kategori keputusan tidak patuh ketika kajian semakan dilakukan.

## PROGRAM PENGALAMAN RELEVAN AKAUNTAN BERTAULIAH (CARE)

IAM CARE adalah program penilaian berstruktur yang berdasarkan pendekatan "mentor-mentee". "Mentee" (graduan perakaunan) dikehendaki untuk melantik seorang mentor (seorang Akauntan Bertauliah IAM) bagi memantau dan mengesahkan pengalaman kerja berkaitan yang relevan selama tiga tahun. Selepas sesorang "mentee" telah melengkapkan tempoh mandatori pengalaman kerja yang relevan selama tiga tahun, mereka layak untuk menjadi Akauntan Bertauliah IAM. Sehingga 30 Jun 2014, terdapat 4,154 mentee berdaftar dalam program CARE yang mana 1,543 telah menjadi ahli IAM.

### Program Pembelajaran CARE

Untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2014, IAM telah menganjurkan 23 sesi Program Pembelajaran CARE yang mana 14 sesi telah diadakan di pejabat-pejabat IAM dan bakinya di organisasi-organisasi seluruh Malaysia. Objektif sesi ini adalah untuk menarik ahli IAM supaya menawarkan diri sebagai mentor sukarela serta menggalakkan mentee untuk mengemaskini rekod pengalaman kerja ke dalam pangkalan data atas talian. Butiran sesi-sesi berkenaan adalah seperti berikut:

Lokasi	Jumlah Sesi	Jumlah Kehadiran Mentee	Jumlah Ahli IAM Yang Hadir	Jumlah Sukarelawan Mentor Selepas Sesi
Lembah Klang	16	253	99	67
Pulau Pinang	3	15	19	11
Kuching	2	25	7	4
Johor Bahru	1	7	7	6
Seremban	1	15	1	1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>23</b>	<b>315</b>	<b>133</b>	<b>89</b>

## Program Kesedaran CARE

IAM telah menganjurkan 16 sesi Program Kesedaran CARE untuk pelajar perakaunan daripada universiti-universiti Bahagian I sepanjang tahun kewangan berakhir 30 Jun 2014. Objektif utama sesi ini adalah untuk menarik pelajar perakaunan untuk mendaftar sebagai mentee praCARE dalam pangkalan data atas talian. Apabila pelajar-pelajar terbabit telah menamatkan pengajian dan bekerja dalam bidang berkaitan, mereka boleh melantik mentor dan memperbaharui rekod pengalaman kerja dalam portal CARE. Butiran mengenai sesi-sesi ini adalah seperti berikut:

No	Tarikh	Universiti	Jumlah Pelajar yang Hadir	Jumlah Pelajar yang Mendaftar untuk PraCARE
1	18 Sep 2013	UiTM Perlis	165	149
2	19 Sep 2013	UiTM Merbok, Kedah	100	93
3	2 Okt 2013	Universiti Islam Antarabangsa (UIA)	125	91
4	9 Okt 2013	UiTM Johor	295	274 (130 tahun akhir)
5	18 Okt 2013	Universiti Putra Malaysia (UPM)	63	63
6	23 Okt 2013	UiTM Shah Alam	133	115
7	30 Okt 2013	UiTM Pahang	87	87
8	22 Nov 2013	UiTM Sarawak	100	100
9	4 Dec 2013	Multimedia University (MMU), Cyberjaya	32	32
10	22 Feb 2014	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	233	210
11	5 Mac 2014	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	80	80
12	14 Mac 2014	Universiti Malaya (UM)	130	120
13	27 Mac 2014	Universiti Selangor (UNISEL)	42	42
14	10 April 2014	Multimedia University (MMU), Melaka	151	145
15	16 April 2014	Universiti Sains Malaysia (USM)	95	95
16	15 Mei 2014	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	67	60
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>1,898</b>	<b>1,756</b>

## PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Penglibatan pihak berkepentingan adalah usaha strategik kami bagi meletakkan profesion perakaunan Malaysia sebagai cekap dan sumber berkualiti, berbakat dan berkepakaran yang tiada tandingan dalam persekitaran perniagaan tanpa sempadan.

Kami komited untuk mengukuhkan hubungan dan komunikasi dengan pelbagai pihak berkepentingan pada peringkat kebangsaan, wilayah dan antarabangsa, mempromosikan kepentingan profesion perakaunan Malaysia, serta memastikan kemajuan serta kematangannya.

Peranan hubungan korporat dan antarabangsa IAM memainkan peranan yang penting dalam menguruskan hubungan pihak berkepentingan yang pelbagai termasuk agensi kerajaan dan badan-badan profesional, bagi memastikan persekitaran positif serta sedia membantu untuk ahli-ahli dan profesion perakaunan. Menerusi kerjasama erat, IAM dapat mempertahankan kepentingan profesion serta memastikan ahli-ahli kekal relevan dalam persekitaran perniagaan yang tidak menentu, jangkaan pihak berkepentingan yang meningkat dan cabaran kompleks berikutan liberalisasi perdagangan membabitkan perkhidmatan, serta perubahan dalam standard dan peraturan.

## JAWATANKUASA PENGUKUHAN PROFESION PERAKAUNAN (CSAP)

CSAP telah diwujudkan bagi merangka formula dan mencadangkan strategi serta pendekatan bagi mengukuhkan profesion perakaunan dan meningkatkan input profesion dalam menguatkan daya saing negara sejajar agenda transformasi Kerajaan.

IAM diwakili oleh Datuk Mohd Nasir Ahmad (bekas Presiden IAM) di peringkat CSAP. Untuk tahun yang dilaporkan, Institut telah menghadiri mesyuarat-mesyuarat CSAP dan menyumbang pandangan IAM mengenai cara-cara untuk memajukan profesion.

### Inisiatif Diperingkat Antarabangsa

Memantau dan bertindak kepada trend semasa adalah penting kepada IAM. Kami perlu bertindak balas terhadap perkembangan-perkembangan untuk membangunkan dan mempertahankan profesion perakaunan. Salah satu trends penting adalah globalisasi dan liberalisasi sektor perkhidmatan. Perkembangan ini dijangka membuka peluang yang besar untuk perkhidmatan perakaunan merentas sempadan, terutama kepada akauntan dari Malaysia yang "mobile" serta cekap.

Kami sedang memantau proses globalisasi dan liberalisasi sektor perkhidmatan di pelbagai peringkat termasuk serantau dan dua hala untuk menilai kesannya terhadap profesion perakaunan.

Ketetapan Pengiktirafan Bersama (MRA) ASEAN bagi Perkhidmatan Perakaunan sudah berada di peringkat akhir. Sebagai wakil kerajaan pada mesyuarat-mesyuarat ini, IAM terbabit dalam proses rundingan dengan anggota ASEAN lain. Kami sedar kepentingan profesion tidak akan dikompromi ketika menghadapi liberalisasi perdagangan dalam perkhidmatan.


Sementara itu, IAM terus memainkan peranan aktif dalam Persekutuan Akauntan ASEAN (AFA) dan Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC).

Wakil IAM telah menghadiri semua empat mesyuarat majlis AFA yang diadakan sepanjang tahun kewangan dalam kajian.

Tumpuan AFA seterusnya adalah untuk mewujudkan pelan strategik dalam membina kapasiti di kalangan negara anggotanya.

Institut juga dengan bangga ingin mengumumkan bahawa berikutan kecemerlangannya dalam mematuhi Pernyataan Obligasi Anggota (SMO) IFAC dan pelaporan yang konsisten, IAM telah diiktiraf dan diberikan keistimewaan untuk melaporkan kepada IFAC sebanyak dua tahun sekali berbanding sekali setahun sebelum ini.

# Memperkayakan Pengetahuan dan Memastikan Akauntabiliti



## FAKTA

- **Program CPE Dilaksanakan – 877 program**
- **Jumlah Peserta Program CPE – 28,734**
- **Pendapatan Jabatan Pembangunan Profesional (PDD) (TK2013/2014) – RM19.25 juta**
- **Kursus CPE Percuma Diadakan – 13 kursus**
- **Peserta Kursus CPE Percuma – Lebih 450 ahli-ahli MIA**
- **Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA 2013 – Lebih 2,500 delegasi dari 22 negara**

## MEMPERCEPATKAN PERKEMBANGAN ILMU DAN KECEKAPAN

Kewujudan profesional perakaunan dan kewangan adalah penting dalam memastikan integriti rantaian pelaporan kewangan. Ia memastikan kepentingan awam dipelihara dan profesion perakaunan terus berkembang dalam persekitaran yang mencabar dan sentiasa berubah.

Jabatan Pembangunan Profesional (PDD), cabang perniagaan strategik IAM, membangun dan menawarkan program Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) untuk ahli, bukan

ahli dan pihak berkepentingan dan membantu mereka untuk menyediakan diri menghadapi cabaran masa kini dan masa hadapan. PDD menawarkan program CPE dalam pelbagai bentuk dan format - bengkel, seminar, kursus pendek, forum, persidangan serta pembelajaran atas talian dan dalam organisasi, memastikan profesional perakaunan mengikuti perkembangan terkini profesi selain keperluan sektor yang terbaru.

Melalui PDD dan pejabat-pejabat wilayahnya, IAM dapat berkhidmat kepada semua ahli dan pihak berkepentingan di seluruh negara. Ketika ini pelanggan PDD terdiri daripada 60% ahli-ahli IAM dan 40% bukan ahli yang mendapat khidmat menerusi tiga unit perniagaan strategik dalam PDD iaitu:



## PRESTASI PDD

PDD dipertanggungjawabkan untuk menjalankan penyelidikan ke atas keperluan latihan CPE dan topik-topik untuk profesi perakaunan, merangka program CPE yang sesuai, mengenal pasti dan mendapatkan fasilitator/penceramah atau pakar bidang-bidang tertentu atau rakan-rakan seairan, melaksanakan pemasaran dan promosi, dan akhirnya menjalankan program-program CPE.

Unit Program CPE di PDD memfokuskan kepada:

1. Menghasil dan menzahirkan bengkel-bengkel tetap tentang topik-topik teras seperti Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Audit, Cukai, Perakaunan Pengurusan dan sebagainya.,
2. Mengurus Kursus Induksi Ahli melalui portal pembelajaran elektronik kepada ahli-ahli baru,
3. Menawarkan kursus-kursus CPE atas talian dan program latihan dalam yang direka khas untuk organisasi-organisasi dengan tumpuan terhadap topik MFRS, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan topik teknikal yang relevan kepada golongan perakaunan,

Unit Projek Khas PDD memberi tumpuan kepada:

1. Aktiviti-aktiviti tambah nilai CPE seperti seminar berfokuskan industri dan risikan pasaran,
2. Forum dan persidangan mini yang menyasarkan kepada segmen spesifik profesion perakaunan dan masyarakat perniagaan,
3. Mengadakan siri penceramah antarabangsa dengan kerjasama organisasi-organisasi khusus,
4. Menganjurkan acara dan ceramah CPE yang ditaja untuk ahli-ahli secara percuma.

Unit Persidangan PDD mengendalikan acara utama IAM iaitu Persidangan Akauntan Antarabangsa IAM (Persidangan IAM). Persidangan IAM 2013 telah dihadiri oleh lebih 2,500 delegasi yang mewakili 22 negara. Ia telah menjadi antara acara perakaunan antarabangsa terulung di negara ini dan telah membantu memposisikan IAM di peta dunia untuk profesi perakaunan. Delegasi untuk persidangan mewakili:

1. Akauntan Profesional dalam Perniagaan (48%),
2. Sektor Awam (30%),
3. Amalan Awam (17%)
4. Ahli Akademik (5%).

Kepentingan acara ini juga ditunjukkan menerusi sokongan yang diterima IAM. Persidangan ini menerima penajaan dan sokongan daripada lebih 50 organisasi termasuk Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC), badan profesional dan firma perakaunan utama dunia. Presiden IFAC, Warren Allen menyampaikan ucaptama pada Persidangan IAM 2013.

Bagi tahun kewangan yang berakhir 30 Jun 2014, IAM telah menganjurkan 877 program CPE termasuk 95 tajuk baru. Untuk tahun yang disemak, 314 pakar industri dan pakar-pakar bidang menjadi fasilitator dan penceramah untuk program CPE, termasuk 242 penceramah baru. Ini sekaligus mengukuhkan lagi reputasi IAM yang berkembang sebagai penyedia pendidikan profesional lanjutan utama untuk profesi perakaunan.

Program CPE yang dianjurkan IAM untuk tahun kewangan yang dilapor mengikut kategori adalah seperti berikut:




Kategori	Jumlah Acara	%
FRS & Perakaunan Kewangan	147	17%
Audit & Asurans	42	5%
Percukaian	262	30%
Perakaunan Pengurusan	69	8%
Perundangan & Tadbir Urus	49	6%
Perbankan & Kewangan	7	1%
Pengurusan Kewangan	37	4%
Amalan Awam dan Perundingan	24	3%
Aplikasi IT	160	18%
Kemahiran Insaniah	52	6%
Lain-lain	28	2%
<b>JUMLAH</b>	<b>877</b>	<b>100%</b>

Untuk tahun yang dilapor, IAM merekodkan sejumlah 28,734 penyertaan yang mana 16,275 atau 54% dari jumlah keahlian IAM. Baki 12,459 peserta adalah bukan ahli daripada bidang perakaunan. Sambutan baik ini membuktikan peningkatan keyakinan masyarakat umum dan mereka dalam bidang perakaunan terhadap program-program yang dianjurkan oleh IAM.

PDD juga adalah penjana pendapatan utama kepada IAM. Perolehan yang dijana daripada unit perniagaan ini digunakan IAM untuk membiaya fungsi-fungsi sokongan teras lain terutama piawaian dan amalan profesional serta pengawasan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan bagi melindungi kepentingan awam.


Untuk tahun kewangan 2013/2014, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh PDD menjana pendapatan berjumlah RM19.25 juta, peningkatan sebanyak RM3.8 juta berbanding RM15.43 juta yang direkodkan untuk tahun sebelumnya. Sumbangan PPD juga meningkat sebanyak RM9 juta untuk tahun yang disemak.

Keperluan CPE untuk ahli-ahli IAM yang berada di serata negara tidak pernah diabaikan. Sebagai badan yang mewakili profesi perakaunan, program CPE juga diadakan di serata negara. Berikut adalah lokasi-lokasi program diadakan.




IAM telah merekodkan pertumbuhan yang berterusan untuk jumlah program CPE yang dizahirkan dan pendapatan yang dijana. Jumlah program yang dianjurkan telah meningkat hampir sekali ganda kepada 877 program berbanding 451 program pada 2007. Perangkaan pertumbuhan jumlah program dan pendapatan yang dijana untuk tempoh lapan (8) tahun adalah seperti berikut:

### BILANGAN PROGRAM DISAMPAIKAN DARI 2007 HINGGA 2014



### PENDAPATAN YANG DIJANA DARI 2007 HINGGA 2014



Kerjasama rapat dengan organisasi luar menjadi salah satu kunci kepada peningkatan berterusan perkhidmatan CPE IAM. IAM menjalin hubungan kerja yang sangat baik dengan firma-firma perakaunan utama, badan-badan profesional, badan-badan kawal selia dan organisasi-organisasi pakar lain. Untuk tahun yang disemak, IAM bekerjasama dengan rakan-rakan berikut untuk menganjurkan program-program dan aktiviti-aktiviti CPE:

### RAKAN-RAKAN DAN ORGANISASI SOKONGAN

#### Badan Profesional

ACCA
CIMA
CPA Australia
ICAEW
IFAC
MICPA

#### Badan Kawal Selia / Jabatan Kerajaan

Bank Negara Malaysia
BURSA Malaysia
Jabatan Audit Negara
Kastam Diraja Malaysia
Kementerian Kewangan
Kementerian Pelajaran
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB)
Majlis Peguam
Persatuan Akauntan Percuaian Malaysia (MATA)
Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Firma Perakaunan	Organisasi Pakar
Baker Tilly	Asian Institute of Finance (AIF)
BDO	Asian Pacific Association of Banking Institutes (APABI)
Cheng & Co	BizNet Global
Deloitte	Crimsonlogic
Ernst & Young	CSI World Headquarters
Grant Thornton	Global Event Asia
KPMG	Globalacc
PricewaterhouseCoopers (PWC)	IBM
	ICFE Group of Companies
	Institute of Business Analytics Pte Ltd
	ISACA
	ITD World
	Leadership Resources Malaysia
	Lee Hishammuddin Allen & Gledhill
	London Speaker Bureau
	Malaysian National Computer Confederation
	MEF Academy
	Meridian Communications
	Taylor's University
	Women's Institute of Management

## BANTUAN KEWANGAN YANG DIPEROLEH UNTUK AHLI-AHLI IAM DARI KALANGAN SMP DAN SME

Kerjasama erat IAM dengan SMECorp telah membantu kami untuk memperoleh geran latihan berjumlah RM313,350 untuk tahun yang dilapor. Geran ini membolehkan IAM menyediakan bantuan kewangan kepada ahli-ahli Entiti Kecil dan Sederhana (SME) terutama Pengamal Kecil Dan Sederhana (SMP) dan kakitangan mereka untuk menghadiri program-program latihan kelolaan IAM. Dengan sokongan geran latihan ini, IAM menyediakan subsidi sebanyak 70% ke atas fi latihan untuk SME dan SMP. Menerusi inisiatif ini, kami telah berjaya melatih lebih 500 peserta sepanjang 12 bulan lalu.

## KURSUS CPE PERCUMA UNTUK AHLI-AHLI IAM

IAM terus mencabar dirinya sendiri untuk membangunkan inisiatif-inisiatif tanggungjawab sosial korporat yang lebih inovatif dan memandang ke hadapan. Selain menawarkan subsidi untuk program-program CPE, IAM menganjurkan pelbagai kursus CPE percuma kepada ahli-ahli bagi menyokong pembangunan profesional mereka. Lebih daripada 450 ahli-ahli IAM mendapat manfaat daripada kursus-kursus dan seminar percuma ini sepanjang tahun. Berikut adalah kursus percuma yang diadakan serta jumlah peserta yang mengikutinya:

No	Nama Program	Rakan	Kumpulan Sasaran	Tarikh	Jumlah Penyertaan
1	Amalan Perniagaan Yang Menguntungkan dan Mampan di IAM	ICAEW	Pengamal Awam	4-Jul-13	40
2	Forum Meja Bulat AIF di Bank Negara Malaysia	AIF	Semua	30-Sept-13	56
3	Dialog CFO: Pembentukan Semula Misi Kewangan di Hotel Double Tree Hilton	FPLC	CFO/Ketua Kewangan	7-Nov-13	22
4	Bercakap Terus! Komunikasi Yang Menonjolkan di IAM	En. Dannie Lim	Pengurusan	8-Nov-13	38

No	Nama Program	Rakan	Kumpulan Sasaran	Tarikh	Jumlah Penyertaan
5	Melaksanakan Pengauditam Secara Cekap dan Mengembangkan Tawaran Perkhidmatan: Pandangan Global dan Tempatan di Hotel Concorde	IFAC	Pengamat Awam	6-Dis-13	49
6	Dialog Mengenai Tadbir Urus – Apa yang sepatutnya syarikat dipertanggungjawabkan? di IAM	ICAEW	Akauntan dalam Perniagaan	9-Jan-14	28
7	Pengajaran Kreatif dengan Pelbagai Modal di IAM	En. Jeyaraman Seenivasagam	Ahli Akademik	23-Jan-14	30
8	Pandangan Pertama Penting di IAM	En. Jean Soong	Pengurusan	20-Feb-14	37
9	Menjadi Berbeza, Menjadi Lebih Baik di IAM	En. Anuprakash	Semua	26-Feb-14	35
10	Strategi untuk Mengembangkan Pengamat Kecil dan Sederhana di IAM	En. Chua Hock Hoo	Pengamat Awam	13-Mac-14	35
11	Menjadi Yang Terbaik: Menguruskan Tenaga dan Angin (moods) Anda di IAM	Cik. Valsala Krishnan	Semua	16-Apr-14	39
12	Memahami Perniagaan Menjangkau Angka di IAM	En. James Oh	Akauntan	14-May-14	12
13	Program Capaian oleh SSM di SSM Pulau Pinang	Wakil SSM	Akauntan dalam Perniagaan	25-Jun-14	31
<b>Jumlah</b>					<b>452</b>

## INISIATIF-INISIATIF SPESIFIK CPE DAN PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN MEMPERKAYAKAN PENGETAHUN DAN KEMAHIRAN AHLI-AHLI MENGENAI MFRS

Malaysia menerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) berkuat kuasa 1 Januari 2012 sebagai penerimaan kepada globalisasi. IAM sebagai badan kawal selia untuk profesion perakaunan diberi kepercayaan untuk membangun dan meningkatkan kecekapan profesional perakaunan tempatan dan memastikan amalan mereka mematuhi keperluan IFRS yang dirujuk sebagai MFRS di Malaysia. Bagi tahun kewangan 2013/2014 IAM telah menzahirkan latihan kemahiran teknikal yang perlu kepada ahli-ahli IAM mengenai amalan dan pematuhan MFRS menerusi beberapa siri program latihan. Sebanyak 147 program CPE dianjurkan dan ia dihadiri oleh 4,518 peserta terutama ahli-ahli PAIB dan Pengamat Awam.

### MENDIDIK AHLI-AHLI MENGENAI BELANJAWAN 2014

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan mengumumkan Belanjawan Negara 2014 pada 25 Oktober 2013. Susulan dengan pengumuman itu, IAM menganjurkan siri ceramah di seluruh negara bagi mendidik dan memberikan maklumat terkini kepada ahli-ahli dan masyarakat umum mengenai perkara-perkara utama berkaitan Belanjawan terutama dalam mempromosikan perancangan dan amalan cukai yang baik. IAM bekerjasama dengan MATA untuk menganjurkan 16 acara yang menyaksikan lebih 3,000 hadirin. Lokasi-lokasi majlis berkenaan adalah seperti berikut:

No	Lokasi	Kawasan yang terbabit	Tempoh Program	Jumlah Penyertaan
1	Wilayah Tengah	Kuala Lumpur, Petaling Jaya		1,142
2	Wilayah Utara	Pulau Pinang, Alor Setar, Ipoh		506
3	Pantai Timur	Kuantan, Kota Bharu, Kuala Terengganu	25 Nov 13 – 22 Jan 14	153
4	Wilayah Selatan	Johor Bharu, Melaka		592
5	Sabah	Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau		341
6	Sarawak	Kuching, Sibu, Miri		285
<b>Jumlah</b>				<b>3,019</b>

## MENYEDIAKAN AHLI-AHLI UNTUK GST

Dalam pengumuman Belanjawan 2014, Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015. Susulan pengumuman itu, IAM telah menganjurkan satu siri seminar dan bengkel bagi mendidik ahli-ahli dan masyarakat umum mengenai GST. Sepanjang tahun, IAM bekerjasama dengan pelbagai pakar GST dan organisasi yang mengkhususkan kepada bidang percukaian dan berjaya menganjurkan 155 seminar dan bengkel di seluruh negara. Seminar-seminar ini diterima baik dengan lebih 7,500 hadirin. Inisiatif ini juga termasuk 4 sesi Kursus Persediaan GST selama 10 hari yang dianjurkan bersama Kastam Diraja Malaysia. Sebahagian besar peserta kursus ini adalah ahli-ahli dari amalan awam.

## MENYEDIAKAN AHLI-AHLI UNTUK XBRL

eXtensible Business Reporting Language (XBRL) adalah piawaian pelaporan elektronik global yang muncul beberapa tahun lalu bagi memenuhi keperluan kawal selia dan ketelusan yang semakin meningkat untuk pelaporan kewangan.

Seperti juga pertumpuan terhadap IFRS, XBRL dijangka akan menjadi kaedah piawai dalam mengumpul, menyimpan dan melaporkan maklumat kewangan perniagaan di Malaysia pada masa hadapan. IAM menyedari keperluan untuk mendidik ahli-ahlinya dan mereka yang berkait dengan bidang perakaunan terhadap perkara baru ini dan telah menganjurkan beberapa seminar mengenai XBRL. Sepanjang tahun yang disemak, IAM dengan kerjasama pelbagai pakar XBRL dan organisasi-organisasi spesifik dalam bidang berkenaan telah menganjurkan 7 seminar dan bengkel mengenai XBRL.

## MENDIDIK AHLI-AHLI MENGENAI LLP

Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (LLPA 2012) dikuatkuasakan sebagai undang-undang apabila ia diwartakan pada 9 Februari 2012. Ini bermakna pemilik perniagaan mempunyai pilihan kepada 3 jenis perniagaan yang berbeza dalam menguruskan perniagaan iaitu pemilik tunggal atau rakan kongsi (Perusahaan), syarikat atau LLP. Dalam mendidik ahli-ahli dan pemilik perniagaan, IAM mengambil inisiatif untuk memulakan beberapa seminar dan bengkel peringkat tinggi mengenai LLP. Dengan kerjasama erat dengan pakar-pakar LLP, IAM berjaya menganjurkan 11 seminar dan bengkel mengenai LLP.

## MEMPERKAYAKAN AHLI-AHLI IAM DI PERINGKAT LEMBAGA

Adalah menjadi tanggungjawab lembaga pengarah untuk memastikan kemakmuran dan pertumbuhan berterusan sesebuah syarikat dengan secara kolektif menguruskan hal ehwal syarikat dan pada masa yang sama memenuhi kepentingan pemegang saham dan pihak berkepentingan. Ahli-ahli lembaga pengarah juga mesti berhadapan dengan cabaran-cabaran dan isu-isu berkaitan tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat dan etika korporat selain isu-isu perniagaan dan kewangan. Sebagai pengiktirafan kepada ahli IAM yang juga lembaga pengarah, IAM menganjurkan 9 program CPE yang direka khas bagi menyokong anggota korporat kanan berkenaan tahun ini.

## MENYOKONG AHLI-AHLI DALAM AMALAN AWAM DAN MENINGKATKAN KUALITI AUDIT

Sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan kualiti audit di Malaysia terutama pengauditan yang dilakukan oleh SMP, IAM mereka cipta pelbagai jenis inisiatif CPE terutama seminar, bengkel dan forum bagi menyokong dan mendidik ahli-ahli di kalangan amalan awam. Sepanjang tahun, inisiatif-inisiatif CPE berikut telah dilaksanakan:

No	Nama Program	Tempoh Program	Lokasi	Jumlah Penyertaan
1	Program Amalan Awam IAM	Sept 13 – Mei 14	KL, PG, JB, PJ	239
2	Temuduga Untuk Juruaudit Syarikat Diluluskan dan Pembubar	Jul-13 – Jun 14	KL, PJ	285
3	Amalan Kawalan Audit Perlu (dengan penemuan hasil semakan amalan)	Ogos 13 – Mei 14	KL, JB, KK, KCH, PG, PJ	210
4	Kemas Kini Terbaru Kepada Pengamal 2013	6 Nov 13	PG	72
5	Audit dan ISAs	Jul 13 – Jun 14	Seluruh Negara	648
<b>Jumlah</b>				<b>1,454</b>

## MENYOKONG AHLI-AHLI DALAM SEKTOR AWAM /KERAJAAN MENGENAI IPSAS

Malaysia akan menerima pakai perakaunan akruan sepenuhnya untuk pelaporan kewangan menjelang 1 Januari 2015, selaras usaha untuk menggabungkan dengan keperluan International Public Sector Accounting Standards (IPSAS). Perubahan daripada perakaunan berdasarkan tunai kepada perakaunan akruan akan membolehkan sektor awam melaporkan prestasi kewangan, kedudukan kewangan dan aliran tunai dengan lebih tepat. Ini akan meningkatkan kebertanggungjawaban dan ketelusan pengurusan kewangannya. Bagi menyokong saranan Kerajaan dan profesional perakaunan dalam sektor awam, IAM telah menganjurkan beberapa siri program CPE mengenai IPSAS. Sepanjang tahun IAM menyampaikan 19 seminar dan bengkel mengenai topik IPSAS.

## MENYOKONG AHLI-AHLI DI KALANGAN AHLI AKADEMIK PERKARA TERKINI DAN MAKLUMAT DALAMAN

Pendidik bidang perakaunan hari ini berdepan dengan cabaran unik iaitu untuk memenuhi keperluan untuk menyediakan graduan yang progresif dan berpengetahuan yang mampu berjaya di dalam persekitaran pasaran yang dinamik dan bergolak. Pemupukan dan pembangunan graduan yang mampu mempelajari, meninggalkan dan mempelajari semula sesuatu akan memastikan wujudnya aset modal insan berprestasi tinggi untuk menerajui negara serta memastikan negara ini kekal kompetitif di pentas antarabangsa. Sebagai pengiktirafan terhadap kepentingan ahli-ahli IAM dalam bidang akademik, IAM menganjurkan beberapa inisiatif-initiatif CPE khusus untuk ahli akademik sepanjang tahun seperti dinyatakan di bawah:

No	Nama Program	Tempoh Program	Lokasi	Jumlah Penyertaan
1	Undang-Undang Cukai untuk Pendidik Perakaunan dan Kewangna	21-Okt-13	KL	19
2	Pengajaran Berdasarkan Rangka Kerja untuk Piawaian Pelaporan Kewangan	Ogos-Sept 13	KL, KCH	84
3	Memahami Model Kawalan Baru untuk Penggabungan dan Perakaunan Usaha Sama	21-Ogos-13	KL	49
4	Bagaimana Cara untuk Mengajar dan Membabitkan Pelajar Perakaunan Secara Kreatif dan Menarik?	27-Feb-14	KL	84
5	Simposium Pendidik Perakaunan Kebangsaan (NAES) 2014	26-27 Mei 14	KL	107
<b>Jumlah</b>				<b>343</b>

## SIRI PENCERAMAH ANTARABANGSA YANG DIANJURKAN KHUSUS UNTUK AHLI-AHLI IAM

Siri Penceramah Antarabangsa adalah ceramah yang diberikan oleh penceramah-penceramah antarabangsa yang terkenal mengenai pelbagai topik berkaitan pengurusan dan profesion perakaunan. Siri-siri ini terutamanya dianjurkan dengan kerjasama organisasi-organisasi khusus. Sepanjang tahun yang dilapor, ahli-ahli IAM berpelung untuk melihat dan mendengar sendiri daripada pakar-pakar terkenal berikut:

- i. **MARK SPOFFORTH**, Presiden, International Finance and Accounting Body ICAEW
- ii. **PAUL DUNN**, Social Innovation Fellow
- iii. **KAREN SCHMIDT**, Penulis *"Lessons in leading from the garden" and "Keep 'em keen: a guide on engaging people of all ages and career stages"*
- iv. **PROF. SATTAR BAWANY**, Penasihat Strategik dan Ahli, International Professional Managers Association (IPMA) Lembaga Pemegang Amanah dan Majlis Pentadbir
- v. **LAURENZ KOEHLER**, Pelatih Perniagaan Antarabangsa
- vi. **NICK VUJICIC**, Penulis, *"Living Life Without Limits"*
- vii. **BETH WOLFSON**, Pelatih Bertauliah Utama dan penceramah dinamik

- viii. **ADRIAN BOND**, Pengarah Asas, Bond Associates Limited
- ix. **DR JEROME-PIERRE BONNIFAY**, Perunding Sumber Manusia dan Latihan
- x. **FRANCIS ROWLANDS**, Pelatih Perniagaan Antarabangsa
- xi. **PROF DR BRIAN TO**, Senior Wharton Fellow di Wharton School, University of Pennsylvania
- xii. **PAUL THOMPSON**, Timbalan Pengarah, Hal Ehwal SME dan SMP, IFAC
- xiii. **MATT SMITH**, Fasilitator Antarabangsa
- xiv. **JO IWASAKI**, Ketua Tadbir Urus Korporat, ICAEW
- xv. **BILL JAMIESON**, Rakan Kongsi, Colin Ng & Partners
- xvi. **MARTIN GILES MANEN**, Fasilitator Antarabangsa
- xvii. **PAUL SOBEL**, Naib Presiden /Ketua Audit Eksekutif Georgia-Pacific, LLC
- xviii. **SIMON LINDLEY**, Pengarah Perkhidmatan Transformasi Perniagaan, Sumber Nasihat United Kingdom
- xix. **MICHAL PIECHOCKI**, Pengasas dan Pemilik bersama serta Ketua Pegawai Eksekutif, Business Reporting
- xx. **MATEUSZ HOJDA**, Ketua Pegawai Maklumat, Business Reporting
- xxi. **WILLIAM J. ROTHWELL**, PhD., SPHR, Penulis, *"Effective Succession Planning: Ensuring Leadership Continuity"* dan *"Building Talent from Within (4th ed.)"*

- xxii. **LINDSAY ADAMS**, Pengamal Utama, Program Linguistik Neuro
- xxiii. **TARRAN DEANE**, CEO & Pengasas, Corporate Cinderella Australia
- xxiv. **PIERLUIGI COLLINA**, Pengadil Bola Sepak Paling Terkenal
- xxv. **SAHAR HASHEMI**, Pengasas Bersama, Coffee Republic, dan Pakar Inovasi Keusahawanan
- xxvi. **CHARLES LEADBEATER**, Penulis *"Leading Authority on Innovation & Creativity"*
- xxvii. **CHRISTIAN GANSCH**, Pemimpin Orkestra Pemenang Anugerah, Penerbit & Perunding Pengurusan
- xxviii. **IAN FRASER**, CEO, Project Plus Ltd
- xxix. **MICHAEL SIMPSON**, Pengarah Global, FranklinCovey
- xxx. **WARREN ALLAN**, Presiden, IFAC
- xxxi. **MIKKEL LARSEN**, Pengarah Urusan, DBS Bank Singapura
- xxxii. **MARTYN JONES**, Presiden, ICAEW
- xxxiii. **LUCIANO PEZZOTA**, Rakan Kongsi, ECSI Consulting
- xxxiv. **JOHN KIDD**, Ketua, Global Shared Services Centre
- xxxv. **MICHAEL A. OLESNICKY**, Rakan Kongsi, Baker & McKenzie Hong Kong
- xxxvi. **STEVE TOXERS**, Ketua Cukai Antarabangsa Asia Pasifik, Deloitte Singapura
- xxxvii. **PAUL DRUM**, Ketua Dasar Pelaburan Perniagaan, CPA Australia
- xxxviii. **TANYA BARMAN**, Ketua Etika, CIMA
- xxxix. **WINANG BUDOYO**, Ketua Ekonomi, CIMB Niaga Bank, Indonesia

## PIAWAIAN DAN AMALAN PROFESIONAL (PSP)

Jabatan PSP di IAM sentiasa menggalakkan pematuhan kepada piawaian dan amalan profesional untuk memastikan tingkah laku ahli-ahlinya terjaga dan mempertukuh keyakinan dan kepercayaan awam. Ia mempunyai lima fungsi teknikal seperti berikut:

- Perakaunan dan Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Laporan Kewangan (FRSIC);
- Pelaporan Kewangan Sektor Awam;
- Pengauditan dan Asurans;
- Etika, Pengawal Seliaan dan Tadbir Urus; dan
- Percukaian.

Dalam mendukung fungsi-fungsi teknikalnya, Jabatan PSP telah melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut sepanjang tahun yang dilapor:

## PERAKAUNAN DAN FRSIC

1. Menerbitkan Konsensus FRSIC 19 *"Accounting for Prepaid Leasehold Land Held for Property Development by Developers"* sebagai maklum balas kepada FRSIC Isu No. 39 bagi memberi panduan tentang asas pengukuran yang sebaiknya digunakan bagi prapembayaran tanah pajakan dipegang untuk pembangunan harta tanah oleh pemaju harta tanah. Konsensus ini telah diterbitkan sebagai panduan pelaksanaan amalan terbaik pada 1 November 2013.
2. Memulakan inisiatif penyelidikan teknikal bagi pengklasifikasi sekuriti Tawaran Awam Permulaan (IPO) Syarikat Pengambilalihan Tujuan Khas ketika wang

dipegang dalam akaun amanah. Konsensus FRSIC 20 *"Classification of the IPO Investor Securities of a Special Purpose Acquisition Company"* telah diterbitkan sebagai panduan amalan terbaik pada 1 November 2013.

3. Menerbitkan Konsensus FRSIC 21 *"Determination of Substantively Enacted Tax Rate In Measuring Deferred Tax Assets and Liabilities"* yang menyatakan pengklasifikasi ke atas kadar cukai bersesuaian digunakan untuk mengira cukai aset dan liabiliti tertunggak apabila terdapat pengumuman (bukan perwartaan) perubahan dalam kadar cukai di Malaysia. Konsensus ini telah diterbitkan sebagai panduan pelaksanaan amalan terbaik pada 17 Februari 2014.
4. Menganjurkan forum separuh hari mengenai Piawaian Pelaporan Kewangan untuk entiti Kecil dan Sederhana (*FRS for SMEs*) bersama Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) pada 11 Julai 2013 di Kota Kinabalu dan 12 Julai 2013 di Kuching. Forum berkenaan memberi pihak berkepentingan, terutama penyedia laporan kewangan dan juruaudit, peluang untuk memahami rangka kerja pelaporan kewangan untuk entiti swasta.
5. Menganjurkan perbincangan meja bulat melibatkan pemaju harta tanah dan ahli dalam amalan awam pada 18 November 2013 bagi membincangkan isu-isu yang berpotensi memberi kesan kepada industri pembangunan harta tanah dengan pelaksanaan piawaian hasil baru *"Revenue from Contracts with Customers"*.
6. Menganjurkan bengkel dua hari mengenai Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa untuk entiti Kecil dan Sederhana (*IFRS for SMEs*) bersama MASB dan IFRS Foundation pada 30 Jun – 1 Julai 2014 di Kuala Lumpur. Bengkel ini bertujuan memaklumkan pihak berkepentingan mengenai perkara-perkara yang perlu dipenuhi berkaitan IFRS untuk SME.

## PELAPORAN KEWANGAN SEKTOR AWAM

1. Menjadi penasihat teknikal kepada ahli Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSASB) Datuk Wan Selamat Wan Sulaiman, Akauntan Negara.
2. Menghadiri mesyuarat sukuan IPSASB pada September dan Disember 2013 dan Mac 2014.
3. Ahli Jawatankuasa Penasihat Piawaian Sektor Awam (GASAC). Jawatankuasa telah menerima pakai dan meluluskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) untuk membantu peralihan kepada perakaunan akruan oleh Kerajaan Malaysia.
4. Memberikan maklum balas kepada IPSASB dengan menyemak semula dan memberikan pandangan terhadap dokumen rundingan IPSASB berikut:
  - Deraf Pendedahan Rangka Kerja Konsep untuk Pelaporan Kewangan Tujuan Am oleh Entiti Sektor Awam: Pembentangan dalam Laporan Kewangan Tujuan Am
  - Deraf Pendedahan 48, Penyata Kewangan Berasingan
  - Deraf Pendedahan 49, Penyata Kewangan Digabungkan
  - Deraf Pendedahan 50, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama
  - Deraf Pendedahan 51, Aturan Bersama
  - Deraf Pendedahan 52, Pendedahan Kepentingan dalam Lain-lain Entiti
  - Deraf Pendedahan 53, Menerima Pakai Kali Pertama Asas Akruan Piawaian Perakaunan Sektor Swasta Antarabangsa (IPSAS)

- Deraf Pendedahan 54, Pelaporan Maklumat Prestasi Perkhidmatan
  - Runding Cara Strategi IPSASB
5. Pembentangan mengenai "Insights of MPSASs Having Significant Impact on Transition to Government Accrual Accounting" pada Seminar Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan pada Oktober 2013.
  6. Pembentangan mengenai "Recommended Practice Guidelines (RPGs) and Recent Exposure Draft issued by the IPSASB" pada seminar yang dianjurkan bersama Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERASAMA) pada Disember 2013.
  7. Perkongsian pengalaman dalam menyokong peralihan Kerajaan Malaysia kepada perakaunan akruan dengan Jawatankuasa Pelaksanaan IPSAS Kerajaan Pusat Nigeria pada April 2014.
  8. Penglibatan dan perkhidmatan bantuan dengan pelbagai jabatan dan kementerian kerajaan mengenai RPGs yang diterbitkan IPSASB.
  9. Penglibatan dengan pelbagai kementerian mengenai projek semasa IPSASB.
  10. Menerbitkan rencana berjudul "Pengenalan kepada MPSAS" dalam Accountants Today.

## AUDIT DAN ASURANS

1. Menyumbang secara terus dalam menghasilkan pernyataan kawalan kualiti, pengauditan, semakan, asurans lain dan perkhidmatan berkaitan pada peringkat antarabangsa dengan tujuan memberikan maklum balas membina kepada Lembaga Piawaian Audit dan Jaminan Antarabangsa (IAASB). Dalam tahun yang dilapor, pandangan-pandangan telah diberikan sebagai maklum balas kepada Draf Pendedahan IAASB, Pelaporan Penyata Kewangan Teraudit: Cadangan Baru dan Semakan Semula Piawaian Antarabangsa bagi Audit (ISA).
2. Menerima pakai pernyataan IAASB ISA 610 (Semakan Semula 2013), Menggunakan Kerja Juruaudit Dalam dan Pindaan-pindaan Pematuhan Berkaitan.
3. Menerbitkan satu Panduan Amalan yang Disyorkan (RPG) sebagai panduan dan pematuhan ahli-ahli IAM - RPG 5 (Semakan Semula), Panduan kepada Juruaudit mengenai Penglibatan dalam melaporkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam yang dimasukkan dalam Laporan Tahunan.
4. Perbincangan berterusan dengan Bank Negara Malaysia (BNM), Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkaitan undang-undang dan peraturan-peraturan yang memberi kesan kepada pelaporan juruaudit.
5. Menghasilkan rencana-rencana berikut:
  - "Bila laporan juruaudit tidak boleh dipercayai?"; dan
  - "Pembaikan menyeluruh laporan juruaudit: IAASB mencadangkan perubahan kepada asas laporan juruaudit"
6. Berkongsi pengalaman dan pandangan mengenai piawaian audit dengan Lembaga Piawaian Audit dan Perakaunan Nepal.
7. Pembentangan mengenai "Overview of IAASB – "A Framework for Audit Quality" dan menyertai sesi panel Forum Nilai Kualiti Audit pada Julai 2013. Pelabur, perniagaan, juruaudit dan badan kawal selia dibawa

di bawah satu bumbung bagi memudahkan dialog terbuka dan konstruktif mengenai isu kualiti audit secara menyeluruh.

8. Terbabit dalam sesi panel "Masa Depan Laporan Audit" pada Persidangan Jawatankuasa Audit 2014 pada Mac 2014. Sesi berkenaan membincangkan kesan dari penambahbaikan laporan juruaudit kepada jawatankuasa audit, ahli lembaga pengarah dan pengurusan.
9. Menjadi hos kepada perbincangan meja bulat dengan ahli amalan awam pada Oktober 2013 mengenai Deraf Pendedahan, Pelaporan Penyata Kewangan Teraudit IAASB: Cadangan Baru dan Semakan Semula Piawaian Antarabangsa bagi Audit (ISA) bagi membincangkan cadangan peningkatan pelaporan juruaudit.
10. Sesi khidmat bantuan dengan pihak kawal selia pada Oktober 2013 mengenai Deraf Pendedahan, Pelaporan Penyata Kewangan Teraudit IAASB: Cadangan Baru dan Semakan Semula Piawaian Antarabangsa bagi Audit (ISA) bagi membincangkan cadangan peningkatan pelaporan juruaudit.
11. Memberikan maklum balas kepada pihak berkuasa tempatan mengenai cadangan undang-undang dan peraturan yang mungkin mempunyai kesan kepada amalan pengauditan di Malaysia. Dalam tahun kewangan semasa, maklum balas telah diberikan kepada kertas konsultasi mengenai Cadangan Semakan Keperluan Penyenaraian membabitkan Pelbagai Bidang yang diterbitkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad menerusi Jawatankuasa Penasihat Pasaran Modal Institut.
12. Pembentangan "The New Era of Auditor Reporting: IAASB's Exposure Draft – Changing the Face of Auditor Reporting" pada Simposium Pendidik Perakaunan Kebangsaan (NAES) 2014 pada Mei 2014. NAES 2014 menjadi saluran kepada pendidik bidang perakaunan untuk meninjau isu-isu praktikal dan perkembangan terkini yang dihadapi profesion perakaunan.

## ETIKA, PENGAWAL SELIAAN & TADBIR URUS

1. Menerima pakai pernyataan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan (IESBA) sebagai sebahagian Undang-undang Kecil IAM berkaitan Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan pada 22 Julai 2013 dan 29 Mei 2014:
  - i. "A Breach of a Requirement of the By-Laws"
  - ii. "Definition of Engagement Team"
  - iii. "Conflict of Interest" dan
  - iv. "Definition of Those Charged with Governance".
2. Menyemak dan memberikan pandangan mengenai cadangan yang diterbitkan Bursa Malaysia Securities Berhad (Exchange).
  - Menyemak Jangka Masa untuk Penerbitan Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan. Pandangan telah dikemukakan kepada Exchange pada 5 Julai 2013; dan
  - Cadangan menyemak keperluan penyenaraian membabitkan pelbagai bidang termasuk kriteria PN17, penerbit asing, isu bonus dan lain-lain. Pandangan telah dikemukakan kepada Exchange pada 19 Mac 2014.
3. Melakukan soal selidik berkaitan Panduan Amalan yang Disyorkan (RPG) 10 "Role of a Reporting Accountant in Due Diligence Working Group" pada Julai 2013. Jawatankuasa Penasihat Pasaran Modal sedang melakukan kajian untuk tujuan peningkatan panduan tersebut.

4. Menyemak dan memberikan pandangan mengenai Deraf Pendedahan "The Companies Bill 2013". Surat yang memperincikan pandangan telah diserahkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 5 Ogos 2013.
5. Mengemukakan maklum balas dan menyelesaikan isu-isu melibatkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia di Forum Perundingan Amalan Korporat mengenai perkara berkaitan Akta Syarikat 1965, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan lain-lain.
6. Mengemukakan maklum balas kepada Jawatankuasa Pemandu XBRL mengenai perkara berkaitan XBRL secara berterusan.
7. Jawatankuasa Penasihat Pasaran Modal sedang melaksanakan projek-projek berkaitan pasaran modal dengan tujuan untuk memberikan panduan atau mencadangkan perubahan kepada perundangan berkaitan. Ia adalah:
  - i. "Prospective financial information";
  - ii. "Combined financial statements";
  - iii. "Pro forma financial information"; dan
  - iv. "Forms and Contents of Accountants' Report"
8. Inisiatif-inisiatif Lembaga Piawaian Etika (ESB):

#### **Program Outreach ESB**

**22 April 2014 dan 13 Jun 2014**

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan ESB untuk memartabatkan dan menggalakkan perlakuan beretika, ESB menganjurkan program outreach bertajuk "*Ethical Challenges in Today's World*" di Kuala Lumpur pada 22 April 2014 dan di Pulau Pinang pada 13 Jun 2014. Program berkenaan dihadiri 150 peserta merangkumi profesional perakaunan dalam perniagaan, ahli amalan awam dan pelajar. Program outreach ini menawarkan ahli-ahli IAM dan para pelajar peluang untuk mengemaskini pengetahuan mengenai Undang-undang Kecil Etika, Perlakuan dan Amalan Profesional IAM. Ia juga memberikan mereka peluang untuk menganalisis dan mencari penyelesaian praktikal kepada masalah berkaitan etika.

Perbincangan panel dikendalikan oleh Pengerusi Lembaga Piawaian Etika IAM, Eugene Wong Weng Soon. Panel perbincangan terdiri daripada:

- i. Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, Pengerusi Eksekutif Lembaga Pengawasan Audit (KL);
- ii. Mohd Izani Ghani, Ketua Pegawai Kewangan Khazanah Nasional Berhad (KL);
- iii. Ravi Navaratnam, Naib Presiden Eksekutif Minconsult Sdn Bhd (KL dan Pulau Pinang);
- iv. Tan Soo Yan, Pengarah Amalan Profesional EY Malaysia (KL dan Pulau Pinang); dan
- v. Dr. Mary Ann Harris, Pengurus Besar Hotel Eastin Penang (Pulau Pinang).

Perbincangan menekankan keperluan profesional perakaunan untuk mematuhi lima prinsip asas etika profesion sepanjang masa. Prinsip-prinsip yang menjadi asas profesi perakaunan adalah integriti, bersifat objektif, kecekapan profesional dan ketelitian, kerahsian dan tingkah laku profesional.

Satu permainan dalam dewan yang dinamakan "*Living Ethics*" juga diperkenalkan kepada peserta-peserta sewaktu program outreach berkenaan. Permainan itu

menggambarkan situasi kehidupan sebenar yang mana dalam usaha untuk mengalahkan saingan perniagaan atau untuk mencapai matlamat, ada antara yang cenderung untuk memilih penyelesaian bersifat "hanya sederhana (merely moderate)" dan melupakan aspek etika dalam membuat keputusan perniagaan. Menerusi permainan tersebut, peserta-peserta juga mempelajari bahawa dengan mengukuhkan amalan beretika dan menggalakkan budaya beretika di dalam organisasi masing-masing, ianya akan membawa kepada peningkatan keyakinan pemegang berkepentingan dan memanfaatkan akauntan dan perkembangan organisasi mereka.

#### **Perbincangan Meja Bulat ESB**

**12 Mei 2014**

ESB telah menganjurkan perbincangan Meja Bulat dengan pengawal selia pada 12 Mei 2014. Tujuan perbincangan Meja Bulat ini adalah untuk memperoleh pandangan dan ulasan daripada pengawal selia mengenai "*Non-compliance with Laws and Regulations*".

Perbincangan Meja Bulat ini adalah perbincangan susulan berikutan penerbitan Deraf Pendedahan oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan (IESBA) pada Ogos 2012 yang menerangkan keadaan yang mana seseorang akauntan profesional perlu atau dijangka untuk melanggar kerahsiaan dan mendedahkan sesuatu perkara kepada pihak berkuasa berkaitan. Perbincangan bertumpu kepada bagaimana untuk mengimbangkan antara tanggungjawab akauntan profesional untuk bertindak di atas kepentingan umum berbanding kerahsiaan.

Pengawal selia yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan tersebut terdiri daripada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Lembaga Pengawasan Audit dan Suruhanjaya Sekuriti.

#### **PERCUKAIAN**

1. Menyerahkan memorandum kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (IRB) berhubung maklum balas dan cadangan IRB mengenai semakan Akta Setem 1949 pada 30 Ogos 2013.
2. Menyerahkan memorandum bersama mengenai isu-isu berkaitan Cadangan Belanjawan 2014 dan Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2013 kepada IRB dan Kementerian Kewangan (MOF) pada 22 November 2013. Pihak bersama tersebut terdiri daripada IAM, dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM) dan MAICSA.
3. Menyerahkan 37 cadangan belanjawan untuk tahun 2015 kepada MOF secara bersama dengan MICPA pada 16 Mei 2014. Antara cadangan yang dihantar adalah:
  - Cukai Barang & Perkhidmatan (GST)
  - Faedah ke atas Hutang Dagangan Lebih Tempoh dan Faedah daripada Akaun Pembangunan Perumahan
  - Potongan ke atas Faedah Dikenakan ke atas Pinjaman
  - Melanjutkan "Pelepasan Khas" RM2,000 kepada individu yang mempunyai Jumlah Pendapatan Agregat yang boleh dikenakan Cukai Tidak Melebihi RM96,000
  - Pelepasan bagi pembelian komputer

## INISIATIF-INISIATIF PEMBANGUNAN UNTUK AKAUNTAN PROFESIONAL DALAM AMALAN AWAM

Sebagai kesinambungan daripada inisiatif strategik sebelumnya, pelbagai aktiviti telah dijalankan untuk akauntan profesional dalam amalan awam dalam usaha kami untuk merealisasikan tiga sasaran strategik berikut:

### A) Meningkatkan Kecekapan dan Kualiti

Dalam tempoh yang dilapor, IAM menganjurkan beberapa acara secara percuma bagi membantu ahli-ahli dalam amalan awam untuk menguruskan cabaran membabitkan teknikal dan berkaitan pengurusan amalan. Seminar-seminar secara percuma ini termasuk Forum IAM – ACCA mengenai Nilai Audit Berkualiti, Penyatuan & Penggabungan (M&A), Seminar Pindaan Terkini terhadap Undang-undang Kecil IAM dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

#### **Forum IAM-ACCA: Nilai Audit Berkualiti**

5 Julai 2013

Forum separuh hari itu menemukan pihak pemegang berkepentingan, pelabur, perniagaan, juruaudit dan pengawal selia bagi memudahkan dialog terbuka dan membina untuk membincangkan isu-isu berkaitan kualiti audit secara menyeluruh. Antara isu-isu utama yang dibincangkan adalah tafsiran audit berkualiti, kaedah untuk mengukur dan penetapan penanda aras kualiti audit, adakah syarikat akan masih mengkehendaki audit jika ia tidak lagi mandatori, nilai audit berkualiti kepada perniagaan dan pasaran serta cara-cara untuk meningkatkan kualiti audit.

Forum yang diadakan dengan kerjasama ACCA menarik 100 peserta di Kuala Lumpur.

#### **Seminar Penyatuan dan Penggabungan 2013**

5 Disember 2013, Pulau Pinang  
12 Disember 2013, Kuala Lumpur

Seminar satu hari itu direka khusus untuk Ahli Amalan Awam Kecil dan Sederhana (SMP) yang berminat untuk meninjau peluang mewujudkan pakatan strategik bagi berhadapan dengan perubahan perundangan terbaru seperti pengenalan Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP) dan kemungkinan pengecualian audit pada masa hadapan. Seminar ini telah diadakan di 2 lokasi iaitu Georgetown, Pulau Pinang pada 5 Disember 2013 dan di Kuala Lumpur pada 12 Disember 2013 dengan sokongan kewangan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Seminar sehari ini memberikan maklumat terkini mengenai M&A membabitkan firma perakaunan dan perubahan perundangan dalam perakaunan, pengauditan, etika dan garis panduan amalan.

Seminar ini menarik perhatian 80 peserta di Georgetown, Pulau Pinang dan 170 orang di Kuala Lumpur.

### **Seminar mengenai Undang-Undang Kecil IAM: Pindaan Terbaru**

11 Jun 2014

Selaras dengan pindaan kepada Undang-Undang Kecil IAM yang berkuat kuasa 1 Januari 2014, seminar ini bertujuan membantu ahli-ahli untuk mencapai tahap kecekapan pengetahuan berkaitan Undang-Undang Kecil IAM. Selain itu, ia bertujuan menangani kelemahan di kalangan calon-calon temuduga kelulusan audit yang dikenal pasti oleh Panel Penemuduga IAM.

Antara yang mendapat perhatian pada seminar berkenaan adalah:

- Definisi rakan kongsi terlibat, firma, anggota firma dan rakan kongsi.
- Pindaan kepada Seksyen 400
- Pindaan kepada Seksyen 500
- Lampiran vi – Penyata Semakan Amalan untuk Seksyen 550
- Kesalahan umum calon yang gagal dalam temuduga kelulusan audit.

Seminar ini telah dihadiri 150 peserta di Kuala Lumpur.

#### **PDPA 2010: Pematuhan oleh Firma Perakaunan**

11 Jun 2014

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) mula dikuatkuasakan pada 15 November 2013 dan firma-firma ahli IAM (rakan kongsi) dikehendaki untuk mendaftarkan diri dengan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi sebagai pengguna data sebelum 14 Februari 2014. Seminar separuh hari itu menangani perkara berkaitan keperluan pematuhan firma-firma perakaunan di bawah PDPA, jenis-jenis notis yang perlu dikeluarkan dan isu-isu umum yang dihadapi firma-firma perakaunan dalam mematuhi PDPA, termasuk perkara-perkara utama yang perlu dititik beratkan dan keperluan penyelenggaraan secara berterusan.

Seminar di Kuala Lumpur ini telah dihadiri oleh 150 peserta.

### **Sesi Bimbingan untuk Calon-calon Menghadiri Temuduga Kelulusan Audit**

Institut menganjurkan sesi-sesi bimbingan untuk calon-calon yang ingin menjadi juruaudit syarikat yang diluluskan tetapi telah gagal lebih daripada dua sesi temuduga kelulusan audit di pejabat Akauntan Negara. Sesi bimbingan ini memberi peluang untuk calon-calon membincangkan perkara-perkara yang perlu diperbaiki bagi meningkatkan peluang untuk lulus semasa temuduga kelak. Sebanyak 15 sesi bimbingan dianjurkan dari September 2013 hingga Mac 2014.

### **B) Mempromosikan Pertumbuhan dan Menghadapi Cabaran Baru**

Selaras dengan agenda transformasi ekonomi negara, firma perakaunan perlu meningkatkan keupayaan dan perkhidmatan mereka untuk menjangkau sekadar analisis maklumat kepada membantu organisasi diperkasakan dan memanfaatkan pengetahuan. Satu cadangan yang

memfokuskan kepada agenda transformasi sektor amalan awam untuk profesion perakaunan telah diserahkan kepada MITI untuk pertimbangan di bawah 'Rancangan Malaysia Ke-11' pada Mei 2014.

Dengan perubahan lanskap dalam profesion perakaunan, Program Amalan Awam yang merupakan mandatori kepada ahli-ahli yang mahu memohon sijil amalan awam telah disemak semula pada 2014. Semakan semula tersebut lebih memandang ke hadapan dan menggabungkan kandungan daripada Panduan Kepada Pengurusan Amalan IFAC. Selain menjadi platform untuk penilaian kendiri kecekapan, ia juga menggalakkan pengamal awam untuk terbabit dalam pembelajaran berterusan dan mengetahui tuntutan-tuntuan baru dalam profesion perakaunan.

Penekanan lebih besar juga diletakkan terhadap penyatuan dan penggabungan, pempelbaigan perkhidmatan, penjenamaan dan mengeksport perkhidmatan di kalangan firma perakaunan. Satu seminar sokongan "Performing Audits Efficiently and Expanding Service Offerings: Global and Local Insights" telah diadakan pada 6 Disember 2013 oleh Timbalan Pengarah Jawatankuasa SMP IFAC dan ahli Jawatankuasa SMP IFAC. Antara perkara yang dikongsi semasa seminar tersebut termasuklah cabaran-cabaran audit, kaedah-kaedah untuk meningkatkan kecekapan audit, maklumat-maklumat tambahan untuk kemampuan SMP dan strategi-strategi pemasaran.

#### C) Anjakan Paradigma Pemikiran Ahli-ahli IAM dan Pengawal Selia Lain

IAM melabur jumlah masa yang besar pada 2014 untuk mereformasikan profesion perakaunan. Sehingga kini, IAM telah memacu campur tangan bagi menangani halangan-halangan dalam perundangan dan peraturan yang telah menyebabkan kekurangan bakat perakaunan serta bayaran audit yang rendah di Malaysia. Contohnya, IAM telah terlibat dengan pihak-pihak berkuasa berikut untuk manfaat ahli-ahli amalan awam:

- Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dalam meneroka peruntukan-peruntukan pengecualian yang terkandung di bawah Akta Persaingan 2010 berhubung *Recommended Practice Guide 7: Charging for Professional Assurance Services*
- Jabatan Akauntan Negara berhubung penyelarasan lanjut isu-isu kelulusan audit, dan
- PEMANDU dan MITI mengenai isu-isu pengaliran keluar intelek.

Jabatan Akauntan Negara juga telah bersetuju untuk membenarkan pengambilan semula modul tunggal bagi kelulusan audit jika jurang kegagalan seseorang calon adalah amat kecil untuk modul tersebut berkuat kuasa 1 Julai 2013. Tempoh menunggu untuk sesi temuduga juga telah dipendekkan kepada 6 bulan tanpa mengira bilangan modul yang seseorang calon telah gagal. Selain itu, juruaudit syarikat yang telah memperoleh kelulusan, digalakkan untuk menghantar borang pembaharuan 6 bulan sebelum tarikh tamat. Langkah ini dialu-alukan kerana ini memberi masa yang mencukupi untuk proses pembaharuan dan membantu pembaharuan kelulusan audit sebelum tamat, terutama membabitkan kes-kes yang di bawah prosiding

siasatan yang memerlukan pertimbangan pelbagai pengawal selia.

Institut telah menerbitkan kertas perbincangan berhubung struktur tadbir urus Institut untuk ulasan dan maklum balas daripada ahli-ahli IAM pada 21 Ogos 2013 dan ahli-ahli dijemput untuk memberikan ulasan terhadap kertas berkenaan dari 29 Ogos hingga 13 September 2013. Ulasan dan maklum balas yang diterima menjadi asas kepada cadangan Institut kepada Jawatankuasa Pengukuhan Profesion Perakaunan (CSAP) berkenaan struktur tadbir urus Institut.

Selaras dengan penerbitan Rang Undang-undang Syarikat untuk perundingan awam pada Julai 2013, satu memorandum cadangan kriteria untuk penyelesa (liquidator) diluluskan telah dihantar kepada SSM pada November 2013. Institut juga telah membabitkan diri dengan Insolvency Practitioners Association of Malaysia (IPAM) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dalam usaha untuk merangka rangka kerja kecekapan penyelesa yang telah diluluskan di Malaysia. Cadangan rangka kerja kecekapan ini akan menjadi dasar kepada peperiksaan profesional insolvensi untuk penyelesa-penyelesa di Malaysia.

### PEMBANGUNAN AKAUNTAN PROFESIONAL DALAM PERNIAGAAN

IAM terus melaksanakan projek-projek bagi membangun dan menyokong ahli-ahli IAM yang menjadi akauntan profesional dalam perniagaan di negara ini. IAM berusaha untuk menyediakan platform bagi memudahkan pertukaran maklumat mengenai perkembangan semasa dan isu-isu baru yang membentuk profesion perakaunan dan menggalakkan amalan terbaik global untuk meningkatkan profesion perakaunan.

Menerusi platform ini juga IAM berharap dapat mewujudkan kepimpinan pemikiran (thought leadership) kepada pihak berkepentingan dan perkhidmatan cemerlang kepada ahli-ahlinya dengan mengekal dan meningkatkan reputasi dan status Institut dan ahli-ahlinya dalam bidang-bidang teknikal. Untuk menyokong objektif-objektif ini, IAM melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut:

1. Mengajurkan MIA Articles of Merit Award on PAIB 2013. Kemajuan ahli menjadi agenda utama dan justeru, sumbangan daripada ahli-ahli yang menjadi akauntan profesional dalam perniagaan (PAIB) perlu diiktiraf. IAM juga berinteraksi secara berterusan dengan ahli-ahli dan menggalakkan mereka ke arah membangunkan pengetahuan dan kemahiran profesion dengan objektif untuk meningkatkan status ahli-ahli.

Anugerah ini bertujuan menjadi platform untuk penglibatan terhadap isu-isu dan topik-topik berkaitan dengan profesion dan kami berharap ia akan menggalakkan penerimaan dan perkembangan amalan terbaik dalam usaha meningkatkan nilai akauntan profesional dalam perniagaan.

2. Majlis Anugerah Kebangsaan bagi Pengurusan Perakaunan (NAfMA) dilancarkan secara rasmi pada April 2004. Pada 2014 anugerah ini telah dinaik taraf bagi mengiktiraf kecemerlangan profesional seperti CEO, CFO, usahawan dan pengurus perniagaan di atas sumbangan cemerlang mereka kepada pengurusan perakaunan di Malaysia. NAfMA menyasarkan untuk meningkatkan peranan penting pengurusan perakaunan dalam kejayaan perniagaan yang mampu.

Anugerah-anugerah baru NAfMA dilancarkan pada 4 September 2013. Satu panel hakim yang merangkumi ahli-ahli korporat akan menilai pencalonan dan pemenangnya akan diumumkan pada majlis makan malam pada September 2014.

Anugerah-anugerah tersebut merangkumi beberapa kategori termasuk CEO Terbaik, CFO Terbaik, Organisasi Terbaik, Pengurus Perniagaan Terbaik dan Sumbangan Cemerlang kepada Prestasi Perniagaan.

Rakan sokongan program ini adalah KPMG dan Universiti Teknologi Mara. NAfMA 2014 disahkan oleh Jabatan Akauntan Negara, EU-MCCI (Dewan Perniagaan dan Industri EU Malaysia), Bursa Malaysia dan Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia.

3. IAM, dengan kerjasama ACCA, Suruhanjaya Sekuriti dan Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (IIRC) telah menganjurkan forum bertajuk *"Integrated Reporting: Revolutionising the Way We Communicate Value in Malaysia"*.

Walaupun pelaporan bersepadu (IR) belum menjadi norma kepada sebahagian besar syarikat-syarikat di Malaysia, ia telah membuktikan nilainya di negara-negara yang menerima pakai IR. Hasil daripada pelaksanaan membabitkan penerima awal mula menjadi ketara dan trend ini dijangka berkembang apabila lebih banyak syarikat-syarikat menyedari nilai sebenar IR.

Ini adalah mesej utama pada forum dan yang dibentangkan oleh penceramah utama seperti Paul Druckman, Ketua Pegawai Eksekutif IIRC dan Mikkel Larsen, Pengarah Urusan dan Ketua Cukai dan Perakaunan, Development Bank Singapura.

Ia juga turut memaparkan bahawa IR memfokuskan kepada pencapaian kecekapan lebih tinggi dalam proses pelaporan selain menerima pakai pemikiran bersepadu sebagai cara memecahkan "silo" individu dalam organisasi. Penceramah-penceramah juga menekankan bahawa pelaporan bersepadu adalah evolusi seterusnya dalam pelaporan korporat. Peserta juga diberikan maklumat terkini mengenai IR dan manfaat dalam menerima pakai IR dalam organisasi-organisasi masing-masing.

## KEWANGAN ISLAM

Dalam bidang Kewangan Islam (IF), IAM menerusi pelbagai inisiatif dan kerjasama ingin menonjolkan kepakaran Malaysia dalam IF serta mempromosikan keupayaan akauntan tempatan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Ia merancang untuk membangunkan asas untuk pelaksanaan IFRS bagi Kewangan Islam selain menggalakkan penyelidikan menerusi kerjasama dan perkongsian penemuan dengan pemegang berkepentingan. Bagi menyokong objektif-objektif ini, IAM telah melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut:

1. IAM menerusi kerjasama dengan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) menganjurkan Simposium Zakat Perniagaan Kebangsaan pada 8 Oktober 2013. Rakan kongsi yang terlibat termasuk Lembaga Zakat Selangor (LZS), Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZWP), Persatuan Akauntan Percayaan Malaysia (MATA) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Simposium ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, Menteri Kewangan Kedua Malaysia.

Lebih 300 peserta merangkumi ketua korporat dan perniagaan, pengawal selia, agensi zakat, ahli akademik dan pelajar menghadiri simposium ini.

Simposium sehari itu bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan perakaunan berkaitan zakat perniagaan kepada pengamal-pengamal perakaunan dan penyedia laporan kewangan untuk meningkatkan dan menyelaras piawaian dan amalan pelaporan perakaunan untuk pihak-pihak berkepentingan dalam ekosistem zakat. Antara isu-isu utama yang dibincangkan pada Simposium ini termasuk konsep dan falsafah zakat, bahagian perniagaan yang dikenakan zakat, keperluan dan aplikasi MASB TR i-1 dan hala tuju masa depan perakaunan ke atas zakat perniagaan. Turut diadakan sesi perkongsian oleh pemain-pemain industri yang berpengalaman dalam melaksanakan zakat perniagaan dengan jayanya di organisasi-organisasi masing-masing.

Simposium ini juga mendapat liputan meluas media seperti daripada rangkaian TV Alhijrah , RTM 1 & 2, TV Bernama dan Astro Awani.

Penajaan untuk simposium ini telah diterima daripada pelbagai organisasi seperti pihak berkuasa zakat, bank-bank dan institusi-institusi pengajian tinggi. Penaja emas adalah LZS dan PPZWP. Penaja lain termasuk Pusat Zakat Negeri Sembilan, Takaful Ikhlas, Yayasan Canselor UNITEN, Tenaga Nasional Berhad, Yayasan Pelajaran MARA, YLI Holdings Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, UniSZA, Malaysia Building Society Berhad, dan Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis dan Perak.

A photograph of a green spherical brush with many bristles and an open book with dark green pages. The book is positioned at the bottom of the frame, while the brush is on the left side.

Mempertabatkan  
Kepentingan Awam

## FAKTA

- **Audit Tahunan CPE (Oktober 2013) – 13,516 ahli**
- **Deklarasi Atas Talian CPE – 3,909 ahli (pada 30 Jun 2014)**
- **Aduan rasmi diterima Institut – 45**
- **Hukuman yang dijatuhkan oleh Jawatankuasa Tatatertib – Penyingkiran (2), Penggantungan (3), Denda (23)**

## MEMASTIKAN KOMPETENSI MENERUSI PEMATUHAN PENDIDIKAN PROFESIONAL BERTERUSAN (CPE)

Semua akauntan profesional mempunyai obligasi etika bagi mengekalkan kompetensi profesional dan melaksanakan tugas dengan teliti pada setiap masa. Mereka mempunyai tanggungjawab terhadap diri mereka sendiri, kakitangan, pelanggan dan pihak berkepentingan lain untuk memastikan mereka mengikuti perkembangan semasa yang memberi kesan terhadap tugas profesional semasa dan akan datang.

Untuk mencapai matlamat itu, akauntan profesional dikehendaki untuk mengikuti aktiviti-aktiviti pembelajaran pendidikan profesional berterusan (CPE) yang berkaitan dengan tugas semasa dan masa depan selain tanggungjawab profesional berkaitan. Pematuhan CPE memastikan ahli-ahli mematuhi kepada prinsip asas etika dan tingkah laku profesional.

Untuk memastikan tahap kompetensi profesional dijaga rapi, IAM meneruskan pematuhan audit CPE ke atas semua ahli yang aktif.

Seramai 13,516 ahli yang terdiri daripada pemegang Sijil Amalan dan Pemegang Sijil Bukan Amalan telah diaudit pada bulan Oktober 2013.

Pada 30 Jun 2014, seramai 3,020 orang bukan pengamal dan 889 orang pengamal telah menyerahkan Pengakuan CPE Secara Atas Talian. Seramai 3,658 orang bukan pengamal telah mematuhi keperluan CPE bagi Tempoh Audit 1 Januari 2011 - 31 Disember 2013, manakala 7,521 orang ahli mempunyai kekurangan dalam jam kredit CPE dan 27 orang ahli diberikan pengecualian. Walau bagaimanapun, hanya 1,662 Pemegang Sijil Amalan yang telah diaudit secara tahunan, mematuhi keperluan CPE bagi Tempoh Audit 1 Januari - 31 Disember 2013, dengan 648 pengamal gagal untuk merekodkan jam kredit CPE dan tiada pengecualian diberikan kepada mana-mana ahli.

IAM juga melaksanakan "Semakan Bukti CPE" pada April 2014 untuk tempoh audit yang membabitkan 200 ahli yang terdiri daripada pengamal dan bukan pengamal.

Ahli yang terpilih dikehendaki menghantar semua dokumen sokongan (kertas/digital) berkaitan latihan yang direkodkan untuk tempoh audit CPE 2013 kepada Institut. Sepanjang "Semakan Bukti CPE" 44 pengamal dan 27 bukan pengamal didapati mematuhi keperluan jam kredit CPE. Bagaimanapun,

penghantaran bukti di kalangan ahli-ahli didapati tidak begitu menggalakkan dan Institut akan mengambil tindakan lebih tegas ke atas ahli-ahli ini.

## SEMAKAN AMALAN – MEMPERBAIKI DAN MENINGKATKAN KUALITI AUDIT UNTUK PROFESION PERAKAUNAN

### DWITANGGUNGJAWAB INSTITUT MEMBABITKAN SEMAKAN AMALAN

Institut komited untuk melindungi kepentingan awam dan ahli-ahli. Ahli-ahli menyedari tanggungjawab Institut dalam mengukuhkan integriti, objektiviti dan kecekapan.

Menurut keperluan Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC), program semakan amalan memastikan firma ahli-ahli menggunakan atau membangunkan dasar dan prosedur kawalan kualiti untuk semua perkhidmatan profesional dan mereka mesti mematuhi semua dasar-dasar berkenaan.

### AKTIVITI-AKTIVITI

- a. Institut melaksanakan rangka kerja semakan amalan yang dikemas kini berdasarkan pendekatan risiko berkuat kuasa 1 Januari 2014. Soal selidik profil risiko telah dihantar kepada pengamal-pengamal yang belum disemak bagi mengumpulkan maklumat mengenai tahap risiko mereka. Maklumat risiko lain juga boleh diperoleh daripada pihak-pihak berkuasa kawal selia yang mungkin mempunyai urus niaga dengan firma-firma ini. Pendekatan berdasarkan risiko membenarkan pemilihan firma-firma untuk semakan dibuat mengikut metodologi risiko yang dibangunkan Institut. Metodologi ini memberi keutamaan kepada firma-firma yang terdedah kepada risiko yang lebih tinggi.
- b. Jabatan Semakan Amalan (PR) menerbitkan Laporan Semakan Amalan 2009 – 2013 pada Februari 2014 yang mengetengahkan aktiviti-aktiviti, keputusan semakan dan penemuan daripada kaji selidik. Laporan itu juga membentangkan beberapa penemuan biasa dikesan ketika semakan amalan.
- c. Jabatan ini terus membantu dalam menyediakan kursus-kursus ISQC 1 dan seminar-seminar untuk pengarah syarikat korporat mengenai prinsip asas dan isu-isu berkaitan tadbir urus.

Pada akhir tahun kewangan yang dilapor, perangkaan kegiatan semakan amalan seperti berikut:

Negeri	Semakan Pertama (a)	Semakan Firma (b)	Baki Yang Tidak Disemak Pada Semakan Pertama	Jumlah (c) %	Huraian	Pada 30 Jun 2014	Pada 30 Jun 2013
	Firma Audit		Jumlah				
Johor	127	103	24	19	Jumlah firma audit yang berdaftar	1378	1363
Kedah	26	22	4	15	a) Peratus firma yang disemak	49%	47%
Kelantan	11	1	10	91	b) Jumlah semakan lengkap (laporan ditandatangani IAM)	625	539
Melaka	34	26	8	24	c) Jumlah firma yang dihantar notis untuk semakan susulan	116	84
Negeri Sembilan	20	5	15	75	d) Keputusan Semakan		
Pahang	23	1	22	96	i) Jenis 1 (Memuaskan)		
Perak	53	33	20	38	ii) Jenis 2 (Jaminan pematuhan harus diberikan)		
Perlis	1	0	1	100	iii) Jenis 3 (Tindakan susulan)	7%	8%
Pulau Pinang	113	88	25	22		46%	48%
Sabah	86	56	30	35		47%	44%
Sarawak	76	68	8	11			
Selangor	311	108	203	65			
Terengganu	9	0	9	100			
Federal Territory	488	161	327	67			
<b>Grand Total</b>	<b>1378</b>	<b>672</b>	<b>706</b>	<b>51%</b>			

## PENELITIAN PENYATA KEWANGAN

Penelitian Penyata Kewangan (FSR) IAM berfungsi untuk memantau kualiti maklumat kewangan yang dibentangkan menerusi laporan kewangan dan penyata yang disediakan di bawah tanggungjawab ahli-ahli IAM.

Menerusi fungsi ini, IAM memantau atau mengawasi pematuhan terhadap keperluan statutori dan keperluan-keperluan lain, piawaian perakaunan dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia yang berkait dengan laporan kewangan. Ia juga berkongsi dengan ahli-ahli IAM amalan terbaik pelaporan kewangan berdasarkan penemuan umum yang dikenal pasti semasa proses semakan.

Penelitian penyata kewangan ini dijalankan oleh Jawatankuasa Penelitian Penyata Kewangan (FSRC) IAM, yang memantau kualiti penyata kewangan melalui proses semakan termasuk keskes yang dirujuk kepadanya oleh pihak pengawal selia yang lain.

IAM juga memantau media sebagai sebahagian daripada pendekatan proaktif terhadap pemantauan penyelewengan perakaunan dan kekurangan pelaporan yang mungkin wujud dalam syarikat tersenarai awam dan syarikat-syarikat berkepentingan awam. IAM akan mengambil tindakan, di mana perlu, sekiranya ahli didapati melanggar mana-mana undang-undang kecil dan/atau lain-lain keperluan statutori di dalam penyediaan penyata kewangan mereka.

Dalam menyokong peranan IAM untuk mengawal selia amalan perakaunan dan mengukuhkan kredibiliti profesion perakaunan di Malaysia, Jabatan Penelitian Penyata Kewangan (FSRD) telah melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut sepanjang tahun:

1. Bagi memantau pematuhan kepada keperluan statutori dan keperluan-keperluan lain, piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan di Malaysia yang berkait dengan pelaporan kewangan, FSRC menyemak penyata kewangan syarikat tersenarai awam yang dipilih secara rawak dan kes-kes membabitkan kepentingan awam (termasuk yang dirujuk oleh pihak pengawal selia lain). Sepanjang tahun kewangan yang dilapor, FSRC telah meneliti tujuh belas (17) penyata kewangan baru syarikat tersenarai awam.

Ringkasan semakan yang dijalankan ialah seperti berikut:

### PEMILIHAN RAWAK



Untuk tahun yang dilapor, FSRC telah mengkategorikan dua (2) kes sebagai Kategori 2 tarif penalti, yang mana surat amaran telah dikeluarkan kepada penyedia laporan kewangan atas pelbagai ketidakpatuhan keperluan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia. Tiga (3) kes telah dikategorikan sebagai Kategori 3, yang mana kes-kes berkenaan telah dirujuk kepada Jawatankuasa Penyiasatan IAM untuk tindakan bersesuaian.

- IAM secara aktifnya memantau kes-kes berkepentingan awam yang dilaporkan oleh media mengenai pelaporan kewangan dan memastikan tindakan segera diambil untuk menangani isu-isu berkenaan. Dalam tahun kewangan semasa, laporan media dan rujukan daripada pengawal selia lain yang memerlukan analisa lanjut oleh IAM ialah seperti berikut:



- Bagi menggalakkan piawaian lebih tinggi untuk pelaporan kewangan di Malaysia, IAM bersama Bursa Malaysia dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) menganjurkan Anugerah Laporan Tahunan Korporat Kebangsaan (NACRA). Anugerah ini bertujuan untuk menggalakkan komunikasi maklumat kewangan dan perniagaan yang lebih efektif dan menyeluruh menerusi penerbitan laporan tahunan yang tepat pada masanya, disokong fakta dan mesra pembaca.

## MEMASTIKAN SEMAKAN DAN IMBANGAN DALAM PROFESION

Sebagai badan pengawal selia kebangsaan bagi profesion perakaunan di Malaysia, IAM bertanggungjawab untuk memastikan kredibiliti profesion dikekalkan dan kepentingan umum terus dipelihara. IAM menerusi mekanisme penguatkuasaannya, telah menggunakan kuasa-kuasa berkanunnya untuk mengenakan hukuman yang efektif dalam usahanya meningkatkan piawaian perlakuan profesional para ahli.

Di bawah Kaedah 3, Kaedah-Kaedah Institut Akauntan Malaysia (Disiplin)(No.2) 2002, setiap aduan terhadap ahli IAM hendaklah

diajukan terlebih dahulu kepada Pendaftar IAM (Pendaftar). Pendaftar kemudiannya akan merujuk aduan tersebut kepada Jawatankuasa Penyiasatan apabila aduan tersebut memenuhi kehendak-kehendak Kaedah 4, kaedah-kaedah yang sama.

Jumlah aduan rasmi yang diterima oleh Pendaftar bagi tahun semasa menurun berbanding tahun sebelumnya. Pendaftar menerima 45 aduan (2013: 49) untuk tahun semasa yang mana 21 aduan (2013: 22) adalah berkaitan dengan kegagalan pengauditan dan perakaunan.

Sebanyak 88 aduan tidak rasmi diterima dalam tahun kewangan semasa. Ini termasuk aduan oleh pengadu yang datang ke pejabat IAM, aduan atas talian dan aduan daripada lain-lain pengawal selia/pihak-pihak berkuasa terhadap ahli-ahli IAM. Oleh kerana sebahagian besar aduan-aduan ini tidak mempunyai maklumat yang mencukupi untuk tindakan lanjut, Pendaftar menasihatkan pengadu mengenai keperluan-keperluan penting bagi membolehkan sesuatu aduan itu menjadi sah. Perangkaan menunjukkan sebahagian besar pengadu-pengadu ini tidak menyusuli aduan awal mereka dengan aduan rasmi.

## PENYIASATAN

Jawatankuasa Penyiasatan (IC) ialah sebuah jawatankuasa berkanun yang ditubuhkan di bawah Seksyen 19(a) Akta Akauntan 1967. Ia akan menyiasat aduan-aduan yang dibuat terhadap ahli-ahli IAM dan merujuk mereka ke Jawatankuasa Tatatertib (DC) sekiranya perlu. Setiap aduan disiasat dan dinilai secara objektif bersesuaian dengan keperluan keadilan asasi.

Sebanyak 164 aduan telah dibawa ke hadapan dari tahun-tahun kewangan yang lalu manakala pada tahun kewangan semasa sebanyak 45 aduan baru telah dikemukakan kepada Pendaftar atas pelbagai dakwaan salah laku. IC telah mengadakan lapan (8) mesyuarat penyiasatan sepanjang tahun kewangan yang mana sebanyak 20 aduan telah ditolak, 39 aduan telah dirujuk kepada DC manakala 20 aduan masih dalam pertimbangan.


Semasa proses penyiasatan, IC memberi pihak-pihak yang terlibat peluang pendengaran. IC telah mengadakan tujuh (7) sesi pendengaran sepanjang tahun kewangan semasa. Temuduga juga dilakukan oleh para pegawai penyiasat (IO) sebelum mesyuarat IC untuk memberi ruang kepada pihak yang terlibat mengemukakan penjelasan dan representasi mereka. Temuduga tersebut juga membantu IC dan IO dalam mendapatkan penjelasan berkaitan aduan berkenaan.

Sebanyak 20 aduan (2013: 22) ditolak oleh IC atas alasan ketiadaan asas serta kekurangan bukti.

IC juga terlibat sebagai pendakwa dalam sebutan dan perbicaraan yang diadakan oleh DC. Dalam sebutan DC, IC memberikan penjelasan (jika diminta oleh DC) manakala dalam perbicaraan DC pula, IC bertindak sebagai pendakwa dan membentangkan kes terhadap Responden, memeriksa Pengadu, melakukan pemeriksaan semula terhadap Responden dan membuat penghujahan akhir. IC menghadiri 34 sebutan yang mana 11 darinya dijadikan perbicaraan DC.

IC juga memberi Responden ruang untuk membuat rayuan menerusi Lembaga Rayuan Tatatertib. Untuk tahun semasa, 8 rayuan telah dikemukakan yang mana IC telah mengemukakan 7 representasi bertulis.

## PERANGKAAN PENYIASATAN DARI 1 JULAI 2013 HINGGA 30 JUN 2014



Aduan di atas membabitkan pelbagai dakwaan salah laku seperti yang dinyatakan di bawah.

Jenis salah laku	Aduan dibawa ke hadapan dari tahun-tahun kewangan lalu	Aduan yang baru diterima dalam tahun semasa	Aduan yang ditolak oleh IC pada tahun semasa	Aduan yang diputuskan untuk dirujuk kepada DC pada tahun semasa	Aduan dalam pertimbangan dan masih dalam siasatan	Jumlah temuduga dengan Responden / Pengadu/ Pihak Ketiga
Kegagalan dalam perakaunan & pengauditan	55	18	3	4	10	5
Kegagalan Penyelesaian Syarikat	10	3	-	-	-	-
Kegagalan Setiausaha Syarikat	37	11	4	1	-	1
Kegagalan dalam Semakan Amalan	5	3	1	2	2	1
Salah laku lain: • Kegagalan dalam hal-hal berkaitan keahlian • Lain-lain (Pertikaian yuran, penamatan penggajian, konflik kepentingan, dan lain-lain)	57	-	10	32	8	-
-	-	10	2	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>164</b>	<b>45</b>	<b>20</b>	<b>39</b>	<b>20</b>	<b>7</b>

### PERANGKAAN ADUAN-ADUAN YANG DIRUJUK KEPADA JAWATANKUASA TATATERTIB DARI 1 JULAI 2013 HINGGA 30 JUN 2014



### PERANGKAAN KES-KES DI PERINGKAT LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB DARI 1 JULAI 2013 HINGGA 30 JUN 2014



## LAPORAN JAWATANKUASA TATATERTIB

Jawatankuasa Tatatertib ('DC') ialah cabang berkanun Institut, diwujudkan di bawah Seksyen 19(b) Akta Akantan 1967. DC diberikan kuasa di bawah Akta untuk menimbang semua aduan yang dirujuk kepadanya oleh Jawatankuasa Siasatan (IC) dan kes-kes yang berpuncu di bawah Peraturan 18(2) (Tatatertib) IAM 2002 (Peraturan 18(2)). DC mempunyai kuasa bagi mengenakan hukuman yang dirasakan patut dan wajar terhadap ahli-ahli IAM selaras Peraturan 18(3) (Tatatertib) IAM 2002.

Untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2014, seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual A** di bawah, DC telah menguruskan 22 aduan yang dirujuk oleh IC dari tahun kewangan lalu, 20 aduan dalam tahun kewangan semasa yang mana 17 dirujuk oleh IC dan 3 kes di bawah Peraturan 18(2). Jumlah aduan yang didengar dan diselesaikan oleh DC berbeza setiap tahun disebabkan masa setiap perbicaraan berkenaan diadakan. Secara purata DC menyelesaikan kira-kira 17 aduan setiap tahun sepanjang lima tahun kewangan lalu. Penjadualan perbicaraan kes-kes mengambil kira masa dan tarikh yang boleh dihadiri ahli DC, wakil IC, ahli yang didakwa dan jika mereka diwakili, peguam bela mereka.

Perangkaan menunjukkan DC lebih cenderung untuk memberikan teguran, dan/atau mengenakan kos dan/atau denda terhadap ahli-ahli untuk kesalahan perakaunan kecil dan isu keahlian. Ia bagaimanapun mengambil tindakan lebih tegas dengan menamatkan atau menggantung keahlian dalam kes-kes yang dirujuk kepada DC menerusi Peraturan 18(2). Kes-

kes Peraturan 18(2) membabitkan kes yang mana penghakiman telah diperoleh terhadap ahli untuk kesalahan seperti penipuan, kecuaian, salah laku, ketidakjujuran atau apabila ahli diisyiharkan muflis. DC memandang serius kesalahan-kesalahan berkenaan kerana ia membabitkan integriti profesion perakaunan. Sesetengah kes yang dirujuk oleh IC yang membabitkan pelanggaran audit serius juga telah membawa kepada penyikiran dan penggantungan keahlian.

Apabila DC membuat keputusan dan menjatuhkan hukuman untuk sesuatu kes, keputusan berkenaan termasuk nama ahli, tanpa mengira betapa kerasnya hukuman yang dikenakan, disiarkan dalam majalah Institut, Accountants Today dan dalam akhbar harian Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Maklumat sama juga disalurkan kepada semua pihak berkuasa pelesiran yang berkaitan dan persatuan akauntan yang mana ahli berkenaan menjadi ahli. Ia juga disiarkan di laman web Institut sebagai membuktikan ketelusan kami dan sebagai amaran kepada mereka yang bercadang melanggar peraturan.

**Jadual B** di bawah menunjukkan jenis-jenis hukuman yang dijatuhkan oleh DC dari tahun kewangan berakhir 2008 hingga 2014. Kes-kes yang dijatuhkan hukuman meningkat dengan ketara dari 2011 hingga 2014, sekali gus membuktikan kesungguhan Institut dalam menimbang aduan yang dibuat terhadap ahli-ahlinya serta sebagai amaran keras kepada mereka yang terbabit dalam bidang perakaunan. Walaupun jumlah ahli yang dikenakan tindakan disiplin adalah rendah berbanding jumlah ahli yang lebih 30,500 orang, ia menunjukkan betapa seriusnya Institut dalam menegakkan piawaian dan integriti ahli-ahli. Kami berharap hukuman yang dijatuhkan akan menjadi penghalang kepada ahli dan melindungi imej profesion perakaunan.

### JADUAL A: KES-KES YANG DIDENGAR JAWATANKUASA TATATERTIB DARI 1 JULAI 2013 HINGGA 30 JUN 2014

Kes-kes tertunggak dari tahun-tahun kewangan lalu	Jumlah kes yang dirujuk kepada DC	Kes-kes yang didengar (termasuk kes-kes dari tahun-tahun kewangan lalu)		Jumlah kes yang ditarik balik oleh IC	*Kes-kes yang tertangguh	Pengadu		Kes membabitkan:	
		Jumlah kes dijatuhkan hukuman	Jumlah kes yang ditolak DC			Individu / lain-lain	Pengawal selia	Juruaudit	-Pengarah -Penyelesai Syarikat -Lain-lain
22	20**	33	5	1	3	39	3	11	31

#### \*Kes tertangguh: 3


- 2 kes menanti tindakan lanjut oleh Jawatankuasa Siasatan.
- 1 kes belum selesai disebabkan prosiding di mahkamah sedang berjalan.

\*\*3 kes dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib mengikut R. 18 (2) (Tatatertib) Peraturan IAM, 2002

## JADUAL B: HUKUMAN YANG DIJATUHKAN OLEH JAWATANKUASA TATATERTIB

HUKUMAN DIKENAKAN JAWATANKUASA TATATERTIB	2007/2008	2008/2009	2009/2010	2010/2011	2011/2012	2012/2013	2013/2014
Dikeluarkan (termasuk Kos dan/atau Denda)	1	1	1	2	0	1	2
Penggantungan (termasuk Kos, Denda, dan/atau Menghadiri Kursus)	0	0	0	0	1	1	3
Teguran/Menghadiri Kursus /Kos dan/atau Denda	0	3	3	3	9	10	5
Denda dan/atau Kos	0	2	0	0	0	5	23
Amaran/Celaan/Teguran Sahaja	0	2	1	5	0	1	0

## HUKUMAN YANG DIJATUHKAN OLEH JAWATANKUASA TATATERTIB



## RAYUAN TATATERTIB

Mana-mana ahli yang tidak bersetuju dengan keputusan Jawatankuasa Tatatertib boleh, dalam tempoh tertentu, mengemukakan rayuan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib (DAB) Institut. DAB diberikan kuasa di bawah Akta untuk menimbang rayuan-rayuan daripada ahli-ahli dan boleh mengesah, , menterbalikkan atau mengubah keputusan-keputusan Jawatankuasa Tatatertib.

Untuk tahun kewangan yang dilapor, sebanyak empat (4) rayuan diselesaikan oleh DAB yang mana tiga (3) ialah rayuan dari tahun-tahun kewangan lalu.

Pada 30 Jun 2014, lapan (8) rayuan menanti untuk pertimbangan yang mana dua (2) dikemukakan pada suku ketiga tahun kewangan dalam semakan dan enam (6) dikemukakan pada suku keempat tahun kewangan dalam semakan.

The background features a large, stylized graphic of a stack of papers or documents on the left, rendered in a light teal color. On the right side, there is a detailed illustration of a pencil with its lead exposed, also in a teal hue, positioned diagonally.

# Jawatankuasa- Jawatankuasa: Jawatankuasa Berkanun dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lain

## (1) BERKANUN

### JAWATANKUASA PENYIASATAN

Bilangan Mesyuarat: 8

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Soo Hoo Khoon Yean	Pengerusi	Dilantik pada 6 Februari 2014	7/8
2.	Mohamad Raslan Abdul Rahman	Pengerusi	Bersara pada 31 Disember 2013	2/2
3.	Dr. Mohd Nordin Mohd Zain	Ahli	Dilantik pada 6 Februari 2014	5/6
4.	Leong Kah Mun	Ahli	Dilantik pada 29 September 2012	7/8
5.	Ooi Thiam Poh, Alex	Ahli	Dilantik pada 29 Mei 2013	8/8
6.	Prof. Dr. Rozainun Haji Abdul Aziz	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	1/6

### JAWATANKUASA TATATERTIB

Bilangan Mesyuarat: 11

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Ken Pushpanathan	Pengerusi	Dilantik semula pada 1 November 2013	11/11
2.	Chan Wan Siew, Paul	Ahli	Dilantik semula pada 1 November 2013	6/11
3.	Dr. Nurmazilah Dato' Mahzan	Ahli	Dilantik semula pada 1 November 2013	6/11
4.	Kua Choo Kai, Simon	Ahli	Dilantik semula pada 1 November 2013	10/11
5.	Mohd Noh Jidin	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	4/8

### LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB

Bilangan Mesyuarat: 1

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Dato' Abdul Rauf Rashid	Pengerusi	Dilantik pada 1 November 2013	1/1
2.	Mohd Noh Jidin	Pengerusi / Ahli	Bersara pada 1 November 2013	-
3.	Baharuddin Ahmad	Ahli	Bersara pada 15 Julai 2013	-
4.	Dealanathan Joseph Lourdes	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	1/1
5.	Prof. Madya Dr. Sabri Mohamat Hassan	Ahli	Dilantik semula pada 1 November 2013	1/1
6.	Yeo Tek Ling	Ahli	Dilantik semula pada 1 November 2013 Bersara pada 22 Januari 2014	-
7.	Zahrah Abd Wahab Fenner	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	0/1

## JAWATANKUASA PEPERIKSAAN

Bilangan Mesyuarat: 2

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Dr. Mohd Nordin Mohd Zain	Pengerusi	Dilantik pada 1 November 2013	1/2
2.	Dato' Rosini Abd Samad <u>Wakil:</u> Pn Rosenida Abd Rahman	Ahli	Dilantik pada 29 Oktober 2012	1/2
3.	Foo Yoke Pin	Ahli	Dilantik pada 29 Oktober 2012	1/2
4.	Prof. Dr. Nik Nazli Nik Ahmad	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	1/2
5.	Prof. Dr. Rozainun Haji Abdul Aziz	Ahli	Dilantik pada 29 Oktober 2012	2/2
6.	Prof. Madya Dr. Nor Aziah Abu Kasim	Ahli	Dilantik pada 29 Oktober 2012	1/2
7.	Prof. Madya Noorbijan Abu Bakar	Ahli	Dilantik pada 29 Oktober 2012	1/2
8.	Syahrul Idzuan Mohamad <u>Wakil:</u> Mohd Noramin Khalid	Ahli	Dilantik pada 14 Januari 2013	2/2
9.	Yeo Tek Ling	Ahli	Bersara pada 21 Januari 2014	1/1

## (2) TEKNIKAL

### LEMBAGA PIAWAIAN PENGAUDITAN DAN ASURANS (AASB)

Bilangan Mesyuarat: 4

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Lee Tuck Heng	Pengerusi	Dilantik semula sebagai Pengerusi pada 22 Julai 2013	4/4
2.	Ahmad Shahrul Mohamed	Ahli	-	3/4
3.	Chan Wan Siew, Paul	Ahli	-	1/4
4.	Cheong Thoong Farn	Ahli	-	3/4
5.	Hooi Kok Mun	Ahli	-	2/4
6.	Lock Peng Kuan	Ahli	Dilantik semula pada 22 Julai 2013	3/4
7.	Loh Kam Hian	Ahli	Dilantik pada 22 Julai 2013	2/4
8.	Mohamed Raslan Abdul Rahman	Ahli	Bersara pada 9 Julai 2013	-
9.	Ooi Song Wan	Ahli	Dilantik pada 3 Oktober 2013	2/3
10.	Phan Su Han, Josephine	Ahli	-	3/4
11.	Prof. Takiah Mohd Iskandar	Ahli	-	2/4
12.	Quay Chew Soon	Ahli	-	4/4
13.	Sukanta Kumar Dutt	Ahli	Dilantik semula pada 22 Julai 2013	2/4
14.	Tan Bun Poo, Robert	Ahli	Dilantik semula sebagai Ahli pada 22 Julai 2013	2/4
15.	Tang Seng Choon	Ahli	-	4/4
16.	Thong Foo Vung	Ahli	-	1/4
17.	Walter Sandosam	Ahli	-	3/4

## LEMBAGA PIAWAIAN ETIKA (ESB)

Bilangan Mesyuarat: 3

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Eugene Wong Weng Soon	Pengerusi	Dilantik pada 1 November 2013	3/3
2.	Zahrah Abd Wahab Fenner	Pengerusi	Bersara pada 1 November 2013	-
3.	Loh Kam Hian	Ahli	-	2/3
4.	Mohd Nizam Mohd Ali	Ahli	Dilantik pada 2 Disember 2013	2/3
5.	Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	2/3
6.	Ravi Navaratnam	Ahli	-	2/3
7.	Stefanie Ng	Ahli	-	2/3
8.	Tan Khoon Yeow	Ahli	Dilantik pada 6 Februari 2014	2/2
9.	Tan Soo Yan	Ahli	-	2/3
10.	Teow Wuey Sze	Ahli	Dilantik pada 6 Februari 2014	2/2

## JAWATANKUASA PENASIHAT PASARAN MODAL (CMAC)

Bilangan Mesyuarat: 6

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Dato' Mohammad Faiz Mohammad Azmi	Pengerusi	-	6/6
2.	Carol Eng	Ahli	-	5/6
3.	Ch'ng Boon Huat	Ahli	Meletak jawatan pada 15 Oktober 2013	-
4.	Chan Kuan Chee, James	Ahli	Dilantik pada 6 Februari 2014	4/4
5.	Chan Wan Siew, Paul	Ahli	-	3/6
6.	Dato' Narendra Kumar Jasani	Ahli	-	3/6
7.	Dato' Wong Wing Seong	Ahli	-	4/6
8.	Foong Mun Kong	Ahli	-	3/6
9.	Gary Huang	Ahli	Dilantik pada 6 Februari 2014	4/4
10.	Leong Shook Kheng, Kelly	Ahli	-	5/6
11.	Leou Thiam Lai	Ahli	Dilantik pada 6 Februari 2014	1/4
12.	Lock Peng Kuan	Ahli	Dilantik pada 6 Februari 2014	3/4
13.	Oong Kee Leong, Stephen	Ahli	-	5/6
14.	Stephen Wan	Ahli	Dilantik pada 6 Februari 2014	2/4
15.	Sukanta Kumar Dutt	Ahli	-	3/6
16.	Tan Lay Khoon	Ahli	Dilantik pada 1 November 2014	4/6
17.	Tiang Woon Meng	Ahli	Dilantik pada 6 Februari 2014	4/4

## JAWATANKUASA PELAKSANAAN PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN (FRSIC)

Bilangan Mesyuarat: 2

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Johan Idris	Pengerusi	-	1/2
2.	Ahmad Zahirudin Abdul Rahim	Ahli	Bersara pada 25 Mac 2014	1/1
3.	Cheah Pooi Lin, Esther	Ahli	-	2/2
4.	Cheong Thoong Farn	Ahli	Dilantik pada 25 Mac 2014	1/1
5.	Dr. Nurmazilah Dato' Mahzan	Ahli	-	1/2
6.	Mohd Zabidi Md Nor	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	0/2
7.	Ng Kean Kok	Ahli	-	1/2
8.	Ng Kim Tuck	Ahli	-	2/2
9.	Ooi Thiam Poh, Alex	Ahli	-	2/2
10.	Oong Kee Leong, Stephen	Ahli	-	2/2
11.	Sharon Sung	Ahli	Dilantik pada 25 Mac 2014	0/1
12.	Siew Kar Wai	Ahli	-	2/2
13.	Soo Hoo Khoon Yean	Ahli	-	0/2
14.	Thong Foo Vung	Ahli	-	1/2
15.	Yeah Seok Luan	Ahli	Dilantik pada 25 Mac 2014	1/1

## JAWATANKUASA AMLATFA

No.	Nama	Jawatan	Status
1.	Soo Hoo Khoon Yean	Pengerusi	Dilantik pada 1 November 2013
2.	Kua Choo Kai, Simon	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013
3.	Leong Kah Mun	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013
4.	Ng Kim Tuck	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013
5.	Prof. Madya Dr. Nor Aziah Abu Kassim	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013

## JAWATANKUASA AMALAN PERCUKAIAN

**Bilangan Mesyuarat: 3**

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Dato' Abdul Rauf Rashid	Pengerusi	Dilantik pada 1 November 2013	3/3
2.	Beh Tok Koay	Ahli	Dilantik semula pada 10 Disember 2013	2/3
3.	Datin Tam Poh Lin, Pauline	Ahli	Dilantik semula pada 10 Disember 2013	2/3
4.	Dato' Narendra Kumar Jasani	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	1/2
5.	Dealanathan Joseph Lourdes	Ahli	Dilantik semula pada 1 November 2013	3/3
6.	Eng Hooi Ling, Carol	Ahli	Dilantik semula pada 10 Disember 2013	2/3
7.	Dato' Heng Ji Keng	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	0/2
8.	Lim Thiam Kee, Peter	Ahli	Dilantik semula pada 1 November 2013	2/3
9.	Mohd Noor Abu Bakar	Ahli	Dilantik semula pada 10 Disember 2013	3/3
10.	Po Yih Ming, Frances	Ahli	Dilantik semula pada 10 Disember 2013	3/3
11.	Prof. Madya Dr. Choong Kwai Fatt	Ahli	Dilantik semula pada 10 Disember 2013	1/3
12.	Salihin Abang	Ahli	Dilantik semula pada 10 Disember 2013	2/3
13.	Soh Siong Hoon, Sam	Ahli	Dilantik semula pada 10 Disember 2013	2/2
14.	Wong Yok Chin	Ahli	Dilantik semula pada 10 Disember 2013	3/3
15.	Woon Yoke Lee	Ahli	Dilantik semula pada 10 Disember 2013	2/3
16.	Yeo Eng Ping	Ahli	Dilantik semula pada 10 Disember 2013	2/3

## JAWATANKUASA PENDIDIKAN

**Bilangan Mesyuarat: 9**

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Datuk Zaiton Mohd Hassan	Pengerusi	Dilantik pada 5 September 2013	6/6
2.	Prof. Dr. Ku Nor Izah Ku Ismail	Pengerusi	Bersara pada 15 Julai 2013	1/1
3.	Dato' Mohammad Faiz Mohammad Azmi	Ahli	-	7/9
4.	Dato' Rosini Abd Samad <i>Wakil:</i> i) Rosenida Abd Rahman ii) Abdul Majid Salleh	Ahli	-	4/9
5.	Dr. Nurmazilah Dato' Mahzan	Ahli	Meletak jawatan pada 20 Julai 2013	0/1
6.	Ken Pushpanathan	Ahli	-	8/9
7.	Kua Choo Kai, Simon	Ahli	-	6/9
8.	Phan Su Han, Josephine	Ahli	-	7/9
9.	Prof. Dr. Rozainun Haji Abdul Aziz	Ahli	Dilantik pada 5 September 2013	4/6
10.	Prof. Madya Dr. Kalsom Salleh	Ahli	Bersara pada 15 Julai 2013	1/1
11.	Prof. Madya Dr. Mohamat Sabri Hassan	Ahli	-	5/9
12.	Prof. Madya Dr. Nor Aziah Abu Kasim	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	5/5

## JAWATANKUASA SSM

Bilangan Mesyuarat: 1

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Johan Idris	Pengerusi	Dilantik pada 22 Julai 2013	1/1
2.	Abraham Verghese	Ahli	-	1/1
3.	Chanthiran Nagappan	Ahli	-	0/1
4.	Datuk Mohd Nasir Ahmad	Ahli	-	0/1
5.	Dealanathan Joseph Lourdes	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	0/0
6.	Dato' Heng Ji Keng	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	0/0
7.	Ken Pushpanathan	Ahli	Bersara pada 1 November 2013	1/1
8.	Lee Hin Kan	Ahli	-	1/1
9.	Mohd Noh Jidin	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	0/0
10.	Ng Kean Kok	Ahli	-	1/1
11.	Ong Ching Chuan	Ahli	-	1/1
12.	Soh Siong Hoon, Sam	Ahli	Bersara pada 1 November 2013	1/1
13.	Subramaniam AV Sankar	Ahli	Bersara pada 1 November 2013	1/1
14.	Thong Foo Vung	Ahli	-	0/1
15.	Zahrah Abd Wahab Fenner	Ahli	Bersara pada 1 November 2013	0/1

## JAWATANKUASA PERAKAUNAN SEKTOR AWAM (PSAC)

Bilangan Mesyuarat: 3

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Datuk Wan Selamah Wan Sulaiman	Pengerusi	Dilantik pada 3 Oktober 2013	3/3
2.	Chong Dee Shiang, Teresa	Ahli	Dilantik pada 3 Oktober 2013	1/3
3.	Dato' Mohammad Faiz Mohammad Azmi	Ahli	Dilantik pada 3 Oktober 2013	1/3
4.	Datuk Haji Anwari Suri	Ahli	Dilantik pada 3 Oktober 2013	3/3
5.	Dr. Mohd Nordin Mohd Zain	Ahli	Dilantik pada 3 Oktober 2013	3/3
6.	Dr. Nurmazilah Dato' Mahzan	Ahli	Dilantik pada 3 Oktober 2013	1/3
7.	Er Beng Kiong	Ahli	Dilantik pada 3 Oktober 2013	3/3
8.	Muhammad Syarizal Abdul Rahim	Ahli	Dilantik pada 3 Oktober 2013	2/3
9.	Nor Yati Ahmad	Ahli	Dilantik pada 3 Oktober 2013	3/3
10.	Nurul Ain Abdul Latif	Ahli	Dilantik pada 3 Oktober 2013	2/3
11.	Zahrah Abd Wahab Fenner	Ahli	Dilantik pada 6 Februari 2014	1/2

## (3) PENGAWASAN

### JAWATANKUASA PENELITIAN PENYATA KEWANGAN (FSRC)

Bilangan Mesyuarat: 10

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Ahmad Zahirudin Abdul Rahim	Pengerusi	-	10/10
2.	Lam Kee Soon	Timbalan Pengerusi	-	5/10
3.	Abdul Rahim Abdul Hamid	Ahli	Bersara pada 1 November 2013	0/3
4.	Asna Atqa Abdullah	Ahli	-	8/10
5.	Chan Kuan Chee, James	Ahli	-	7/10
6.	Chen Voon Hann	Ahli	-	6/10
7.	Cheong Chye Hin, Raymond	Ahli	-	6/10
8.	Cheong Thoong Farn	Ahli	-	7/10
9.	Cheow Lam Koon	Ahli	-	9/10
10.	Khairudin Ibrahim	Ahli	-	7/10
11.	Khoo Siong Kee, Stephen	Ahli	Bersara pada 10 Disember 2013	2/4
12.	Mohd Nordin Mohd Zain	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013 Bersara pada 6 Februari 2014	2/2
13.	Oong Kee Leong, Stephen	Ahli	-	8/10
14.	Ow Peng Li	Ahli	-	7/10
15.	Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	2/7
16.	Soon Teck Thong	Ahli	-	8/10
17.	Subramaniam AV Sankar	Ahli	Bersara pada 1 November 2013	2/3
18.	Sung Foong Fui, Sharon	Ahli	-	8/10
19.	Tan Lay Khoon (ahli gantian kepada Wong Kay Yong)	Ahli Gantian	-	8/10
20.	Tang Seng Choon	Ahli	-	5/10
21.	Wong Kay Yong	Ahli	-	8/10

## JAWATANKUASA SEMAKAN AMALAN (PRC)

Bilangan Mesyuarat: 4

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Ahmad Zahirudin Abdul Rahim	Pengerusi	Dilantik sebagai Pengerusi pada 4 Mac 2014	4/4
2.	Johan Idris	Pengerusi	Meletak jawatan pada Februari 2014	1/3
3.	Chan Kuan Chee, James	Ahli	Dilantik pada 8 April 2014	1/1
4.	Foong Mun Kong	Ahli	Dilantik pada 10 Disember 2013	1/2
5.	Lim Thiam Kee, Peter	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	2/3
6.	Mohd Afrizan Husain	Ahli	-	3/4
7.	Ooi Chee Kun	Ahli	-	2/4
8.	Pauline Ho	Ahli	-	3/4
9.	Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	2/3
10.	Siew Kah Toong, David	Ahli	-	4/4
11.	Soh Siong Hoon, Sam	Ahli	Dilantik pada 10 Disember 2013	3/3

## (4) WAKIL-WAKIL KEAHLIAN

### JAWATANKUASA AKAUNTAN PROFESIONAL DALAM PERNIAGAAN (PAIB)

Bilangan Mesyuarat: 3

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Datuk Mohd Nasir Ahmad	Pengerusi	-	3/3
2.	Chan Feoi Chun, Francis	Ahli	Bersara pada 19 Disember 2013	-
3.	Dr. Ng Boon Beng	Ahli	-	3/3
4.	Eugene Wong Weng Soon	Ahli	-	2/3
5.	Lee Hin Kan	Ahli	-	1/3
6.	Leong Kah Mun	Ahli	-	3/3
7.	Mazhairul Jamaludin	Ahli	-	2/3
8.	Mustapa Kamal Mohd Razali	Ahli	Bersara pada 19 Disember 2013	-
9.	N. Chanthiran Nagappan	Ahli	-	2/3
10.	Nur Hayati Baharuddin	Ahli	-	2/3
11.	Prof. Dr. Ibrahim Kamal Abd Rahman	Ahli	Bersara pada 19 Disember 2013	-
12.	Prof. Madya Dr. A. Thillaisundaram	Ahli	-	3/3
13.	Prof. Madya Dr. Kalsom Salleh	Ahli	Bersara pada 19 Disember 2013	-
14.	Prof. Madya Dr. Muslim Har Sani Mohamad	Ahli	Bersara pada 19 Disember 2013	-
15.	Saat Esa	Ahli	Bersara pada 19 Disember 2013	-
16.	Yeo Tek Ling	Ahli	Dilantik pada 4 Mac 2014	2/2
17.	Zahrah Abd Wahab Fenner	Ahli	Bersara pada 19 Disember 2013	-

## JAWATANKUASA AMALAN AWAM (PPC)

**Bilangan Mesyuarat: 5**

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Dato' Narendra Kumar Jasani	Pengerusi	-	5/5
2.	Chan Kuan Chee, James	Ahli	Meletak jawatan pada 14 April 2014	2/4
3.	Dato' Liew Lee Leong, Raymond	Ahli	-	3/5
4.	Dato' Heng Ji Keng	Ahli	-	5/5
5.	Huang Shze Jiun	Ahli	-	3/5
6.	Kang Wei Geih, Billy	Ahli	-	4/5
7.	Khaw Hock Hoe, Alex	Ahli	-	2/5
8.	Leong Kah Mun	Ahli	-	5/5
9.	Lim Thiam Kee, Peter	Ahli	-	5/5
10.	Mohd Noh Jidin	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	1/3
11.	Ngiam Mia Teck	Ahli	Dilantik pada 29 Mei 2014	0/0*
12.	Ooi Chee Kun	Ahli	-	4/5
13.	Ooi Thiam Poh, Alex	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	3/3
14.	Oong Kee Leong, Stephen	Ahli	-	4/5
15.	Phan Su Han, Josephine	Ahli	Bersara pada 10 Disember 2013	2/2
16.	Rejeesh Balasubramaniam	Ahli	Bersara pada 10 Disember 2013	1/2
17.	Salihin Abang	Ahli	-	4/5
18.	Soh Siong Hoon, Sam	Ahli	Dilantik pada 10 Disember 2013	3/3
19.	Soo Hoo Khoon Yean	Ahli	Dilantik pada 10 Disember 2013	1/3
20.	Subramaniam AV Sankar	Ahli	-	4/5
21.	Tan Chee Beng, Desmond	Ahli	-	3/5
22.	Tan Cheng Hooi, Michael	Ahli	-	5/5
23.	Tan Poh Ling	Ahli	-	4/5
24.	Yap Weng Seong	Ahli	-	4/5

\* Tiada mesyuarat dijalankan di antara 29 Mei - 30 Jun 2014

## JAWATANKUASA AMALAN INSOLVENSI (IPC)

Bilangan Mesyuarat: 2

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Dato' Heng Ji Keng	Pengerusi	Dilantik pada 1 November 2013	1/1
2.	Andrew Heng	Ahli	Bersara pada 4 Mac 2014	0/1
3.	Dato' Gan Ah Tee	Ahli	Dilantik pada 4 Mac 2014	0/1
4.	Dato' Liew Lee Leong, Raymond	Ahli	-	1/2
5.	Dato' Narendra Kumar Jasani	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	1/1
6.	Datuk Ng Seing Liong	Ahli	-	2/2
7.	Duar Tuan Kiat, Stephen	Ahli	-	1/2
8.	Foo Lai-Don, Geoffrey	Ahli	-	1/2
9.	Kumar Kanagasingam	Ahli	-	1/2
10.	Lim San Peen	Ahli	-	2/2
11.	Lim Swee Geok, Amy	Ahli	-	2/2
12.	Lim Thiam Kee, Peter	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	0/1
13.	Lim Tian Huat	Ahli	Bersara pada 4 Mac 2014	0/1
14.	Lok Peng Chuan, Aaron	Ahli	Dilantik pada 4 Mac 2014	1/1
15.	Mak Kum Choon	Ahli	-	2/2
16.	Mea Fatt Leong	Ahli	Bersara pada 4 Mac 2014	1/1
17.	Mohd Noh Jidin	Ahli	-	0/2
18.	Mok Chew Yin	Ahli	-	1/2
19.	Nirmala Devi Ramadass	Ahli	Dilantik pada 4 Mac 2014	1/1
20.	Ong Hock An	Ahli	Bersara pada 4 Mac 2014	1/1
21.	Subramaniam AV Sankar	Ahli	-	2/2
22.	Wong Chee Lin	Ahli	-	2/2

## JAWATANKUASA KEWANGAN ISLAM

**Bilangan Mesyuarat: 3**

No.	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1.	Abdul Rahim Abdul Hamid	Pengerusi	-	3/3
2.	Ahmad Nasri Abdul Wahab	Ahli	Dilantik pada 10 Disember 2013	3/3
3.	Badlisyah Abdul Ghani	Ahli	-	1/3
4.	Dato' Mohammad Faiz Mohammad Azmi	Ahli	-	3/3
5.	Daud Vicary Abdullah	Ahli	-	3/3
6.	Dr. Mohd Nordin Mohd Zain	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	2/3
7.	Mohd Zabidi Md Nor	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	2/3
8.	Nik Mohd Hasyudeen Yusoff	Ahli	-	1/3
9.	Norfadelizan Abdul Rahman	Ahli	-	0/3
10.	Prof. Madya Dr. Mohamat Sabri Hassan	Ahli	Dilantik pada 1 November 2013	1/3
11.	Rafe Haneef	Ahli	Bersara pada 7 Januari 2014	-
12.	YM Raja Teh Maimunah Raja Abdul Aziz	Ahli	-	1/3
13.	Zainal Izlan Zainal Abidin	Ahli	-	1/3

# Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir  
30 Jun 2014





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2014**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2014 dan Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Dalam Dana Terkumpul serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan*

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Akauntan 1967 (Akta 94). Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut Akauntan Malaysia pada 30 Jun 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

  
(ONG SWEE LENG)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
15 OGOS 2014



## INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA

**PENYATA MAJLIS**

Kami, Johan Idris dan Ho Foong Moi, yang masing-masing merupakan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Majlis, penyata kewangan yang disertakan telah disediakan menurut peruntukan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut pada 30 Jun 2014 dan mengenai hasil kendalian serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Majlis menurut resolusi oleh Majlis.

JOHAN IDRIS  
PRESIDEN

HO FOONG MOI  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Bertarikh: 24 Julai 2014  
Kuala Lumpur


**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN INSTITUT**

Saya, Chua Suat Khim, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA, dengan jujurnya mengakui bahawa penyata kewangan yang disertakan adalah betul mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, dan saya membuat pengakuan ini dengan kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas,  
CHUA SUAT KHIM di Kuala Lumpur, Wilayah  
Persekutuan pada 24 Julai 2014

CHUA SUAT KHIM

Di hadapan saya,



No. 148, Tkt. Bawah  
Jalan Tun Sambanthan  
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

## pada 30 Jun 2014

		2014	2013
	Nota	RM	RM
<b>Aset</b>			
<b>Aset bukan semasa</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	3	12,141,792	12,380,559
Aset tidak ketara	4	120,148	78,860
Pelaburan	5	7,458	7,458
		12,269,398	12,466,877
<b>Aset semasa</b>			
Inventori	6	28,926	35,495
Akaun belum terima, deposit dan prabayar	7	1,921,750	1,732,419
Yuran tunggak	8	-	-
Cukai semasa boleh pulih		83,828	-
Akaun amanah institusi	9	-	3,396,342
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	10	25,124,707	14,223,923
Tunai dan baki di bank		4,175,898	3,622,703
		31,335,109	23,010,882
<b>Jumlah aset</b>		<hr/> 43,604,507	<hr/> 35,477,759
<b>Liabiliti bukan semasa</b>			
Pembentahan cara Islam	11	5,561,200	5,561,200
Liabiliti cukai tertunda	12	123,864	129,207
		5,685,064	5,690,407
<b>Liabiliti semasa</b>			
Pendahuluan yuran		3,815,300	1,637,000
Pelbagai akaun belum bayar dan akruan	13	5,848,020	4,341,559
Pendapatan tertunda	14	2,749,117	1,113,439
Pendapatan tertunda – Geran kerajaan	15	132,895	611,624
Cukai semasa perlu dibayar		-	71,968
		12,545,332	7,775,590
<b>Jumlah liabiliti</b>		<hr/> 18,230,396	<hr/> 13,465,997
<b>Jumlah aset bersih</b>		<hr/> 25,374,111	<hr/> 22,011,762
<b>Dana terkumpul</b>		<hr/> 25,374,111	<hr/> 22,011,762

# PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2014

	Nota	2014 RM	2013 RM
Pendapatan keahlian	16	12,305,950	9,053,400
Pendapatan daripada acara dan persidangan	17	19,246,667	15,429,432
Jumlah hasil		31,552,617	24,482,832
Pendapatan lain	18	2,255,576	2,395,644
<b>Jumlah pendapatan</b>		<b>33,808,193</b>	<b>26,878,476</b>
Perbelanjaan operasi			
Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan	3	522,221	512,025
Pelunasan aset tidak ketara	4	51,739	44,977
Perbelanjaan untuk acara dan persidangan	17	10,182,788	8,173,180
Manfaat kakitangan	19	14,827,070	11,826,556
Perkhidmatan keahlian		1,310,727	1,254,018
Perbelanjaan lain		4,193,958	3,760,435
<b>Jumlah perbelanjaan</b>		<b>31,088,503</b>	<b>25,571,191</b>
<b>Lebihan sebelum cukai</b>	20	<b>2,719,690</b>	<b>1,307,285</b>
Cukai pendapatan	21	642,659	(59,122)
<b>Lebihan bagi tahun kewangan, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan</b>		<b>3,362,349</b>	<b>1,248,163</b>

# PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL

## Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2014

	RM
Pada 1 Julai 2012	20,763,599
Lebihan bagi tahun kewangan, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	1,248,163
Pada 30 Jun 2013	22,011,762
Lebihan bagi tahun kewangan, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	3,362,349
Pada 30 Jun 2014	25,374,111

# PENYATA ALIRAN TUNAI

## Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2014

	Nota	2014 RM	2013 RM
		Dinyata semula	
<b>Aliran tunai daripada aktiviti operasi</b>			
Penerimaan daripada ahli dan bukan ahli		38,218,596	26,377,498
Pembayaran bagi perbelanjaan		(31,157,162)	(28,003,003)
<b>Tunai dijana daripada/(digunakan dalam) operasi</b>		7,061,434	(1,625,505)
Geran Kerajaan diterima		63,340	1,090,440
Pendapatan sewa		33,600	37,800
Yuran pengurusan		6,000	5,000
Cukai dibayar		(155,796)	-
Pembayaran balik cukai		637,316	-
<b>Tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi</b>		<b>7,645,894</b>	<b>(492,265)</b>
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan</b>			
Penempatan simpanan tetap di institusi kewangan berlesen matang selepas 3 bulan		(4,436,699)	(7,601,438)
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan dan aset tidak ketara (Nota A)		(287,349)	(9,109,914)
Dividen diterima daripada akaun amanah institusi		36,383	205,032
Faedah diterima		662,709	448,140
<b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>		<b>(4,024,956)</b>	<b>(16,058,180)</b>
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan</b>			
Hasil daripada pinjaman, mewakili tunai bersih dijana daripada aktiviti pembiayaan		-	5,561,200
<b>Peningkatan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan setara tunai</b>		<b>3,620,938</b>	<b>(10,989,245)</b>
Tunai dan setara tunai pada awal tahun kewangan		10,070,777	21,060,022
<b>Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan</b>		<b>13,691,715</b>	<b>10,070,777</b>
<b>Analisis tunai dan setara tunai:</b>			
Tunai di tangan		4,345	6,033
Baki di bank		4,171,553	3,616,670
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen matang dalam masa 3 bulan	10	9,515,817	3,051,732
Akaun amanah institusi		-	3,396,342
		<b>13,691,715</b>	<b>10,070,777</b>
<b>Nota A: Pembelian harta tanah, loji dan peralatan dan aset tidak ketara</b>			
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan dalam tahun kewangan	3	283,462	9,600,664
Wang cengkeram untuk pembelian pejabat baru dibayar dalam tahun sebelumnya		-	(480,000)
		283,462	9,120,664
Pembelian aset tidak ketara dalam tahun kewangan	4	93,027	10,100
Campur: Pembelian belum dibayar pada tahun kewangan sebelumnya		20,850	-
		397,339	9,130,764
Tolak: Pembelian belum dibayar pada akhir tahun kewangan		(109,990)	(20,850)
		287,349	9,109,914

# NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2014

## 1. MAKLUMAT AM

Institut diperbadankan di bawah Akta Akauntan, 1967 (Akta) dan bermastautin di Malaysia. Matlamat/kegiatan utama Institut di bawah Akta ini adalah:

- a. untuk menentukan kelayakan seseorang yang akan diterima sebagai ahli;
- b. untuk menyediakan latihan dan pendidikan oleh Institut atau mana-mana badan lain, bagi orang yang mengamalkan atau berhasrat mengamalkan kerjaya perakaunan;
- c. untuk meluluskan Peperiksaan Kelayakan Institut Akauntan Malaysia dan untuk mengawal selia dan memantau pengendalian Peperiksaan tersebut;
- d. untuk mengawal selia amalan kerjaya perakaunan di Malaysia;
- e. untuk menggalakkan, dalam apa cara yang difikirkan sesuai, kepentingan kerjaya perakaunan di Malaysia;
- f. untuk memberi bantuan kewangan atau pertolongan lain kepada ahli atau tanggungan mereka, yang mana difikirkan sesuai, dengan tujuan melindungi atau menjaga kebaikan ahli; dan
- g. secara umumnya untuk melaksanakan sebarang usaha yang difikirkan sesuai bagi tujuan mencapai matlamat-matlamat yang dinyatakan di atas.

Tiada perubahan yang ketara dalam bentuk matlamat/kegiatan utama Institut sepanjang tahun kewangan ini.

Pejabat berdaftar Institut adalah di Dewan Akauntan, 2 Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan ini telah dilulus untuk diterbitkan oleh Majlis menurut resolusi Majlis pada **24 Julai 2014**.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

### 2.1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Institut telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

Penyata kewangan Institut telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya dalam dasar-dasar perakaunan penting yang dinyatakan di bawah.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan matawang fungsi Institut.

### 2.2. PENERIMAAN PERNYATAAN BARU DAN DISEMAK SEMULA

Pada 1 Julai 2013, Institut menerima pengakuan berikut yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) seperti mana disenaraikan di bawah:

**Berkuat kuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013**

MFRS 13	Pengukuran Nilai Saksama
MFRS 119	Manfaat Kakitangan (disemak semula)
Pindaan kepada MFRS 1	Penerimaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia – Pinjaman Kerajaan
Pindaan kepada MFRS 1	Penerimaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia – (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2009-2011)
Pindaan kepada MFRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan – Imbangan Aset Kewangan dengan Liabiliti Kewangan
Pindaan kepada MFRS 101	Pembentangan Penyata Kewangan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2009-2011)
Pindaan kepada MFRS 116	Hartanah, Loji dan Peralatan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2009-2011)
Pindaan kepada MFRS 132	Instrumen Kewangan: Pembentangan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2009-2011)

Penerimaan MFRS di atas dan pindaan kepada MFRS tidak mempunyai sebarang kesan ketara ke atas Institut semasa ia pertama kali ia diterima pakai.

### 2.3 PERNYATAAN BARU DAN DISEMAK SEMULA YANG BELUM BERKUAT KUASA

Piawaian, pindaan dan takrifan perakaunan berkenaan yang telah dikeluarkan oleh MASB yang belum diterima pakai oleh Institut adalah seperti berikut:

**Berkuat kuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014**

Pindaan kepada MFRS 132	Instrumen Kewangan : Pembentangan – Imbangan Aset Kewangan dengan Liabiliti Kewangan
Pindaan kepada MFRS 136	Rosot Nilai Aset: Pendedahan Amaun Boleh Pulih bagi Aset Bukan Semasa
Pindaan kepada MFRS 139	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran – Novasi Derivatif dan Kesinambungan Perakaunan Lindung Nilai

**Berkuat kuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2014**

Pindaan kepada MFRS 13	Pengukuran Nilai Saksama (Penambahbaikan Tahunan Kitaran MFRS 2011-2013 )
Pindaan kepada MFRS 116	Hartanah, Loji dan Peralatan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran MFRS 2010-2012)
Pindaan kepada MFRS 119	Manfaat Kakitangan - Pelan Manfaat Tetap: Sumbangan Kakitangan
Pindaan kepada MFRS 124	Pendedahan Pihak Berkaitan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran MFRS 2010-2012)
Pindaan kepada MFRS 138	Aset Tidak Ketara - (Penambahbaikan Tahunan Kitaran MFRS 2010-2012)

**Berkuat kuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016**

Pindaan kepada MFRS 116 dan MFRS 138	Hartanah, Loji dan Peralatan – Penjelasan Kaedah yang Diterima untuk Susut Nilai dan Pelunasan
--------------------------------------	--

**Tarikh berkuat kuasa yang belum ditentukan oleh MASB**

MFRS 9	Instrumen Kewangan (IFRS 9 diterbitkan oleh IASB pada November 2009)
MFRS 9	Instrumen Kewangan (IFRS 9 diterbitkan oleh IASB pada November 2010)
MFRS 9	Instrumen Kewangan – Perakaunan Lindung Nilai dan pindaan kepada MFRS 9, MFRS 7 dan MFRS 139

Institut akan menerima pakai MFRS dan pindaan kepada MFRS di atas, apabila ia mula berkuat kuasa, dan ia tidak dijangkakan mempunyai sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Institut semasa pertama kali diterima pakai.

## 2.4 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

Dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten bagi tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini.

### (a) Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai

Semua hartaanah, loji dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada kos. Kos sesuatu butiran hartaanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, terdapat kemungkinan bahawa Institut akan dapat meraih faedah ekonomi yang berkaitan dengan butiran tersebut di masa hadapan dan kos butiran tersebut boleh diukur dengan pasti.

Kos merangkumi perbelanjaan yang berkait langsung dengan perolehan aset dan sebarang kos lain yang berkait langsung untuk membolehkan aset dibawa kepada keadaan yang mana ia boleh digunakan bagi tujuan

yang diingini, dan kos pembongkaran serta pemindahan butiran hartaanah, loji dan peralatan serta membaik pulih kawasan di mana aset itu diletakkan. Bagi aset yang layak, kos pinjaman dipermodalkan mengikut dasar perakaunan berhubung kos pinjaman.

Berikut pengiktirafan, kos dimasukkan ke dalam amaun bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana bersesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi di masa hadapan yang berkaitan dengan butiran tersebut akan diraih oleh Institut dan kos butiran tersebut boleh diukur dengan pasti. Amaun bawaan bagi bahagian aset yang diganti akan dinyah iktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaran lain diiktiraf dalam untung atau rugi bilamana kos ditanggung.

Berikut pengiktirafan, hartaanah, loji dan peralatan diukur pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Tanah pegangan kekal tidak disusut nilai kerana ia mempunyai hayat tidak terhad. Susut nilai hartaanah, loji dan peralatan lain dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat gunanya, seperti berikut:

Bangunan	50 tahun
Peralatan pejabat	10 tahun
Perabot dan kelengkapan	10 tahun
Peralatan komputer	3 tahun
Pengubahauan	10 tahun

Pejabat dalam pembinaan yang termasuk dalam hartaanah, loji dan peralatan tidak disusut nilai kerana aset tersebut masih belum sedia untuk digunakan.

Nilai bawaan hartaanah, loji dan peralatan disemak semula untuk rosot nilai apabila berlaku peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawaan mungkin tidak boleh pulih semula.

Nilai sisa, hayat guna dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Sesebuah butiran hartaanah, loji dan peralatan dinyatakan pada masa ia dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada kegunaannya atau pelupusannya. Sebarang hasil atau kerugian atas penyahiktirafan aset ini dimasukkan dalam untung atau rugi pada tahun aset tersebut tidak diiktiraf.

### (b) Aset tidak ketara – perisian komputer

Perisian komputer pada mulanya dinyatakan pada kos. Berikut pemerolehan awal, perisian komputer diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Perisian komputer dinilai sebagai mempunyai hayat guna yang terhad. Perisian komputer dilunaskan sepanjang anggaran hayat gunanya selama 3 tahun dan ditaksir untuk rosot nilai bilamana terdapat tanda-tanda yang ia

mungkin mengalami rosot nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap akhir tahun kewangan. Perbelanjaan pelunasan ke atas perisian komputer dengan hayat terhad diiktiraf dalam untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan perisian komputer dikira sebagai perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun bawaan aset dan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila perisian komputer ini tidak lagi diiktiraf.

#### (c) Rosot nilai aset bukan kewangan

Pada setiap tarikh pelaporan, Institut membuat penilaian sama ada terdapat sebarang tanda bahawa aset mungkin mengalami rosot nilai. Jika ada petanda sedemikian, atau apabila penilaian rosot nilai tahunan bagi sesuatu aset diperlukan, Institut membuat anggaran amaun boleh pulih aset tersebut.

Amaun boleh pulih aset adalah nilai yang lebih tinggi antara nilai saksama suatu aset ditolak kos jualan dan nilai penggunaannya. Untuk menaksir rosot nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah yang mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penjanaan tunai (CGU)).

Dalam menaksir nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan yang dijangka akan dijana oleh aset, didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskau sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada aset. Bilamana amaun bawaan aset melebihi amaun boleh pulih, aset diturunkan nilai kepada amaun boleh pulih.

Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Penaksiran dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk mengesam sama ada terdapat petanda bahawa kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya mungkin tidak wujud lagi atau mungkin telah berkurang. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak kerugian rosot nilai sebelumnya itu diiktiraf. Jika demikian, amaun bawaan aset dinaikkan kepada amaun boleh pulih. Sekiranya kerugian rosot nilai tidak diiktiraf sebelumnya, peningkatan ini tidak boleh melebihi amaun bawaan yang mungkin telah ditentukan, bersih daripada susut nilai. Pembalikkan ini diiktiraf dalam untung atau rugi melainkan jika aset tersebut diukur pada amaun yang dinilai semula, yang mana pembalikan dianggap sebagai peningkatan penilaian semula.

#### (d) Inventori

Inventori seperti penerbitan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realis bersih. Kos ditentukan mengikut asas masuk-dahulu keluar-dahulu. Nilai boleh realis bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan biasa perniagaan tolak anggaran kos-kos yang perlu untuk membuat jualan.

#### (e) Yuran tertunggak

Yuran belum diterima selama 6 bulan dan lebih yang belum dijelaskan oleh ahli-ahli yang telah dibatalkan keahliannya daripada Daftar Ahli dan yang mana, pada pendapat Majlis, hutang-hutang tersebut tidak lagi boleh dipungut, dihapus kira dalam untung atau rugi. Rosot nilai bagi akaun belum terima dijalankan berdasarkan semakan ke atas semua yuran tertunggak pada tarikh pelaporan. Hutang yang kemudianya dikutip semula diambil kira pada asas tunai. Ahli-ahli yang sedang dalam siasatan dan dalam prosiding tata tertib yang dikenakan ke atas mereka yang mempunyai yuran tertunggak melebihi enam bulan tidak akan dibatalkan keahlian mereka daripada Daftar Ahli.

#### (f) Tunai dan setara tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai merangkumi tunai di tangan, baki di bank, deposit dengan institusi kewangan berlesen dengan kematangan asal dalam masa 3 bulan dan pelaburan mudah cair yang sedia boleh ditukar kepada amaun tunai dan yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah langsung.

#### (g) Rosot nilai aset kewangan

Pada setiap tarikh pelaporan, Institut menilai sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan mengalami rosot nilai.

##### (i) Belum terima dan aset kewangan lain yang dibawa pada kos pelunasan

Untuk mengenal pasti sama ada terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai ke atas aset kewangan telah berlaku, Institut mempertimbangkan faktor-faktor seperti masalah kewangan ketara penghutang dan kegagalan atau kelewatan ketara dalam pembayaran. Kategori aset kewangan yang ditaksir sebagai tidak mengalami rosot nilai secara individu kemudianya ditaksir untuk rosot nilai mengikut asas kolektif berdasarkan ciri-ciri risiko yang sama. Bukti objektif rosot nilai untuk portfolio belum terima termasuklah pengalaman Institut dalam kutipan bayaran, peningkatan dalam bilangan kelewatan pembayaran dalam portfolio yang mele过si tempoh kredit purata dan perubahan yang boleh dilihat dalam keadaan ekonomi tempatan atau negara yang berkait dengan kelalaian atas belum terima.

Sekiranya ada bukti sedemikian, amaun kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan itu. Kerugian rosot nilai ini diiktiraf dalam untung atau rugi.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan oleh kerugian rosot nilai secara langsung untuk semua aset kewangan kecuali jumlah belum terima daripada peserta acara dan persidangan dan belum terima

lain, yang mana amaun bawaan dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Apabila belum terima perdagangan dan belum terima lain tidak boleh dikumpulkan, ia dihapus kira ke atas akaun peruntukan.

Jika dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurang dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif kepada keadaan yang berlaku selepas rosot nilai diiktiraf, kerugian rosot nilai diiktiraf sebelumnya dibalikkan sehingga ke tahap amaun bawaan aset tidak melebihi kos pelunasannya pada tarikh pembalikan. Amaun yang dibalikkan ini diiktiraf dalam untung atau rugi.

#### **(ii) Sekuriti ekuiti tidak disebut harga dibawa pada kos**

Sekiranya terdapat bukti objektif (seperti perubahan buruk yang ketara dalam persekitaran perniagaan di mana pengeluar beroperasi, kebarangkalian insolvensi atau masalah kewangan ketara pengeluar) bahawa kerugian rosot nilai atas aset yang dibawa pada kos telah berlaku, jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa untuk aset kewangan yang sama. Kerugian rosot nilai sedemikian tidak dibalikkan dalam tempoh berikutnya.

### **(h) Aset kewangan**

Institut mengiktiraf semua aset kewangan dalam penyata kedudukan kewangannya apabila, dan hanya apabila, Institut menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen kewangan tersebut.

#### **(i) Pengelasan dan pengukuran**

Aset-aset kewangan pada mulanya diukur berdasarkan nilai saksama ditambah, dalam kes yang mana aset kewangan bukan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urus niaga yang boleh dikaitkan secara langsung.

Aset-aset kewangan dikelaskan ke dalam aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual, bergantung kepada bentuk dan tujuan aset kewangan dan ditentukan semasa pengiktirafan awal.

Institut mengkategorikan aset kewangannya seperti berikut:

#### **Pinjaman dan belum terima**

Aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif dikelaskan sebagai pinjaman dan belum terima.

Berikutnya pengiktirafan awal, pinjaman dan belum terima diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Hasil dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan belum terima dinyah iktiraf atau mengalami rosot nilai, dan melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan belum terima diklasifikasikan sebagai aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tempoh matang selepas 12 bulan dari tarikh pelaporan yang diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

#### **Aset kewangan sedia untuk dijual**

Aset kewangan sedia untuk dijual merangkumi pelaburan dalam ekuiti dan instrumen sekuriti hutang yang tidak dipegang untuk dagangan dan tidak termasuk dalam kategori aset kewangan lain.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan sedia untuk dijual dinilai pada nilai saksama. Sebarang hasil atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain kecuali kerugian rosot nilai, keuntungan dan kerugian tukaran wang asing bagi instrumen monetari dan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif, diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelumnya dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai pelarasan pengelasan semula apabila aset kewangan tersebut dinyah iktiraf. Pendapatan faedah dikira menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen bagi instrumen ekuiti sedia untuk dijual diiktiraf dalam untung atau rugi apabila hak Institut untuk menerima bayaran ditetapkan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang mana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti dinilai pada kos tolak kerugian rosot nilai.

#### **(ii) Penyahiktirafan aset kewangan**

Aset kewangan dinyah iktiraf apabila, dan hanya apabila, hak berkontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat atau ia memindahkan aset kewangan tanpa mengekalkan kawalan atau hampir kesemua risiko dan manfaat pemilikan aset kewangan itu kepada pihak lain. Apabila aset kewangan dinyah iktiraf secara keseluruhannya, perbezaan antara amaun bawaan dan jumlah manfaat diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

#### **(iii) Cara biasa membeli atau menjual aset kewangan**

Cara biasa membeli atau menjual adalah pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penghantaran aset dalam tempoh biasa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen dalam

pasaran terbabit. Semua cara biasa membeli atau menjual aset kewangan ini diiktiraf atau dinyah iktiraf pada tarikh dagangan, iaitu tarikh bilamana Institut akur untuk membeli atau menjual aset tersebut.

### (i) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dikelaskan mengikut kontrak perjanjian yang telah dimeterai dan takrifan liabiliti kewangan.

Institut mengiktiraf semua liabiliti kewangan dalam penyata kedudukan kewangannya apabila, dan hanya apabila, Institut menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen tersebut.

#### (i) Pengelasan dan pengukuran

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai sama ada liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung dan rugi atau liabiliti kewangan lain. Institut mengkategorikan liabiliti kewangannya sebagai liabiliti kewangan lain.

Liabiliti kewangan lain pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos urus niaga secara langsung dan seterusnya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Liabiliti kewangan lain Institut termasuk yuran pendahuluan dan belum bayar.

Bagi liabiliti kewangan lain, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila liabiliti kewangan dinyah iktiraf dan melalui proses pelunasan.

#### (ii) Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dinyah iktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi tertentu dalam kontrak telah tamat.

Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan liabiliti kewangan lain daripada peminjam yang sama berserta syarat yang amat berbeza, atau syarat liabiliti sedia ada yang sebahagian besarnya diubah suai, penggantian atau pengubahsuai seumpamanya dikira sebagai satu penyahiktirafan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baru. Perbezaan dalam nilai bawaan masing-masing diiktiraf dalam untung atau rugi.

### (j) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Institut mempunyai obligasi semasa yang konstruktif dan dari segi undang-undang, kesan daripada peristiwa lalu dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan aman obligasi itu boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk membayangkan anggaran semasa terbaik. Jika tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu, peruntukan tersebut akan dibalikkan. Sekiranya

kesan nilai masa wang adalah ketara, peruntukan akan didiskaunkan menggunakan kadar sebelum cukai semasa yang menggambarkan, bilamana bersesuaian, risiko khusus kepada liabiliti tersebut. Apabila pendiskaunan digunakan, peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

### (k) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan sebagai pendapatan tertunda yang mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan semua syarat berkaitan akan dipatuhi.

Geran berkaitan dengan harta tanah, loji dan peralatan dikira sebagai pendapatan tertunda dan diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan atas sistematik ke atas anggaran jangka hayat aset. Geran yang menjadi pampasan kepada Institut bagi perbelanjaan yang ditanggung, diiktiraf sebagai pendapatan sepanjang tempoh itu untuk memadankan kos yang sepatutnya diberi pampasan. Ini ditunjukkan sebagai nilai bersih dalam untung atau rugi.

### (l) Pengiktirafan pendapatan

- (i) Yuran keahlian dan sijil amalan perlu dibayar setiap tahun pada permulaan tahun kewangan. Hanya yuran tahunan yang berkaitan dengan tahun kewangan semasa diiktiraf sebagai pendapatan. Yuran yang berkaitan dengan tempoh selepas tahun kewangan semasa diiktiraf sebagai pendahuluan yuran dalam pendapatan tertunda di bawah liabiliti semasa dalam penyata kedudukan kewangan.
- (ii) Kemasukan keahlian diiktiraf selepas kelulusan oleh Majlis. Yuran tahunan dan yuran kemasukan bagi pemohon yang diluluskan selepas tahun kewangan tetapi telah diterima dalam tahun kewangan semasa dikira sebagai pendapatan tertunda di bawah liabiliti semasa dalam penyata kedudukan kewangan.
- (iii) Pendapatan daripada acara dan persidangan diiktiraf dalam tempoh perkhidmatan diberikan. Pembayaran pendahuluan yang diterima daripada acara dan persidangan diiktiraf sebagai pendapatan tertunda di bawah liabiliti semasa dalam penyata kedudukan kewangan.
- (iv) Yuran pemprosesan pendaftaran sebagai calon untuk Peperiksaan Kelayakan diiktiraf selepas penerimaan tetapi yuran calon hanya diambil kira selepas kelulusan daripada Jawatankuasa Peperiksaan. Yuran peperiksaan diiktiraf dua kali dalam setiap tahun kalender apabila peperiksaan diadakan. Yuran tuisyen diiktiraf sepanjang tempoh tuisyen.
- (v) Pendapatan daripada iklan yang dimasukkan dalam jurnal Institut diiktiraf sepanjang tempoh pengiklanan. Pendapatan yang diterima daripada iklan yang dimasukkan sebelum tempoh tersebut dikira sebagai pendapatan tertunda. Pendapatan daripada penajaan ditunda sehingga aktiviti berakhir.

- (vi) Pendapatan tertunda atas semakan akreditasi mewakili amaun permulaan yang dipersetujui, sehingga ia berkemungkinan akan menghasilkan pendapatan dan boleh diukur dengan pasti. Pendapatan tertunda diiktiraf dalam untung atau rugi secara berperingkat hingga hal semakan itu selesai.
- (vii) Pendapatan daripada jualan bahan/penerbitan teknikal diiktiraf apabila kawalan fizikal barang itu diserahkan kepada pembeli.
- (viii) Pendapatan daripada semakan amalan diiktiraf selepas penyelesaian kerja semakan dan laporan semakan tersebut dikeluar dan diserahkan kepada firma terbabit.
- (ix) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran ditetapkan.
- (x) Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan atas hasil efektif.
- (xi) Pendapatan sewa diiktiraf pada atas akruan.

#### **(m) Cukai pendapatan**

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jangkaan jumlah cukai pendapatan perlu dibayar untuk keuntungan boleh cukai bagi tahun kewangan dan dikira menggunakan kadar cukai yang digubal pada tarikh pelaporan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan antara atas cukai aset dan liabiliti dengan nilai bawaannya bagi tujuan laporan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh cukai, kecuali bagi liabiliti cukai tertunda yang timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukannya gabungan perniagaan dan, pada masa urus niaga itu, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh tolak, kredit cukai belum guna dibawa ke hadapan dan kerugian cukai belum guna dibawa kehadapan, hingga ke tahap yang berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai akan terhasil daripada perbezaan sementara boleh tolak ini, dan kredit cukai belum guna dibawa ke hadapan dan kerugian cukai belum guna dibawa ke hadapan boleh digunakan, kecuali bagi aset cukai tertunda yang timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukannya gabungan perniagaan dan, pada masa urus niaga itu, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai.

Amaun bawaan aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan hingga ke tahap yang mana tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai mencukupi akan tersedia untuk membolehkan

semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda itu digunakan.

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf akan dinilai semula pada setiap tarikh pelaporan dan diiktiraf hingga ke tahap yang mana berkemungkinan keuntungan bercukai masa depan akan membolehkan aset cukai tertunda itu digunakan.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan dikenakan dalam tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti dilangsinkan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh pelaporan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan dalam penyata untung atau rugi bagi tempoh tersebut, kecuali jika ia terhasil daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana dalam hal ini cukai tertunda juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

Aset cukai tertunda dan liabiliti diimbangi sekiranya hak yang boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang wujud untuk menolak aset cukai semasa ke atas liabiliti cukai semasa dan cukai- tertunda berkait dengan entiti boleh cukai dan pihak berkuasa cukai yang sama.

#### **(n) Manfaat kakitangan**

##### **(i) Manfaat jangka pendek kakitangan**

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Institut. Pampasan jangka pendek ketidakhadiran terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka bagi pampasan ketidakhadiran masa depan. Pampasan jangka pendek ketidakhadiran tak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila berlakunya ketidakhadiran tersebut.

##### **(ii) Pelan caruman tetap**

Pelan caruman tetap adalah pelan manfaat selepas pengajian yang mana Institut membayar caruman tetap kepada entiti atau dana berasingan dan tidak mempunyai obligasi dari segi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika mana-mana dana itu tidak memegang aset mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Caruman itu diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi dalam tempoh bilamana ia berlaku. Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang di Malaysia, caruman tersebut dibayar kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

#### **(o) Transaksi matawang asing dan baki**

Transaksi dalam mata wang asing telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia, yang juga merupakan mata wang fungsi Institut pada kadar pertukaran pada tarikh transaksi atau, bilamana pembayaran belum dibuat pada akhir tahun

kewangan, pada anggaran kadar pertukaran pada tarikh tersebut. Semua keuntungan dan kerugian pertukaran mata wang asing diambil kira dalam untung atau rugi.

#### (p) Pajakan

##### (i) Sebagai penerima pajak

Pajakan kewangan memindahkan kepada Institut sebahagian besarnya kesemua risiko dan ganjaran berhubung pemilikan butiran yang dipajakkkan. Ia dimodalkan pada permulaan pajakan pada nilai saksama aset yang dipajak itu atau, sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos langsung pada permulaan juga dicampurkan kepada amaun yang dimodalkan. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan untuk mencapai kadar faedah malar atas baki liabiliti tersebut. Caj kewangan dicajkan ke untung atau rugi. Sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh yang mana ia ditanggung.

Aset yang dipajak disusut nilai sepanjang jangkaan hayat gunanya. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian munasabah bahawa Institut akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan itu, aset tersebut disusut nilai sepanjang jangkaan hayat guna dan jangka masa pajakan yang lebih singkat.

Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi pada atas garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Manfaat agregat bagi insentif yang diberikan oleh pemajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan pada atas garis lurus.

##### (ii) Sebagai pemajak

Pajakan yang mana Institut mengekalkan sebahagian besarnya kesemua risiko dan ganjaran pemilikan aset dikelaskan sebagai pajakan operasi. Kos langsung yang ditanggung dalam merundingkan suatu pajakan operasi dicampurkan kepada amaun bawaan aset yang dipajak itu dan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan pada asas yang sama seperti pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dinyatakan dalam Nota 2.4 (I)(xi).

#### (q) Kos peminjaman

Kos peminjaman dimodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset yang layak jika ia secara langsung berkait dengan pemerolehan, pembinaan atau pengeluaran aset tersebut. Permodalan kos-kos peminjaman bermula apabila aktiviti menyediakan aset bagi tujuan kegunaannya sedang berjalan, dan kos-kos perbelanjaan dan pinjaman ditanggung. Kos peminjaman dimodalkan sehingga aset-aset tersebut hampir sepenuhnya siap untuk digunakan.

Semua kos peminjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh bilamana ia ditanggung. Kos peminjaman merangkumi kos faedah dan kos-kos lain yang ditanggung oleh Institut berikutnya peminjaman dana.

## 2.5 ANGGARAN DAN ANDAIAN PENTING PERAKAUNAN

Tiada andaian signifikan yang dibuat dalam menggunakan pakai dasar perakaunan Institut yang mungkin mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

Pihak pengurusan membuat andaian penting berhubung masa hadapan dan sumber utama lain tentang dengan anggaran yang tidak pasti pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko ketara yang menyebabkan pelarasan material kepada amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang.

Berikut adalah ringkasan sumber utama anggaran yang tidak pasti:

##### (i) Anggaran hayat guna hartanah, loji dan peralatan dan aset tidak ketara

Hartanah, loji dan peralatan disusut nilai pada atas garis lurus sepanjang anggaran hayat gunanya. Majlis menganggarkan hayat guna hartanah, loji dan peralatan adalah dalam lingkungan 3 tahun hingga 50 tahun. Amaun bawaan hartanah, loji dan peralatan Institut pada 30 Jun 2014 adalah RM12,141,792 (2013: RM12,380,559). Perubahan dalam tahap jangkaan penggunaan dan perkembangan teknologi boleh memberi kesan kepada hayat guna dari segi ekonomi dan nilai sisa hartanah, loji dan peralatan. Oleh itu, caj susut nilai masa hadapan boleh disemak semula.

Bagi aset tidak ketara, perubahan dalam anggaran hayat guna atau anggaran corak penggunaan aset di masa hadapan diambil kira dengan mengubah tempoh dan kaedah pelunasan, sebagaimana bersesuaian dan dikira sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan bagi perisian komputer dengan hayat guna terhad diiktiraf dalam untung atau rugi. Amaun bawaan aset tidak ketara pada 30 Jun 2014 adalah RM120,148 (2013: RM78,860).

##### (ii) Rosot nilai akaun belum terima

Institut membuat peruntukan bagi kerugian rosot nilai berdasarkan penilaian ke atas kebolehpulihan akaun belum terima. Peruntukan digunakan bagi akaun belum terima yang mana peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan amaun bawaan tidak boleh dipulih atau dikutip semula. Dalam menilai tahap hutang tidak boleh pulih, Majlis telah memberi pertimbangan wajar terhadap semua maklumat penting yang berkaitan dengan kemampuan penghutang untuk menjelaskan hutang. Apabila jangkaan berbeza daripada anggaran asal, perbezaan ini akan memberi kesan kepada nilai bawaan akaun belum terima. Amaun bawaan akaun belum terima dan peruntukan terkumpul bagi kerugian rosot nilai dinyatakan dalam Nota 7 dan Nota 8.

##### (iii) Cukai pendapatan dan cukai tertunda

Anggaran diperlukan untuk menentukan peruntukan bagi cukai pendapatan. Terdapat urus niaga dan pengiraan yang mana penetapan cukai muktamad adalah tidak pasti dalam

keadaan biasa perniagaan. Institut mengiktiraf liabiliti cukai berdasarkan anggaran penilaian liabiliti cukai yang perlu dibayar. Jika keputusan cukai muktamad itu berbeza daripada jumlah yang pada awalnya dicatatkan, perbezaan tersebut akan memberi kesan ke atas cukai pendapatan dan cukai tertunda, di mana bersesuaian, dalam tempoh yang mana penentuan itu dibuat.

Kesan cukai tertunda yang berpunca daripada perubahan dalam kadar cukai pendapatan korporat dinilai dengan merujuk kepada anggaran realisasi dan penyelesaian perbezaan sementara dalam tempoh masa hadapan yang mana kadar cukai dijangka akan diguna pakai, berdasarkan kadar cukai digubal atau digubal sebagiannya pada tarikh pelaporan. Walaupun anggaran Institut tentang realisasi dan penyelesaian perbezaan sementara berdasarkan maklumat sedia ada pada tarikh pelaporan, prestasi operasi masa depan dan faktor lain boleh memberi kesan ke atas masa sebenar dan amaun perbezaan sementara direalisasi dan diselesaikan. Sebarang perbezaan antara amaun sebenar dan amaun anggaran akan diiktiraf dalam untung dan rugi dalam tempoh yang mana realisasi dan penyelesaian sebenar berlaku. Amaun bawaan liabiliti cukai tertunda pada 30 Jun 2014 adalah RM123,864 (2013: RM129,207).

#### **(iv) Peringkat penyiapan bagi semakan akreditasi**

Peringkat penyiapan bagi semakan akreditasi dinilai dengan merujuk kepada bahagian kerja yang telah dilaksanakan pada tarikh pelaporan.

### 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Pada akhir tahun kewangan, Institut masih menerima hak milik strata untuk lot kedai pegangan pajakan di Sabah yang dibeli pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2000 yang mempunyai nilai bawaan bersih sebanyak RM278,561 (2013: RM286,461).

Termasuk dalam harta tanah, loji dan peralatan adalah aset yang telah disusut nilai sepenuhnya dan masih digunakan dengan kos berjumlah RM2,071,781 (2013: RM1,983,147). Pada tahun kewangan, perbelanjaan susut nilai berjumlah RM66,667 (2013: RM66,667) yang dimasukkan dalam untung atau rugi merupakan aset yang diperolehi dengan menggunakan geran kerajaan untuk program Menalk taraf dan Pemodenan (Nota 15(c)).

Pejabat dalam pembinaan dengan amaun bawaan berjumlah RM9,055,574 (2013: RM9,055,574) telah dicagarkan kepada bank sebagai cagatan untuk pembiayaan cara Islam Institut. (Nota11).

<b>Kos</b>	<b>Tanah pegangan kekal</b>	<b>Bangunan</b>	<b>Pejabat dalam pembinaan</b>	<b>Peralatan komputer</b>	<b>Pengubah- suai</b>	<b>Perabot &amp; kelengkapan</b>	<b>Peralatan pejabat</b>	<b>Jumlah</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	
Pada 1 Julai 2013	580,160	2,426,239	9,055,574	1,899,466	1,496,748	549,888	766,357	16,774,432
Tambahan	-	-	-	212,372	40,710	10,790	19,590	283,462
Hapus kira (Nota 20)	-	-	-	(23,679)	-	-	-	(23,679)
Pada 30 Jun 2014	580,160	2,426,239	9,055,574	2,088,159	1,537,458	560,678	785,947	17,034,215
<b>Susut nilai terkumpul</b>								
Pada 1 Julai 2013	-	983,646	-	1,489,016	1,022,663	382,751	515,797	4,393,873
Caj bagi tahun (Nota 20)	-	48,644	-	280,730	107,512	32,640	52,695	522,221
Hapus kira (Nota 20)	-	-	-	(23,671)	-	-	-	(23,671)
Pada 30 Jun 2014	-	1,032,290	-	1,746,075	1,130,175	415,391	568,492	4,892,423
<b>Amaun bawaan bersih pada 30 Jun 2014</b>								
	580,160	1,393,949	9,055,574	342,084	407,283	145,287	217,455	12,141,792

### 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

	Tanah pegangan kekal	Bangunan	Pejabat dalam pembinaan	Peralatan komputer	Pengubah-suaian	Perabot & kelengkapan	Peralatan pejabat	Jumlah
Kos	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Julai 2012	580,160	2,426,239	-	2,105,656	1,257,573	508,644	814,834	7,693,106
Tambahan	-	-	9,055,574	170,532	289,357	61,462	23,739	9,600,664
Hapus kira (Nota 20)	-	-	-	(376,722)	(50,182)	(20,218)	(72,216)	(519,338)
Pada 30 Jun 2013	580,160	2,426,239	9,055,574	1,899,466	1,496,748	549,888	766,357	16,774,432
<b>Susut nilai terkumpul</b>								
Pada 1 Julai 2012	-	935,002	-	1,596,912	933,775	360,127	519,424	4,345,240
Caj bagi tahun (Nota 20)	-	48,644	-	268,731	106,300	32,643	55,707	512,025
Hapus kira (Nota 20)	-	-	-	(376,627)	(17,412)	(10,019)	(59,334)	(463,392)
Pada 30 Jun 2013	-	983,646	-	1,489,016	1,022,663	382,751	515,797	4,393,873
<b>Amaun bawaan bersih pada 30 Jun 2013</b>								
	580,160	1,442,593	9,055,574	410,450	474,085	167,137	250,560	12,380,559

## 4. ASET TIDAK KETARA

	2014 RM	2013 RM
<b>Perisian komputer</b>		
<b>Kos</b>		
Pada awal tahun kewangan	261,257	251,157
Tambahan dalam tahun kewangan	93,027	10,100
Pada akhir tahun kewangan	<u>354,284</u>	<u>261,257</u>
<b>Pelunasan terkumpul</b>		
Pada awal tahun kewangan	182,397	137,420
Pelunasan bagi tahun kewangan (Nota 20)	51,739	44,977
Pada akhir tahun kewangan	<u>234,136</u>	<u>182,397</u>
<b>Amaun bawaan bersih pada akhir tahun kewangan</b>	<u>120,148</u>	<u>78,860</u>

Perisian komputer mewakili kos perisian yang diperolehi. Kos perisian yang diperolehi, termasuk semua kos langsung yang berkaitan dalam menyediakan aset untuk digunakan, dilunaskan pada asas garis lurus ke atas jangkaan hayat guna selama 3 tahun.

## 5. PELABURAN

	2014 RM	2013 RM
Pada kos		
Pelaburan, tidak disebut harga	<u>7,458</u>	<u>7,458</u>

Institut telah memperolehi 9.09% pegangan dalam modal saham terbitan dan berbayar Ultimate Professional Centre (Sarawak) Sdn Bhd (UPC) dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 1996.

## 6. INVENTORI

	2014 RM	2013 RM
Pada kos		
Penerbitan, cenderamata dan barang niaga	<u>28,926</u>	<u>35,495</u>

Pada tahun kewangan, jumlah inventori yang diiktiraf sebagai perbelanjaan adalah sebanyak RM56,155 (2013: RM 101,280).

## 7. BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2014 RM	2013 RM
Jumlah belum diterima daripada peserta acara dan persidangan	936,648	362,953
Pelbagai belum terima	325,764	534,133
	1,262,412	897,086
Tolak : Peruntukan bagi kerugian rosot nilai	(69,783)	(28,769)
	1,192,629	868,317
Prabayar	664,837	793,569
Pelbagai deposit	64,284	70,533
	729,121	864,102
	<u>1,921,750</u>	<u>1,732,419</u>

Tempoh kredit yang diberikan kepada akaun belum terima adalah dari 30 hari hingga 90 hari (2013: 30 hari hingga 60 hari).

Analisis jangka masa belum terima adalah seperti berikut:

	2014 RM	2013 RM
Tidak melebihi tempoh matang atau tiada rosot nilai	858,002	382,332
1 hingga 30 hari melebihi tempoh matang tetapi tiada rosot nilai	167,022	244,500
31 hingga 60 hari melebihi tempoh matang tetapi tiada rosot nilai	94,459	77,775
61 hingga 90 hari melebihi tempoh matang tetapi tiada rosot nilai	73,146	75,569
Lebih daripada 90 hari melebihi tempoh matang tetapi tiada rosot nilai	-	88,141
	1,192,629	868,317
Rosot nilai	69,783	28,769
	<u>1,262,412</u>	<u>897,086</u>

### Belum terima yang tidak melebihi tempoh matang atau tiada rosot nilai

Belum terima yang tidak melebihi tempoh matang atau tiada rosot nilai adalah penghutang yang mempunyai rekod bayaran yang baik dengan Institut. Institut tidak memegang sebarang cagaran ke atas baki-baki tersebut.

### Belum terima yang telah melebihi tempoh matang tetapi tiada rosot nilai

Belum terima yang telah melebihi tempoh matang tetapi tiada rosot nilai adalah berkaitan dengan penghutang dengan corak pembayaran yang lebih lambat. Berdasarkan pengalaman lalu, Majlis Institut yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk rosot nilai diperlukan bagi baki tersebut oleh kerana tiada perubahan ketara dalam kualiti kredit dan baki itu masih dianggap boleh diperolehi semula kesemuanya. Institut tidak memegang sebarang cagaran ke atas baki-baki tersebut.

### Belum terima yang merosot nilai

Belum terima yang mengalami rosot nilai pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

	2014 RM	2013 RM
Belum terima – aman nominal	69,783	28,769
Tolak : Peruntukan bagi kerugian rosot nilai	(69,783)	(28,769)
	-	-

## 7. BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PRABAYAR (SAMB.)

Belum terima ini telah dikenal pasti satu persatu untuk dirosot nilai apabila Majlis, berdasarkan penilaiannya pada tarikh pelaporan, menganggarkan belum terima ini tidak dapat dipulihkan.

Pergerakan peruntukan kerugian rosot nilai pada tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2014 RM	2013 RM
Pada awal tahun kewangan	28,769	29,544
Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam tahun kewangan (Nota 20)	69,783	5,725
Penarikbalikan kerugian rosot nilai (Nota 20)	<u>(28,769)</u>	<u>(6,500)</u>
Pada akhir tahun kewangan	<u>69,783</u>	<u>28,769</u>

Dalam tahun kewangan, belum terima yang dihapus kira berjumlah RM9,901 (2013: RM8,970) telah diiktiraf dalam untung atau rugi (Nota 20).

## 8. YURAN TERTUNGGAK

Menurut Peraturan (Keanggotaan dan Majlis) 2001, Bahagian II, perenggan 7(1), Majlis boleh mengarahkan Pendaftar untuk mengeluarkan nama mana-mana ahli yang mempunyai sebarang yuran tertunggak selama 6 bulan atau lebih daripada Daftar Keahlian. Ahli-ahli yang sedang dalam siasatan dan terlibat dalam prosiding tata tertib yang dikenakan ke atas mereka dan yang mempunyai yuran tertunggak lebih daripada enam (6) bulan tidak akan dikeluarkan daripada Daftar Keahlian. Anggaran dibuat bagi peruntukan kerugian rosot nilai berdasarkan semakan semua yuran tertunggak pada tarikh pelaporan.

	2014 RM	2013 RM
Yuran tertunggak	11,150	9,250
Tolak : Peruntukan bagi kerugian rosot nilai	<u>(11,150)</u>	<u>(9,250)</u>
	-	-

Belum terima ini telah ditentukan secara satu persatu untuk dirosot nilai apabila Majlis, berdasarkan penilaiannya pada tarikh pelaporan, menganggarkan bahawa belum terima tersebut tidak boleh diubah.

Pergerakan peruntukan bagi kerugian rosot nilai pada tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2014 RM	2013 RM
Pada awal tahun kewangan	9,250	5,750
Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam tahun kewangan (Nota 20)	5,350	3,500
Penarikbalikan kerugian rosot nilai (Nota 20)	<u>(1,700)</u>	-
Dihapus kira	<u>(1,750)</u>	-
Pada akhir tahun kewangan	<u>11,150</u>	<u>9,250</u>

Dalam tahun kewangan, yuran tertunggak yang dihapus kira berjumlah RM209,850 (2013 : RM98,850) telah diiktiraf dalam untung atau rugi (Nota 20).

## 9. AKAUN AMANAH INSTITUSI

Institut telah menempatkan dana dalam Akaun Amanah Institusi yang dikendalikan oleh Amanah Raya Berhad, syarikat awam liabiliti terhad yang bermastautin di Malaysia. Dana ini dikeluarkan kesemuanya pada 1 Ogos 2013. Kadar dividen kasar yang diterima oleh Institut sebelum pengeluaran adalah 4.25% setahun. (2013: 4.25% setahun).

## 10. SIMPANAN TETAP DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

Kadar faedah efektif yang boleh diterima bagi simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen adalah antara 3.05% hingga 3.80% (2013: 2.75% hingga 3.80%) setahun.

Tempoh matang simpanan tetap dibentangkan seperti berikut:

	2014	2013
	RM	RM
Dalam masa 3 bulan	9,515,817	3,051,732
Selepas 3 bulan	<u>15,608,890</u>	<u>11,172,191</u>
	<u>25,124,707</u>	<u>14,223,923</u>

## 11. PEMBIAYAAN CARA ISLAM

	2014	2013
	RM	RM
Bayaran balik antara dua hingga lima tahun	1,390,300	1,042,725
Bayaran balik lebih dari lima tahun	<u>4,170,900</u>	<u>4,518,475</u>
	<u>5,561,200</u>	<u>5,561,200</u>

Institut mendapat pembiayaan cara Islam berjumlah RM18.9 juta dalam tahun sebelumnya untuk membiayai sebahagian daripada pembelian 2 unit pejabat di Bangsar South. Pembiayaan ini dicagar ke atas pejabat dalam pembinaan (Nota 3). Kadar Keuntungan Efektif (EPR) pembiayaan tersebut adalah 4.2% setahun. Walau bagaimanapun, EPR tidak boleh melebihi Kadar Keuntungan Siling (CPR) iaitu 10.75% setahun. Pembiayaan ini perlu dibayar semula secara ansuran selama 192 bulan.

Bank telah bersetuju untuk memberi Ibra' (rebate) daripada jumlah tersebut jika EPR kurang daripada CPR; pada ketika penyelesaian awal kemudahan tersebut dibuat; dan/atau apabila Bank menerima jumlah penyelesaian awal berikutnya sebarang Kejadian Kelalaian seperti mana termaktub dalam perjanjian kemudahan.

## 12. LIABILITI CUKAI TERTUNDA

	2014	2013
	RM	RM
Liabiliti cukai tertunda - hartanah, loji dan peralatan	<u>123,864</u>	<u>129,207</u>
<b>Pada awal tahun kewangan</b>	<b>129,207</b>	<b>130,085</b>
Diiktiraf di dalam untung atau rugi (Nota 21)	<u>(5,343)</u>	<u>(878)</u>
<b>Pada akhir tahun kewangan</b>	<b>123,864</b>	<b>129,207</b>

## 12. LIABILITI CUKAI TERTUNDA (SAMB.)

### Aset cukai tertunda tidak diiktiraf

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi butiran berikut pada tarikh pelaporan oleh kerana tiada kepastian akan adanya keuntungan boleh cukai di masa depan menggunakan sebarang kemungkinan manfaat cukai.

	2014 RM	2013 RM
Perbezaan sementara boleh ditolak	187,998	304,616
Elaun modal tidak diserap	1,207,652	934,461
Kerugian cukai tidak digunakan	2,026,662	1,896,903
	<hr/>	<hr/>
Aset cukai tertunda berpotensi tidak diiktiraf pada 24%	3,422,312	3,135,980
	<hr/>	<hr/>
	821,355	752,635
	<hr/>	<hr/>

## 13. PELBAGAI BELUM BAYAR DAN AKRUAN

	2014 RM	2013 RM
Pelbagai belum bayar	512,859	533,724
Akruan - Perbelanjaan acara dan persidangan	1,376,378	639,721
Akruan - Manfaat kakitangan	3,335,381	2,363,135
Akruan - Perbelanjaan pendidikan	217,790	447,000
Akruan - Lain-lain	405,612	357,979
	<hr/>	<hr/>
	5,848,020	4,341,559
	<hr/>	<hr/>

Tempoh kredit bagi pelbagai belum dibayar kepada Institut adalah dari 14 hari hingga 60 hari (2013: 14 hari hingga 60 hari).

## 14. PENDAPATAN TERTUNDA

	2014 RM	2013 RM
Kemasukan keahlian menanti kelulusan Majlis	319,957	243,482
Pemegang sijil amalan belum menanti kelulusan Majlis	9,000	13,500
Pendapatan tertunda – ahli sedia ada	15,700	19,600
Pendapatan tertunda – acara dan persidangan	2,251,078	676,923
Pendapatan tertunda daripada semakan akreditasi universiti	85,000	118,200
Pendapatan tertunda – lain-lain	68,382	41,734
	<hr/>	<hr/>
	2,749,117	1,113,439
	<hr/>	<hr/>

## **15. PENDAPATAN TERTUNDA - GERAN KERAJAAN**

<b>FRSIC</b>	<b>ICS</b>	<b>SSCDF</b>	<b>Pembangunan Keupayaan</b>	<b>Geran latihan SMIDEC</b>	<b>Jumlah</b>
<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
2,000,000 (2,000,000)	125,000 (116,724)	639,096 (639,096)	1,372,400 (1,328,383)	2,623,894 (2,543,292)	6,760,390 (6,627,495)
-	8,276	-	44,017	80,602	132,895
2,000,000 (2,000,000)	125,000 (90,629)	565,400 (565,400)	1,372,400 (1,133,697)	2,560,554 (2,222,004)	6,623,354 (6,011,730)
-	34,371	-	238,703	338,550	611,624

(a) FRSIC

Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDF) telah meluluskan geran kepada Institut pada tahun 2008. Geran ini adalah untuk penubuhan dan operasi urus setia khusus untuk menguruskan pelaksanaan Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan (FRSIC). Ia diterima setiap tahun sepanjang tempoh 5 tahun dari 1 Oktober 2007 hingga 30 September 2012 yang berjumlah RM2,000,000. Geran ini telah digunakan sepenuhnya dalam tahun kewangan lalu.

Berikut diperincikan pergerakan akaun FRSIC dalam tahun kewangan:

	2013	2014
	RM	RM
(i) Geran diterima		
Pada awal/akhir tahun kewangan	<u>2,000,000</u>	<u>2,000,000</u>
(ii) Pendapatan tertunda dikeluarkan sebagai pampasan bagi perbelanjaan berkaitan yang ditanggung		
Pada awal tahun kewangan	2,000,000	1,928,695
Mesyuarat	-	5
Gaji	71,300	71,305
Pada akhir tahun kewangan		<u>2,000,000</u>

## **15. PENDAPATAN TERTUNDA – GERAN KERAJAAN (SAMB.)**

### **(b) ICS**

Ini mewakili geran daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebanyak RM125,000 bagi Institut membangunkan kes-kes bersepadu untuk digunakan oleh universiti-universiti di bawah kursus yang baru diperkenalkan, iaitu Kajian Kes Bersepadu (ICS).

Berikut diperincikan pergerakan akaun ICS dalam tahun kewangan:

	<b>2014</b>	<b>2013</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
(i) Geran diterima		
Pada awal/akhir tahun kewangan	125,000	125,000
(ii) Pendapatan tertunda dikeluarkan sebagai pampasan bagi perbelanjaan berkaitan yang ditanggung		
Pada awal tahun kewangan	90,629	83,820
Mesyuarat, bengkel dan perjalanan	1,851	-
Percetakan buku-buku ICS	20,044	209
Sagu hati	4,200	6,600
Pada akhir tahun kewangan	26,095	6,809
	116,724	90,629

## 15. PENDAPATAN TERTUNDA – GERAN KERAJAAN (SAMB.)

### (c) SSCDF

RM1,1308 juta telah diluluskan di bawah Dana Pembangunan Keupayaan Sektor Perkhidmatan (SSCDF), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dengan RM630,800 adalah untuk Program Menaik taraf dan Pemodenan serta RM500,000 adalah untuk Program Latihan/Penggapaian. 50% daripada geran yang berjumlah RM565,400 telah diterima oleh Institut dalam tahun kewangan lalu dan bakinya akan boleh dituntut apabila program ini selesai.

Pada tarikh pelaporan, Institut telah menyerahkan laporan penuh penggunaan geran kepada MIDA dan kini sedang menunggu kelulusan MIDA untuk membayar balik perbelanjaan yang ditanggung.

Berikut diperincikan pergerakan akaun SSCDF dalam tahun kewangan:

	2014		2013	
	Naik taraf & Pemodenan - pembangunan RM	Latihan / Penggapaian RM	Jumlah RM	Naik taraf & Pemodenan - pembangunan RM
(i)				
Geran diterima/belum terima				
Pada awal/ akhir tahun kewangan	315,400	250,000	565,400	315,400
Geran belum terima pada tahun kewangan	73,696	-	73,696	-
Pada akhir tahun kewangan	389,096	250,000	639,096	315,400
(ii)				
Pendapatan tertunda dikeluarkan sebagai pampasan bagi perbelanjaan berkaitan yang ditanggung				
Pada awal tahun kewangan	432,193	133,207	565,400	77,244
Mesyuarat dan bengkel	-	-	-	3,416
Perbelanjaan latihan fasilitator	-	-	-	66,670
Percetakan teks pembelajaran MIA QE & manual bengkel	7,029	-	7,029	94,866
Yuran profesional	-	-	-	190,000
Susut nilai aset yang diperolehi menggunakan geran kerajaan	66,667	-	66,667	66,667
Pada akhir tahun kewangan	73,696	-	73,696	354,949
	505,889	133,207	639,096	432,193
				133,207
				565,400

## 15. PENDAPATAN TERTUNDA – GERAN KERAJAAN (SAMB.)

### (d) PEMBANGUNAN KEUPAYAAN

	Percantuman & pengembangan RM	Kesedaran CARE RM	Sistem Perisian CARE RM	Mentor CARE RM	Kursus untuk pelajar bukan perakaunan RM	Semakan akreditasi RM	Kursus MFRS RM	Jumlah RM
(i)	Geran diterima Pada awal/akhir tahun kewangan	76,304	147,200	94,000	127,296	116,600	120,000	691,000
(ii)	Pendapatan tertunda dikeluarkan sebagai pampasan bagi perbelanjaan berkaitan yang ditanggung	76,304	124,855	54,400	111,351	40,540	35,247	691,000
	Pada awal tahun kewangan Perbelanjaan kesedaran Program Pengalaman Relevan Aktauntan Berkanun (CARE) Perbelanjaan mentor CARE Kursus peralihan bagi pelajar bukan perakaunan Semakan akreditasi	-	22,345	-	-	-	-	22,345
	Pada akhir tahun kewangan	76,304	147,200	54,400	122,879	116,600	120,000	691,000
								1,328,383

## 15. PENDAPATAN TERTUNDA – GERAN KERAJAAN (SAMB.)

### (d) PEMBANGUNAN KEUPAYAAN (SAMB.)

	Percantuman & pengabungan RM	Kesedaran CARE RM	Sistem Perisian CARE RM	Mentor CARE RM	Kursus untuk pelajar bukan perakaunan RM	Semakan akreditasi RM	Kursus MFRS RM	Jumlah RM
(i)								
Geran diterima	70,000	79,000	150,000	157,900	58,300	120,000	350,000	985,200
Pada awal tahun kewangan								
Geran diterima dalam tahun kewangan	-	28,200	50,000	75,700	58,300	-	175,000	387,200
Pindahan geran daripada (kepada)	6,304	40,000	(106,000)	(106,304)	-	-	166,000	-
Pada akhir tahun kewangan	76,304	147,200	94,000	127,296	116,600	120,000	691,000	1,372,400
(ii)								
Pendapatan tertunda dikeluarkan sebagai pampasan bagi perbelanjaan berkaitan yang ditanggung	33,780	86,841	-	29,450	-	-	153,000	303,071
Pada awal tahun kewangan								
Perbelanjaan percantuman & pengabungan	42,524	-	-	-	-	-	-	42,524
Perbelanjaan kesedaran	-	-	-	-	-	-	-	-
Program Pengalaman Relevan Aktauntan Berkunun (CARE)	-	38,014	-	-	-	-	-	38,014
Sistem CARE	-	-	54,400	-	-	-	-	54,400
Perbelanjaan mentor CARE	-	-	-	81,901	-	-	-	81,901
Kursus peralihan bagi pelajar bukan perakaunan	-	-	-	-	40,540	-	-	40,540
Semakan akreditasi	-	-	-	-	-	35,247	-	35,247
Kursus MFRS	-	-	-	-	-	-	538,000	538,000
Pada akhir tahun kewangan	42,524	38,014	54,400	81,901	40,540	35,247	538,000	830,626
	76,304	124,855	54,400	111,351	40,540	35,247	691,000	1,133,697

Kelulusan untuk bantuan kerajaan bagi Pembangunan Keupayaan telah diterima pada 12 April 2012 untuk menjalankan program-program di atas.

## 15. PENDAPATAN TERTUNDA – GERAN KERAJAAN (SAMB.)

### (e) Geran latihan SMIDEC

Institut telah ditawarkan geran latihan daripada SMECorp Malaysia (SMIDEC) untuk program mandatori dan kepakaran. Yuran kursus untuk peserta yang layak akan diberi subsidi.

	2014 RM	2013 RM
Geran diterima		
Pada awal tahun kewangan	2,560,554	1,857,314
Geran diterima dalam tahun kewangan	63,340	703,240
Pada akhir tahun kewangan	2,623,894	2,560,554
Geran digunakan	(2,543,292)	(2,222,004)
	80,602	338,550

## 16. PENDAPATAN KEAHLIAN

	2014 RM	2013 RM
Yuran pendaftaran tahunan ahli	10,904,450	7,563,550
Yuran kemasukan ahli	694,000	804,600
Yuran sijil amalan	707,500	685,250
	12,305,950	9,053,400

## 17. PENDAPATAN DARIPADA DAN (PERBELANJAAN UNTUK) ACARA DAN PERSIDANGAN

	2014 RM	2013 RM
Pendapatan	19,246,667	15,429,432
Perbelanjaan langsung	(10,182,788)	(8,173,180)
	9,063,879	7,256,252

## 18. PENDAPATAN LAIN

	2014 RM	2013 RM
Pendapatan pendidikan	809,790	932,335
Iklan dalam Accountants Today dan laman web lain	179,175	250,256
Bil semakan amalan	206,838	239,361
Pendapatan daripada aktiviti bersama dengan badan profesional lain	97,645	101,728
Pelunasan pendapatan tertunda – geran kerajaan (Nota 15 (c))	66,667	66,667
Dividen daripada akaun amanah institusi	12,325	186,400
Faedah atas simpanan tetap dan akaun semasa	718,100	512,022
Pendapatan sewa	33,600	33,600
Aktiviti-aktiviti pejabat serantau	-	33,050
Denda penguatkuasaan – bayaran balik	88,050	13,750
Pelbagai pendapatan	43,386	26,475
	<hr/> <u>2,255,576</u>	<hr/> <u>2,395,644</u>

## 19. MANFAAT KAKITANGAN

	2014 RM	2013 RM
Gaji, kerja lebih masa dan bonus	11,993,694	9,386,384
Caruman kepada KWSP	1,838,292	1,414,553
Manfaat kakitangan yang lain	449,086	377,719
Caruman keselamatan sosial	84,519	77,515
Latihan kakitangan	279,911	343,616
Kebajikan kakitangan	181,568	226,769
	<hr/> <u>14,827,070</u>	<hr/> <u>11,826,556</u>

## 20. LEBIHAN SEBELUM CUKAI

		2014 Nota	2013 RM	2013 RM
Lebihan sebelum cukai telah diperolehi selepas dicaj / (dikredit):				
Perbelanjaan pendidikan		489,511	330,845	
Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan	3	522,221	512,025	
Pelunasan aset tidak ketara	4	51,739	44,977	
Imbuhan juruaudit – audit berkanun		15,032	14,516	
Kerugian rosot nilai atas aset kewangan:				
- belum terima	7	69,783	5,725	
- yuran tertunggak	8	5,350	3,500	
Pembalikan kerugian rosot nilai atas aset kewangan:				
- belum terima	7	(28,769)	(6,500)	
- yuran tertunggak	8	(1,700)	-	
Aset kewangan dihapus kira:				
- belum terima	7	9,901	8,970	
- yuran tertunggak	8	209,850	98,850	
Aset bukan kewangan dihapus kira:				
- Hartanah, loji dan peralatan	3	8	55,946	
- Inventori		15,390	3,159	
Aset yang dibelanjakan		5,070	3,167	
Sewa pejabat		<u>526,350</u>	<u>532,954</u>	

## 21. CUKAI PENDAPATAN

		2014 RM	2013 RM
Cukai pendapatan			
- tahun semasa		-	60,000
- terlebih peruntukan bagi tahun sebelumnya		<u>(637,316)</u>	-
		<u>(637,316)</u>	<u>60,000</u>
Cukai tertunda (Nota 12)			
- berkaitan dengan asalan dan pembalikan perbezaan sementara		<u>(5,343)</u>	<u>(878)</u>
		<u>(642,659)</u>	<u>59,122</u>

Bagi tujuan cukai, Institut dianggap sebagai "Persatuan Perdagangan" di bawah Seksyen 53(3) Akta Cukai Pendapatan, 1967 yang mana pendapatannya dikenakan cukai pada kadar skala.

## 21. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN (SAMB.)

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan yang boleh digunakan untuk lebihan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan efektif Institut adalah seperti berikut:

	2014 RM	2013 RM
Lebihan sebelum cukai	2,719,690	1,307,285
Cukai dikira pada kadar cukai berkanun sebanyak 24% (2013: 24%)	652,726	313,748
Kesan cukai daripada:		
– perbelanjaan tidak boleh ditolak bagi tujuan cukai	56,985	72,751
– elaun modal tidak diserap bagi tahun semasa yang tidak boleh diambil kira di bawah Pembetulan kepada Ketetapan Umum No. 6/2005	38,507	28,483
– aset cukai tertunda tidak diiktiraf	68,720	43,528
– pendapatan keahlian tidak tertakluk kepada cukai	(822,281)	(399,388)
– terlebih peruntukan cukai pendapatan bagi tahun terdahulu	(637,316)	-
	<u>(642,659)</u>	<u>59,122</u>

## 22. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Urus niaga yang dijalankan dengan pihak berkaitan dalam tahun kewangan ini adalah seperti berikut:

### (a) Yuran dibayar oleh ahli Majlis

	2014 RM	2013 RM
Yuran tahunan keahlian	8,850	7,200
Yuran sijil amalan	3,000	3,500
	<u>11,850</u>	<u>10,700</u>

### (b) Pampasan kakitangan pengurusan utama

Kakitangan pengurusan utama ialah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Institut sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kakitangan pengurusan utama Institut ialah Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi dan Pengarah-pengarah Pembangunan Keahlian & Pendidikan, Piawaian & Amalan Profesional dan Pengawasan & Penguatkuasaan. Imbuhan mereka bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2014 RM	2013 RM
Gaji dan bonus	1,273,936	681,065
Caruman kepada KWSP	188,925	95,928
Caruman keselamatan sosial	2,014	1,033
	<u>1,464,875</u>	<u>778,026</u>

Jumlah baki pampasan pada akhir tahun sebanyak RM350,838 (2013: RM14,371) yang perlu dibayar kepada kakitangan pengurusan utama dimasukkan dalam akaun belum bayar dan akruan.

## 23. INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang mewujudkan aset kewangan bagi satu pihak peniagaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu pihak perniagaan yang lain.

### (a) Kategori instrumen kewangan

	Aset kewangan tersedia untuk dijual	Pinjaman dan belum terima	Liabiliti kewangan pada kos terlunas	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
<b>Pada 30 Jun 2014</b>				
Aset kewangan:				
- Pelaburan	7,458	-	-	7,458
- Belum terima dan deposit	-	1,256,913	-	1,256,913
- Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	-	25,124,707	-	25,124,707
- Tunai dan baki di bank	-	4,175,898	-	4,175,898
Jumlah aset kewangan	7,458	30,557,518	-	30,564,976

### Liabiliti Kewangan:

- Pembiayaan cara Islam	-	-	5,561,200	5,561,200
- Belum bayar	-	-	512,859	512,859
- Akruan	-	-	5,335,161	5,335,161
Jumlah liabiliti kewangan	-	-	11,409,220	11,409,220

### Pada 30 Jun 2013

#### Aset Kewangan:

- Pelaburan	7,458	-	-	7,458
- Belum terima dan deposit	-	938,850	-	938,850
- Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	-	14,223,923	-	14,223,923
- Akaun Amanah Institusi	-	3,396,342	-	3,396,342
- Tunai dan baki di bank	-	3,622,703	-	3,622,703
Jumlah aset kewangan	7,458	22,181,818	-	22,189,276

#### Liabiliti Kewangan:

- Pembiayaan cara Islam	-	-	5,561,200	5,561,200
- Belum bayar	-	-	533,724	533,724
- Akruan	-	-	3,807,835	3,807,835
Jumlah liabiliti kewangan	-	-	9,902,759	9,902,759

### (b) Hasil bersih daripada instrumen kewangan

	2014	2013
	RM	RM
Hasil bersih atas pinjaman dan belum terima	466,010	587,877

## 23. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

### (c) Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

Objektif pengurusan risiko kewangan Institut adalah untuk memastikan Institut mencipta nilai dan memaksimumkan pulangan kepada Institut dan semua ahlinya. Dasar pengurusan risiko kewangan Institut berusaha memastikan bahawa sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi bagi pelaksanaan operasi yang lancar. Institut mempunyai pendedahan terhadap risiko kecairan, risiko kadar faedah dan risiko keuntungan yang datangnya daripada pembiayaan cara Islam. Institut tidak melabur dalam saham disebut harga dan oleh itu, tidak terdedah kepada risiko pasaran akibat risiko turun naik instrumen kewangan berikut perubahan dalam harga pasaran.

#### (i) Risiko kredit

Belum terima dan urus niaga dengan institusi perbankan mungkin mendatangkan risiko kredit yang memerlukan kerugian diiktiraf sekiranya pihak balas gagal menjalankan urusan sebagaimana ditetapkan dalam kontrak. Pihak balas adalah institusi kewangan berlesen dan organisasi. Dasar Institut adalah untuk memantau kedudukan kewangan pihak-pihak ini secara berterusan bagi memastikan bahawa Institut terdedah kepada risiko kredit yang minimum. Institut juga telah membuat kawalan yang ketat dengan mengeluarkan ahli-ahli yang mempunyai baki tertunggak melebihi 6 bulan seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan Institut Akauntan Malaysia (Keanggotaan dan Majlis) 2001.

Selain daripada yang dinyatakan, Institut tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang ketara. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit diwakili oleh amaun bawaan aset kewangan dalam penyata kedudukan kewangan.

#### (ii) Risiko kecairan

Risiko kecairan atau pembiayaan adalah risiko ketidakupayaan memenuhi komitmen yang berkaitan dengan instrumen kewangan.

Institut mengamalkan pengurusan risiko kecairan yang berhemat untuk meminimumkan ketidakpadanan antara aset kewangan dan liabiliti kewangan, dan untuk mengekalkan tahap tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerjanya.

#### Analisis kematangan

Profil kematangan liabiliti kewangan Institut pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan kepada bayaran berkontrak tidak didiskaunkan adalah seperti berikut:

	Amaun bawaan	Kadar keuntungan berkontrak	Aliran tunai kasar berkontrak	< lebih dari setahun		1 - 5 tahun	> 5 tahun
				RM	RM		
<b>2014</b>							
Pembiayaan Islam	5,561,200	4.20%	7,646,784	-	6,499,824	1,146,960	
Pelbagai belum bayar dan akruan	5,848,020		5,848,020	5,848,020	-	-	
	<u>11,409,220</u>		<u>13,494,804</u>	<u>5,848,020</u>	<u>6,499,824</u>	<u>1,146,960</u>	
<b>2013</b>							
Pembiayaan Islam	5,561,200	4.20%	7,646,784	-	4,874,868	2,771,916	
Pelbagai belum bayar dan akruan	4,341,559		4,341,559	4,341,559	-	-	
	<u>9,902,759</u>		<u>11,988,343</u>	<u>4,341,559</u>	<u>4,874,868</u>	<u>2,771,916</u>	

## 23. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

### (iii) Risiko kadar faedah

Institut juga terdedah kepada risiko kadar faedah bagi simpanan tetapnya dan risiko kadar keuntungan bagi pembiayaan cara Islam dengan institusi kewangan dan bank berlesen.

Institut memastikan bahawa ia menempatkan simpanan tetap pada kadar faedah yang kompetitif di bawah terma dan syarat yang paling baik.

Institut terdedah kepada risiko kadar faedah bagi simpanan tetapnya dengan institusi kewangan dan bank berlesen. Oleh kerana simpanan tetap ini tertakluk kepada kadar tetap dan tidak diambil kira pada nilai saksama melalui untung atau rugi, sebarang perubahan dalam kadar faedah pasaran tidak akan mempengaruhi keputusan kewangan untuk tahun kewangan ini dan dana Institut.

Institut juga terdedah kepada risiko kadar keuntungan bagi pembiayaan cara Islamnya dengan bank berlesen sehingga kadar siling maksimum 10.75%. Bank akan memberikan Ibra' (rebate) kepada Institut jika EPR kurang daripada CPR: di bawah penyelesaian awal kemudahan tersebut dan/atau selepas bank berlesen itu menerima jumlah penyelesaian awal berikutan berlakunya sebarang Kejadian Kegagalan seperti mana ditetapkan dalam perjanjian kemudahan/pinjaman.

### (d) Nilai saksama

Amaun bawaan aset kewangan dan liabiliti kewangan Institut pada akhir tahun kewangan menghampiri nilai saksamanya, pada asas berikut:

#### **Aset kewangan dan liabiliti kewangan jangka pendek**

Amaun bawaan menghampiri nilai saksama disebabkan bentuk jangka pendek instrumen kewangan tersebut.

#### **Liabiliti kewangan jangka panjang (Pembiayaan cara Islam)**

Nilai saksama pembiayaan cara Islam ditentukan dengan mendiskunkan aliran tunai berkaitan dengan menggunakan kadar keuntungan semasa untuk instrumen yang serupa pada akhir tempoh pelaporan.

## 24. PENGURUSAN MODAL

Objektif Institut dalam menguruskan modal adalah:

- untuk melindungi fungsi Institut, iaitu mengawal selia dan membangunkan kerjaya perakaunan di Malaysia selaras dengan kewajipan berkanunnya di bawah Akta Akauntan 1967;
- untuk membangun dan meningkatkan kecekapan menerusi pendidikan dan latihan berterusan bagi menghadapi cabaran ekonomi sejagat; dan
- untuk menyediakan modal bagi tujuan memperkuuhkan kecekapan operasi Institut.

Institut menyemak dan menguruskan modalnya pada setiap masa untuk memastikan kecukupan bagi keperluan operasi dan modal. Semua lebihan dipindahkan kepada dana terkumpul untuk keperluan operasi masa depan. Bagi tujuan pendedahan modal, Majlis menganggap dana terkumpul sebagai modal Institut.

## 25. KOMITMEN

	2014	2013
	RM	RM

### (a) Komitmen modal

#### (i) Hartanah, loji dan peralatan

Diluluskan dan dikontrakkan	16,683,480	16,683,480
-----------------------------	------------	------------

#### (ii) Aset tidak ketara

Diluluskan dan dikontrakkan	72,473	-
-----------------------------	--------	---

Nota (i): Ini adalah berkaitan dengan perolehan pejabat baru di Bangsar South.

Nota (ii): Ini adalah berkaitan dengan perolehan Sistem Sumber Manusia.

## 25. KOMITMEN (SAMB.)

### (b) Pajakan bangunan pejabat

#### Pajakan sebagai penerima pajak

Institut memeterai perjanjian pajakan bangunan pejabat. Pajakan tidak boleh batal ini mempunyai baki tempoh selama antara 1 hingga 3 tahun. Sewa minimum perlu dibayar di masa akan datang di bawah pajakan operasi tidak boleh batal pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

	2014 RM	2013 RM
Kurang daripada satu tahun	494,350	467,850
Antara satu hingga lima tahun	326,225	243,200
	<u>820,575</u>	<u>711,050</u>

#### Pajakan sebagai pemajak

Institut memeterai perjanjian pajakan bangunan pejabat. Pajakan tidak boleh batal ini mempunyai baki tempoh selama 1 tahun. Sewa minimum boleh diterima di masa akan datang di bawah pajakan operasi tidak boleh batal pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

	2014 RM	2013 RM
Kurang daripada satu tahun	33,600	33,600
Antara satu hingga lima tahun	-	67,200
	<u>33,600</u>	<u>100,800</u>

## 26. PERBANDINGAN

Dalam penyata aliran tunai, Institut mengklasifikasikan simpanan tetap di institusi kewangan berlesen yang matang dalam masa 3 bulan sebagai setara tunai kerana simpanan tetap dipegang bagi tujuan memenuhi keperluan tunai jangka pendek. Oleh itu, angka-perbandingan tertentu bagi simpanan tetap telah dipinda untuk mematuhi pembentangan tahun semasa.

	Seperti dinyata sebelumnya	Pengelasan semula	Seperti dinyata semula
	RM	RM	RM
Penempatan simpanan tetap di institusi kewangan berlesen, matang selepas 3 bulan	-	(7,601,438)	(7,601,438)
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen, matang dalam 3 bulan	14,223,923	(11,172,191)	3,051,732
Tunai dan setara tunai pada awal tahun kewangan	24,630,775	(3,570,753)	21,060,022
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan	<u>21,242,968</u>	<u>(11,172,191)</u>	<u>10,070,777</u>